

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Zakat adalah suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan di bawah pengawasan kerajaan. Dengan demikian, pelaksanaan zakat sesungguhnya bergantung kepada dua faktor. Pertama, faktor luaran, iaitu kawalan kerajaan dan juga masyarakat Islam. Kedua, faktor dalaman, iaitu dorongan hati nurani setiap muslim yang berpunca dari keimanan mereka terhadap agama Islam.¹

Penubuhan lembaga amil zakat sebagai suatu badan yang menguruskan zakat bukanlah sesuatu kemestian menurut kebanyakan aliran pemikiran perundangan Islam. Pemikiran mazhab Hanafi berpendapat bahawa pembayar zakat sendiri dibenarkan mengagihkan zakat harta yang tidak nyata (seperti emas dan perak) secara langsung kepada penerima tanpa melalui pihak kerajaan sebagai perantara. Khalifah Saidina Usman bin Affan membenarkan tindakan pembayar zakat tersebut kerana kemungkinan ditakuti kutipan zakat tersebut jatuh ke tangan amil yang korup dan menyeleweng zakat tersebut.² Lembaga amil zakat yang dikenali dengan sebutan Baitul Mal merupakan lembaga perekonomian Islam. Institusi ini secara jelas sangat berbeza dengan institusi kewangan Islam lainnya. Namun, keterkaitannya sangatlah kuat, kerana lembaga Baitul Mal merupakan institusi yang menjalankan fungsi-fungsi ekonomi dan sosial dari sebuah negara Islam.

¹ Yusuf Qaradhawi, (1999), *Kiat Islam Mengentaskan Kemiskinan (Musykilah al-Faqr wa Kayfa 'Alajaha al-Islam)*. Terj. Syafril Halim, Jakarta: Gema Insani Press, h. 111.

² Hairunnizam Wahid, (2009), *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati, Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. I 2009, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, h. 91

1.2 Latar Belakang Kajian

Kehadiran lembaga amil zakat telah memberi semangat kepada masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi. Dari segi kompetensi, amil dituntut untuk bertindak profesional, amanah dan memahami fekah dalam pengurusan zakat. Dalam Islam, kerajaan mempunyai kuasa untuk memungut zakat. Islam menegaskan hal tersebut dengan menjadikan para pengumpul zakat menjadi salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Islam mewakilkan pungutan zakat kepada negara dan bukan kepada perseorangan disebabkan oleh kerana beberapa perkara:³

1. Sekiranya urusan zakat diserahkan kepada orang yang telah mati nuraninya, maka hakikat dan tujuan dari zakat tidak akan tercapai. Sehingga urusan zakat perlu diurus oleh kerajaan atau lembaga yang mewakilkannya.
2. Hak orang fakir boleh mengambil haknya dari negara bukannya terus daripada orang kaya adalah untuk menjaga kemuliaannya dan memelihara kehormatannya.
3. Sekiranya pengurusan zakat diserahkan kepada perseorangan, maka akan mengakibatkan pengurusan zakat menjadi tidak teratur dan kucar kucir. Dengan demikian, peranan kerajaan sangatlah penting dalam pengurusan zakat.

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa pungutan zakat dalam Islam adalah menjadi tugas kerajaan atau lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan. Hal ini bertujuan untuk mencipta kemudahan dan kemaslahatan dalam Islam. Dengan salah satu pertimbangan tersebut, maka kerajaan membuat inisiatif untuk mengawal pengurusan zakat oleh negara, dengan tujuan untuk meningkatkan peranan negara dalam menguruskan zakat untuk mewujudkan keberkesanan pengagihan zakat. Peranan

³Yusuf Qardhawi, (2005), *Ibadah Dalam Islam, (Al-Ibadah fil Al-Islam)* (Terj. As'ad Yasin), Jakarta, Akbar Media Eka Prasarana, h. 326.

institusi zakat terbahagi kepada dua, iaitu mengutip dan mengagihkan zakat kepada asnaf zakat. Kerajaan atau lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan hanya berperanan sebagai perantara dalam mengutip dan mengagihkan zakat kepada asnaf tertentu dan bukannya kepada rakyat secara keseluruhan.⁴

Pada masa pemerintahan Saidina Umar bin Khattab, pengumpulan dana zakat ternyata begitu banyak sehingga diambil keputusan untuk menyimpan lebihan untuk keperluan darurat. Dengan keputusan tersebut, maka Baitul Mal secara rasmi dilembagakan, untuk tujuan pengurusan dana tersebut. Fungsi lembaga Baitul Mal adalah sebagai bendahara negara (dalam konteks perekonomian modern, lembaga ini dikenali sebagai Departemen Kewangan). Lembaga ini wujud pada masa awal Islam yang berperanan sebagai lembaga kewangan Islam pada masa itu.⁵

Pengurusan zakat pada masa awal Islam dilakukan oleh penguasa atau pihak yang menggantikan penguasa, seperti Baitul Mal. Dalam pungutan zakat umum dibentuk badan pengumpul zakat yang dikenali dengan sebutan Baitul Mal. Baitul Mal melakukan pungutan zakat dengan cara *muzakki* (pembayar zakat) suka rela menyerahkan zakatnya kepada institusi Baitul Mal. Pengumpulan zakat semacam ini berlaku sebagaimana yang dipraktikkan di zaman Rasulullah, kerana pada waktu itu, umat Islam dengan sukarela menyerahkan zakatnya kepada Rasulullah.⁶

Pengurusan zakat yang bagus merupakan syarat untuk kejayaan zakat, ini kerana sebaik-baik pengurusan, jika ia dipegang oleh tangan yang tidak amanah atau orang-orang yang tidak faham tentang pelaksanaannya, maka yang baik akan bertukar menjadi buruk. Dalam hal ini, ia sangat berhubung kait antara pengurusan dan peraturan dengan

⁴ Hairunnizam Wahid, (2009), h. 93.

⁵ M. Ali Muhammad, (1987), *Zakat Tanaman dan Zakat Jasa (Sebuah Pendekatan Baru)*, Banda Aceh, Taman Pengajian Islam "Darun Nasyiin.", h. 61.

⁶ Yusuf Qardhawi, (2004), *Hukum Zakat, (Fiqh Zakah)* (Terj. Salma Harub), Jakarta, PT. Pustaka Litera Antar Nusa, h. 414

orang yang melaksanakannya, sehingga dikatakan "Sesungguhnya keadilan bukan dalam teks undang-undang, tetapi dalam hati pelaku undang-undang". Adapun konsep pengurusan yang baik dalam pengumpulan dan pengagihan zakat bermula dengan tahap-tahap: mengutamakan agihan domestik, pengagihan yang sama rata, dan kepercayaan terbina antara pemberi dan penerima zakat.⁷

Usaha untuk mewujudkan fungsi dan tujuan zakat sekaligus merealisasikan konsep pengurusan zakat dengan baik dan terkawal di kalangan umat Islam di Indonesia, kerajaan telah mengeluarkan Undang-undang nombor 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat di Indonesia. Namun, di Aceh sebelum Undang-undang nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh atau yang lebih dikenali dengan istilah UUPA ditubuhkan, zakat telah mendapat tempat yang khusus dalam kerajaan Aceh. Disebabkan oleh Aceh merupakan salah satu negeri yang mendapat autoriti daripada kerajaan Indonesia untuk mengatur dan membuat Undang-undang Aceh (outonomi khusus). Hal ini sangat berhubung kait dengan penubuhan UU nombor 44/1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Negeri Aceh. Undang-undang tersebut telah melahirkan antara lain Perda (peraturan daerah) nombor 5 Tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syariat Islam, di mana Baitul Mal merupakan salah satu daripada 13 bidang pelaksanaan Syariat Islam.

Sehubungan itu, dalam Qanun Aceh nombor 7 Tahun 2004 tentang Pengelolaan Zakat disebutkan peranan Baitul Mal sebagai Lembaga Daerah yang mempunyai kuasa melakukan pengurusan zakat, dan harta agama lain di Wilayah Nanggroe Aceh Darussalam. Qanun Aceh nombor 7 Tahun 2004 ditarik balik sejak ditetapkan oleh Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal.⁸

⁷ Yusuf Qardhawi, (1997), *Kiat Sukses Mengelola Zakat*, Jakarta, Media Dakwah, h. 39

⁸ Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal.nad.go.id>, 22 Julai 2011.

Penubuhan UU nombor 11 tahun 2006 tentang pemerintahan Aceh dalam perkara 191 secara jelas disebutkan bahawa pembentukan Baitul Mal dilakukan dengan Qanun Aceh sebagai lembaga pengurus zakat, wakaf dan harta agama. Di samping itu, ada dua perkara yang melibatkan perzakatan yang ditetapkan dalam UU nombor 11 tahun 2006 iaitu perkara 180 ayat 1 huruf d dan pasal 192. Dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 disebutkan secara terperinci kuasa Baitul Mal sebagai amil zakat. Di dalam perkara 8 ayat 1 disebutkan bahawa Baitul Mal mempunyai fungsi dan berperanan sebagai berikut: a. mengurus dan mengatur zakat, wakaf, dan harta agama; b. melakukan pengumpulan, penyaluran dan pendayagunaan zakat; c. melakukan kempen zakat, wakaf dan harta agama lainnya.⁹

Penubuhan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat yang dikuatkuasakan dengan Qanun nombor 10 tahun 2007. Pada asasnya, Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil zakat yang rasmi mempunyai peranan dan kuasa yang luas dalam pengurusan zakat. Ini disebabkan oleh sokongan daripada kerajaan ke atas Baitul Mal Aceh sangatlah minimum, seperti dalam regulasi (Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007) tidak memberikan peranan serta kuasa yang luas kepada Baitul Mal Aceh. seharusnya, sebagai lembaga rasmi pengurusan zakat. Kerajaan sangat berperanan untuk mengambil kira tentang pengurusan zakat dengan cara menubuhkan regulasi yang dapat memberikan peranan dan kuasa yang luas kepada Baitul Mal Aceh.

Seterusnya, minimumnya sokongan dana operasi ke atas Baitul Mal. Setakat ini, kerajaan Aceh memberikan sokongan dana tiap-tiap tahun berkisar 10 bilion untuk Baitul Mal Aceh. Dana tersebut belum mencukupi operasi Baitul Mal Aceh, seharusnya kerajaan perlu memberikan tambahan dana yang lebih untuk operasi Baitul Mal Aceh. Qanun Aceh juga memberikan ruang gerak kepada Baitul Mal Aceh menjadi terhad.

⁹ Tim Perumusan Qanun No. 10 Tahun 2007, (2007), Baitul Mal Aceh, 2007, h. 3

Ini menyebabkan peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat, bermula daripada pungutan mahupun pengagihan menjadi terhad. Semestinya, kerajaan Aceh perlu menyokong penuh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, terutama dalam perkara peraturan. Kerajaan Aceh serta parlimen Aceh perlu membentuk peraturan yang memberikan kuasa penuh kepada Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat, serta juga menyokong kewangan operasional Baitul Mal Aceh. Minimumnya sokongan dana operasi dan peraturan yang terhad, menjadikan peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat menjadi terhad.¹⁰

Keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung kepada pengurusan oleh lembaga amil zakat. Namun begitu, aspek pengagihan zakat merupakan satu aspek yang sangat penting kerana ia menunjukkan bagaimana dana zakat dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara dalam aspek pembasmian kemiskinan. Dalam hal ini, amil mempunyai peranan untuk melakukan kegiatan pengumpulan dana zakat, infaq, sedekah dan wakaf dari masyarakat, baik individu, kumpulan organisasi dan perusahaan yang akan disalurkan dan didayagunakan untuk penerima zakat. Dengan demikian, amil dituntut kompetensinya untuk merancang strategi penghimpunan yang efektif, bermula dari memahami motivasi *muzakki* (pembayar zakat), program dan metodenya. Secara pengurusan, lembaga pengurus zakat telah melakukan pelbagai perubahan.

1.3 Permasalahan Kajian

Disebabkan dari peranan dan kuasa yang terhad, maka peranan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat tidak boleh berjalan dengan baik. Semestinya kerajaan Aceh perlu menubuhkan undang-undang serta Qanun Aceh yang memberikan kuasa serta

¹⁰ Sayed Muhammad Husen, (2010), *Problematika Dalam Pengelolaan Zakat di Aceh*, (Kertas Persidangan Mesyuarat Kerja di Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, h. 17.

peranan yang penuh terhadap Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, dan kerajaan sebagai pengawal terhadap masyarakat dalam membayar zakat.

Untuk dapat mewujudkan pengurusan zakat yang baik, perlu dibuat pertimbangan untuk diperkuatkan peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh sebagai lembaga pengurus zakat, yang mempunyai peranan dan kuasa penuh untuk melakukan pengurusan zakat. Ini kerana kedudukan zakat dalam kerajaan Aceh merupakan salah satu pendapatan negara yang bertujuan untuk meningkatkan perekonomian masyarakat. Maka, pengurusan zakat perlu dilakukan dengan bijak, supaya hakikat daripada zakat boleh tercapai dengan baik.

1.4 Persoalan Kajian

Penubuhan Baitul Mal Aceh dilakukan dengan Qanun nombor 10 tahun 2007. Dengan Qanun tersebut, maka secara rasmi Baitul Mal Aceh menjadi lembaga pengurusan zakat di Aceh. Dalam penyelidikan ini akan dirumuskan dalam beberapa soalan sebagai berikut, iaitu :

- a. Apakah peranan, kuasa, serta cabaran lembaga amil dalam pengurusan zakat menurut fiqh?
- b. Bagaimanakah perkembangan pengurusan zakat di Indonesia dan Baitul Mal Aceh?
- c. Apakah peranan, kuasa, kepentingan dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat?
- d. Apakah usaha Baitul Mal Aceh dalam penyelesaian masalah yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat?

1.5 Objektif Kajian

Memandang zakat merupakan salah satu bentuk dalam membangun ekonomi masyarakat, maka perlu adanya kuasa dan peranan yang luas untuk institusi zakat, agar zakat dapat direalisasikan dengan baik. Oleh yang demikian, objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini dapat dirumuskan sebagaimana berikut, iaitu :

- a. Untuk memeriksa peranan, kuasa, kepentingan dan cabaran lembaga amil menurut fiqh.
- b. Untuk mengenal pasti perkembangan pengurusan zakat di Indonesia dan Baitul Mal Aceh.
- c. Untuk menganalisis peranan, kuasa, kepentingan dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.
- d. Untuk mencadangkan langkah-langkah dalam penyelesaian masalah yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

1.6 Skop Kajian

Dalam kajian ini, agar tidak terlalu luas dalam pembahasannya, penulis menumpukan kepada peranan dan kuasa, kepentingan serta cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Dalam hal ini, penulis melakukan kajian penyelidikan di Baitul Mal Aceh untuk mendapatkan hasil penyelidikan yang tepat. Kajian ini akan membahas masalah peranan dan kuasa, kepentingan serta cabaran Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat. Justeru, penyelidik akan dapat mengambil kesimpulan bagaimana semestinya peranan, kuasa, kepentingan serta cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah intelektual untuk memperkayakan rujukan akademik serta dapat menambah literatur yang membahaskan tentang peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan di Aceh, sekaligus memberikan sumbangan kepada lembaga amil zakat atau institusi zakat lainnya dalam menjalankan peranan dan kuasa dalam pengurusan zakat yang lebih objektif. Dan kajian ini diharapkan dapat menambah maklumat dan perbendaharaan mengenai apakah sebenarnya peranan dan kuasa institusi zakat dalam pengurusan zakat di institusi zakat moden.

1.8 Huraian Istilah

Beberapa istilah yang dipakai dalam tajuk disertasi ini perlu diberi penjelasan agar tidak mengelirukan makna dan maksud daripada tajuk pembahasan. Tajuk disertasi ini adalah *Peranan dan Kuasa Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat*. Adapun takrif atau definisi tajuk dan aspek-aspeknya sebagai berikut:

1. Peranan

Peranan adalah bahagian dari tugas utama yang harus dilakukan oleh seseorang atau sesebuah organisasi dalam ruang lingkup pengurusan. Peranan merupakan aspek dinamik kedudukan (status), apabila seseorang atau organisasi melaksanakan hak-hak dan kewajipannya sesuai dengan kedudukannya, maka ia telah menjalankan dan menunaikan suatu peranan. Peranan juga diertikan sebagai penilaian sejauh mana fungsi seseorang atau organisasi dalam menyokong usaha pencapaian yang ditetapkan.¹¹

¹¹ Soejono Soekamto, (1998), *Sosiologi Suatu Pengantar*, Jakarta: Rajawali Press, h. 238.

Dalam kamus Dewan diertikan sebagai bahagian daripada pekerjaan atau tugas.¹² Dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan peranan adalah bahagian dari tugas dan pekerjaan daripada Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat.

2. Kuasa

Kuasa adalah kemampuan seseorang atau lembaga untuk mendapatkan sesuatu sesuai dengan cara yang dikehendaki. Dalam hal ini, kuasa seorang pemimpin memerlukan asas kuasa. Pangkalan kuasa pemimpin berasal dari pelbagai sumber, secara teori dapat dikatakan bahawa ada lima jenis sumber atau asas kuasa iaitu: (1) kuasa ganjaran (*rewarding power*); (2) kuasa paksaan (*coercive power*); (3) kuasa sah (*legitimate power*); (4) kuasa pakar (*expert power*); dan (5) kuasa rujukan atau petunjuk (*referent power*). Seorang pemimpin boleh menggunakannya secara kombinasi, sehingga dapat mempengaruhi orang lain.¹³ Dalam pembahasan ini, makna kuasa adalah upaya yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat.

3. Pengurusan

Pengurusan adalah suatu rangkaian aktiviti termasuk perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengendalian/pengawasan yang diarahkan kepada sumber-sumber organisasi dengan maksud untuk mencapai tujuan organisasi secara efektif dan efisien. Ia selalu merangkumi penggunaan sumber-sumber manusia, kewangan, dan teknologi, serta juga sumber alam semula jadi. Pengurusan juga boleh merujuk kepada seseorang atau sekumpulan orang yang menjalankan fungsi pengurusan. pengurusan merujuk kepada proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan memantau segala aktiviti anggota-anggota dalam sesebuah organisasi

¹² Teuku Iskandar (2009), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1011.

¹³ Ahmad Fauzi bin Mohamed, (2008) *Kuasa Kepemimpinan*, Kursus Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Dalam <http://kedah.edu.my/sahc>. Diakses Pada 02 Disember 2011.

dengan menggunakan segala sumber organisasi yang ada bagi mencapai objektif organisasi yang ditetapkan.¹⁴

Adapun pengurusan dalam kajian ini bermakna suatu cara untuk menguruskan zakat di Baitul Mal Aceh, dengan tujuan supaya pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh boleh dilakukan dengan baik dan profesional.

4. Baitul Mal Aceh

Baitul Mal Aceh merupakan lembaga amil zakat yang mempunyai peranan dan kuasa dalam melakukan pengurusan zakat di daerah Aceh. Penubuhan Baitul Mal Aceh dilakukan dengan Qanun nombor 10 tahun 2007. Di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 bahagian I perkara I bab 2 ke-11 disebutkan bahawa Baitul Mal adalah lembaga *state non structural* yang diberi kuasa untuk menguruskan dan mengembangkan zakat, wakaf, harta agama dengan tujuan untuk kemaslahatan umat serta menjadi wali-wali pengawal terhadap anak-anak yatim piatu dan / atau hartanya serta pengurusan terhadap harta warisan yang tidak ada wali berdasarkan Syariat Islam.¹⁵

1.9 Kajian Lepas (Ulasan Literatur)

Kajian tentang zakat dan peranan insitusi zakat telah banyak dikaji oleh pengkaji sebelumnya. Hal ini kerana zakat adalah salah satu bentuk pembangunan ekonomi dalam memberdayakan umat. Apabila zakat boleh diurus dengan baik, maka kesejahteraan umat dapat dicapai. Oleh kerana itu, perlu adanya pengkajian tentang peranan dan kuasa lembaga amil dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh.

¹⁴ Fadillah Mansor (2006), "Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam" dalam Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor (eds.), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 45.

¹⁵ Amrullah, (2004), *Regulasi Zakat Dari Fiqh Klasik Menuju Fiqh Negara*, Banda Aceh, h. 14.

Beberapa kajian yang menyentuh mengenai peranan dan kuasa institusi zakat dalam pengurusan zakat telah pun dibahaskan oleh beberapa pengkaji sebelumnya. Sebagaimana yang ditulis oleh Nor Hazita bt. Yunus¹⁶ (2002) mengatakan bahawa bila ditinjau dari sejarah awal Islam, didapati dengan jelas bahawa penubuhan dan kegiatan Baitul Mal mempunyai objektif yang besar dan penting. Dengan lebih tepat, dapat diertikan sebagai pembendaharaan dalam negara Islam, yang berfungsi sebagai sumber kewangan dalam negara Islam. Islam telah mewujudkan satu sistem pembendaharaan negara iaitu Baitul Mal sebagai suatu wadah yang berperanan sebagai tempat untuk menyelesaikan permasalahan ekonomi umat Islam, mengawal sistem kewangan negara, dan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam. Umumnya, masyarakat Malaysia telah mengetahui kewujudan baitul mal di setiap negeri yang berperanan menguruskan segala hasil pembendaharaan Islam di setiap negeri di Malaysia, dan ia diletakkan di bawah Majlis Agama Islam. Pada amnya, di Malaysia dan khususnya di negeri Kelantan, Baitul Mal mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

Wardi Wahab¹⁷ (2006) menjelaskan bahawa pada masa tempoh awal Islam, tidak ada nama khas institusi/orang yang menguruskan zakat. Al-Quran sendiri menyebutkannya sebagai amil (pengurus zakat). Tidak ada nama khusus bagi ahli yang bekerja sebagai amil, kerana pada masa itu, pengurusan zakat berpusat kepada Nabi Muhammad saw atau wakil-wakilnya masih dalam bentuk yang mudah sesuai dengan perkembangan. Sedangkan tempat aktiviti adalah masjid dan sekitar gelanggang masjid. Walaupun pada zaman Nabi Muhammad saw tidak ada suatu lembaga khusus yang berdiri sendiri secara bebas untuk mengurus zakat, tetapi Nabi Muhammad saw

¹⁶ Nor Hazita bt. Yunus, (2002), *Peranan Baitul Mal Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Suatu Kajian Di Negeri Kelantan*, (Tesis Sarjana), Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁷ Wardi Wahab, (2006) , *Peran Kelembagaan Amil Zakat Pada Periode Awal Islam*, (Disertasi IAIN Ar-Raniry), Program Pasca Sarjana, Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam.

dengan pegawainya yang telah dilantik melaksanakan pengurusan zakat dengan bentuk mudah.

Armiadi Musa Basyah¹⁸ (2009) menghuraikan tentang mekanisme pentadbiran zakat di Aceh. Pengurusan zakat di Aceh memiliki kekhususan dalam pelbagai daerah lain di Indonesia. Perbezaan utama adalah Baitul Mal sebagai lembaga rasmi yang bertanggung jawab sebagai lembaga pentadbiran zakat di Aceh. Institusi ini merupakan suatu lembaga yang berdiri sendiri dan tidak bersandarkan pada lembaga lain, akan tetapi ianya merupakan rakan kerja dari ketua pemerintah daerah. Mekanisme pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh dalam memberantas kemiskinan melalui program pemberdayaan ekonomi masyarakat menghasilkan manfaat dalam jangka panjang dan melepaskan kebergantungan ekonomi dari pihak lain. Justeru, Baitul Mal Aceh telah berperanan sangat penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat miskin di Aceh.

Hairunnizam Wahid¹⁹ (2009) menjelaskan bahawa institusi zakat amat penting dalam pengurusan zakat, ia merupakan perantara di antara pembayar dan penerima zakat (asnaf). Tanggung jawabnya adalah amat besar, iaitu memastikan kutipan zakat dapat dilakukan dengan cekap dan mengagihkan zakat kepada asnaf dengan cekap dan berkesan. Sekiranya institusi ini gagal berfungsi dengan baik, maka sistem zakat tidak berjaya untuk dilaksanakan. Institusi zakat perlu menunjukkan nilai-nilai Islam yang tinggi, seperti amanah dan adil dalam pengurusan zakat dan dalam masa yang sama perlu, bersifat profesionalisme. Cabaran istitusi zakat menguruskan zakat pada masa kini bukanlah seperti zaman dahulu di mana seorang amil diyakini oleh masyarakat setempat adalah ustaz, guru agama dan imam yang mempunyai latar belakang

¹⁸ Armiadi Musa Basyah, (2009), *Pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*, (Tesis Sarjana), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁹ Hairunnizam Wahid, (2009), *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

pendidikan agama. Pengurusan zakat masa kini memerlukan keilmuan lain untuk meningkatkan tahap profesionalisme, seperti pengurusan, keusahawanan, teknologi dan sebagainya. Ini akhirnya, dapat meningkatkan peranan dan kuasa serta profesionalisme dalam pengurusan zakat.

Mawardi²⁰ (2008) menghuraikan bahawa polisi keberkesanan peranan badan atau lembaga zakat di Indonesia tidak terlepas dari peranannya sebagai pengumpul zakat, mendayagunakan dan mengagihkannya secara profesional. Dalam pengumpulan dan mendayagunakan harta zakat, para *amilin* harus mempunyai rekod tentang para *muzakki* (pembayar zakat), dan seberapa besar harta kekayaan yang mereka miliki, sehingga dapat mengira berapa peratusan pengeluaran zakat yang harus mereka keluarkan. Para *amilin* dituntut juga untuk mempunyai jiwa keusahawanan bukan dalam erti sempit.

M. Ali Hasan²¹ (2004) menjelaskan bahawa amil zakat mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala kegiatan urusan zakat, bermula daripada para pengumpul sampai kepada bendahara dan para penjaganya, bahkan bermula dari pencatat sampai kepada penghitung yang mencatat keluar masuk zakat, dan membahagikannya kepada *mustahik* (penerima zakat). Sehubungan itu, amil mempunyai kuasa untuk melakukan kegiatan pengumpulan dana zakat, infaq, sedekah dan wakaf dari masyarakat, baik individu, kumpulan organisasi dan syarikat yang akan disalurkan untuk *mustahik* atau penerima zakat. Dalam hal ini, amil dituntut supaya memiliki kompetensi untuk merancang strategi penghimpunan yang berkesan. Secara pengurusan, lembaga pengurus zakat telah melakukan pelbagai perubahan, terutamanya dalam pungutan dan pengagihan zakat kepada *mustahik*.

²⁰ Mawardi, (2008), *Strategi Efektifitas Peranan Lembaga Zakat Di Indonesia*, (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam), Jakarta, Universitas Indonesia.

²¹ M. Ali Hasan, (2004), *Zakat, Infak dan Sedekah, Salah Satu Solusi Mengatasi Problema Kemiskinan di Indonesia*, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh.

Farida Prihatini²² (2005) menekankan peranan amil zakat secara umum. Dengan adanya amil zakat pada masa mula awal Islam, maka sangatlah jelas bahawa zakat bukanlah merupakan pekerjaan yang sepenuhnya diserahkan kepada perasaan dan kehendak individu, akan tetapi zakat haruslah ditangani oleh kerajaan atau agensi yang mewakili kerajaan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kemaslahatan umat. Dalam hal ini, kerajaan atau lembaga yang mewakili kerajaan perlu melantik orang-orang yang mengurus pelaksanaan zakat itu, bermula daripada pemungutannya, pemeliharaannya sampai kepada pembahagiannya. Dengan adanya pengurus zakat yang ditentukan oleh kerajaan atau lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan, diharapkan zakat dapat dilaksanakan sebaik-baiknya sesuai dengan tujuan dari lembaga amil zakat itu sendiri iaitu membahagi sama rata rezeki dan menciptakan keadilan sosial. Walaupun demikian dalam melantik pengurus zakat (amil), ada beberapa syarat yang harus dipenuhi dalam untuk menjayakan pengurusan zakat.

Muhammad Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, *et al*²³ (2009) dalam tulisan yang bertajuk pewujudan usahawan asnaf: sorotan di Lembaga Zakat Selangor dalam buku keusahawanan Islam, konsep dan isu-isu pelaksanaannya, menghuraikan bahawa zakat telah memainkan peranan yang sangat penting dalam ekonomi umat Islam, khususnya di Malaysia. Institusi-institusi zakat sekarang cuba mengenal pasti dan mencari alternatif yang terbaik dalam mengagihkan wang zakat supaya dapat menjana pendapatan asnaf zakat, di samping dapat meningkatkan ekonomi ummah. Penulis hanya menghuraikan secara am tentang pewujudan usahawan asnaf melalui wang zakat, dan penulis tidak menghuraikan secara khusus tentang peranan dan kuasa amil zakat.

²² Farida Prihatini, (2005), *Hukum Islam Zakat dan Wakaf Teori dan Prakteknya di Indonesia*, Papar Sinar Sinanti Kerja Sama Dengan Badan Penerbit Fakultas Hukum Universitas Indonesia.

²³ Muhammad Abd Wahab Fatoni Mhd Balwi, *et al* (2010), dalam tulisan yang bertajuk “Pewujudan usahawan asnaf: sorotan di Lembaga Zakat Selangor” dalam buku “*Keusahawanan Islam, konsep dan isu-isu pelaksanaannya*” Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hairul Fazli bin Muhammad Som²⁴ (2007) menghuraikan bahawa amil zakat bukan hanya sekadar individu, akan tetapi institusi yang berperanan menyempurnakan ibadah zakat. Institusi amil melakukan berbagai macam tugas berkaitan zakat yang memerlukan gabungan beberapa jenis kepakaran. Dalam tulisan ini, penulis membahas tentang konsep dan peranan amil zakat pada masa lalu dan pada masa kini, dan mengambil tempat di LZS. Dari hasil kajiannya, membuktikan bahawa pembaharuan di dalam bidang tugas amil koperat tidak melangkaui bidang tugas amil yang asas, yang berubah hanya dalam sistem bekerja, penggunaan teknologi dan kreativiti pengurusan organisasi.

Mahmood Zuhdi²⁵ (2003) menghuraikan persoalan hubungan zakat dengan negara, dan juga memberikan idea bagaimana semestinya amil zakat harus berperanan dalam pengurusan zakat. Sehingga pengurusan zakat menuju ke arah yang lebih progresif dan profesional, seiring dengan institusi kewangan Islam yang lain, tetapi masih dalam ketentuan dan prosedur sebagaimana ketentuan yang telah digariskan oleh syara'.

Dari semua tinjauan literatur atau karya di atas, dapat disimpulkan bahawa sudah banyak penyelidik sebelum ini membahas masalah ini secara umum. Adapun yang menjadi perbezaan dengan beberapa kajian sebelumnya iaitu, di mana penyelidik membahas masalah ini secara khusus tentang peranan dan kuasa lembaga amil dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Beberapa kesamaan yang terdapat dalam buku atau kajian lain yang membincangkan tentang pengurusan zakat akan menjadi rujukan bagi penyelidik dalam menyempurnakan disertasi ini.

²⁴ Hairul Fazli bin Muhammad Som, (2009) *Amil dalam instusi zakat kontemporasi, Kajian di Lembaga Zakat Selangor (LZS)*, (Tesis), Jabatan Usul dan Fiqh, Akademi Pengajian Islam, University Malaya, Kuala Lumpur.

²⁵ Mahmood Zuhdi, (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

1.10 Sistematika Pembahasan

Pecahan bab dalam penyelidikan ini terdiri daripada lima bab yang disusun supaya sebuah penjelasan yang kronologis dan mantap.

Bab I merupakan pendahuluan yang memuatkan latar belakang masalah, permasalahan kajian, skop dan perumusan masalah, objektif kajian, huraian istilah, kajian lepas dan sistematika pembahasan, serta kesimpulan.

Bab II membahaskan tentang peranan lembaga amil dalam pengurusan zakat, yang menghuraikan tentang mekanisme pengurusan zakat, pengertian, dasar hukum amil zakat, serta kriteria amil zakat, peranan lembaga amil dalam pengurusan zakat dan kuasa lembaga amil dalam pengurusan zakat, bentuk-bentuk peranan lembaga amil zakat, kepentingan Baitul Mal dalam pengurusan zakat dan cabaran lembaga amil dalam pengurusan zakat serta kesimpulan.

Bab III menghuraikan tentang sejarah perkembangan zakat di Indonesia, serta perkembangan zakat di Aceh. Pembentukan Baitul Mal Aceh serta ruang lingkup Qanun Aceh dan Undang-undang yang mengatur tentang pengurusan zakat di Aceh.

Bab IV membahaskan tentang metodologi penyelidikan, yang meliputi metodologi kajian, rangka kajian, sumber data, metode analisis data, teknik pengumpulan data, teknik analisis data, serta kesimpulan.

Bab V menyentuh tentang dapatan dan analisis kajian, yang menghuraikan tentang mekanisme pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Selanjutnya, membahas tentang peranan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, kepentingan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, dan

cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, cara penyelesaian masalah dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, serta kesimpulan.

Penyajian hasil penyelidikan ini akan diakhiri dengan membuat rumusan-rumusan pembahasan serta pencapaian objektif kajian dalam pembahasan. Selanjutnya, beberapa cadangan diajukan untuk menyelesaikan masalah-masalah daripada pembahasan sebelumnya. Bab ini juga berperanan sebagai bab penutup iaitu bab VI.

1.11 Penutup

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mencuba untuk mengkaji peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh, Indonesia dalam pengurusan zakat. Penyelidikan ini akan tertumpu kepada peranan, kuasa, kepentingan dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, meliputi pungutan zakat samada pengagihan harta zakat serta peranan dan kuasa lainnya dalam melakukan pengurusan zakat. Di samping itu, kajian ini juga menghuraikan tentang cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, baik cabaran dalaman mahupun cabaran luaran. Hasil daripada penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan dalam dunia pendidikan, serta dapat menghasilkan model terbaru dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh.

BAB II
PERANAN DAN KUASA DALAM
PENGURUSAN ZAKAT

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengandungi kajian perpustakaan tentang peranan, kuasa, kepentingan dan cabaran lembaga amil dalam pengurusan zakat. Adapun pembahasan dalam bab ini akan menghuraikan tentang mekanisme pengurusan zakat, peranan lembaga amil dalam pengurusan zakat, bentuk-bentuk kuasa lembaga amil dalam pengurusan zakat, kepentingan lembaga amil dalam pengurusan zakat dan cabaran lembaga amil dalam pengurusan zakat serta kesimpulan daripada pembahasan.

Pada bab ini, penyelidik akan mencuba membahas tentang peranan amil dalam pengurusan zakat, di mana peranan amil dituntut untuk mampu menguruskan zakat secara profesional. Selain sebagai ketentuan daripada ajaran Islam, zakat juga sebagai salah satu sumber ekonomi masyarakat, di mana harta zakat mampu mengembangkan serta meningkatkan ekonomi masyarakat Islam. Dengan demikian, peranan amil sangatlah penting dalam menguruskan zakat agar dapat membasmi kemiskinan. Begitu juga dengan kuasa amil, oleh yang demikian, amil amat berkuasa dalam menjalankan peranannya sebagai lembaga amil zakat. Amil sebagai lembaga pengurus zakat rasmi mempunyai beberapa kuasa dalam menguruskan harta zakat.

Kewujudan amil zakat dituntut dapat memajukan perekonomian masyarakat Islam, serta dapat membasmi kemiskinan dalam masyarakat. Dengan demikian, peranan dan kuasa amil sangatlah penting dalam pengurusan zakat. Sebagai ketentuan daripada agama sebagai ibadah, zakat juga mengandungi nilai muamalah.

2.2 Mekanisme Pengurusan Zakat

Mekanisme pengurusan dalam Islam merupakan suatu sistem pengurusan yang berasaskan tauhid iaitu satu falsafah yang lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya yang diwahyukan oleh Allah Taala. Secara automatiknya dapat dikatakan bahawa mekanisme pengurusan Islam jika hendak dibandingkan dengan sistem-sistem pengurusan yang lain nyata jauh sekali lebih sempurna kerana ianya bersifat lengkap dan melengkap (syumul) yang mencakupi aspek jasmani, rohani, dan akal. Berbeza dengan sistem pengurusan konvensional yang lebih menekankan aspek pengurusan yang berteraskan kepada material semata-mata dengan mengabaikan aspek agama, etika dan nilai, serta pembangunan insan.²⁶

Namun begitu, secara teorinya mekanisme pengurusan Islam memanglah merupakan satu sistem yang sempurna dan lengkap tetapi ianya tidak diyakini untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi di dunia sekarang sama ada organisasi itu adalah kerajaan, pihak swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya. Sistem pengurusan Islam didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan. Mungkin terdapat sesetengah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan tetapi hanya sedikit sahaja dan kalau ada pun secara tidak menyeluruh. Begitu juga dalam organisasi pengurusan zakat, sudah semestinya lembaga atau syarikat pengurus zakat supaya menggunakan mekanisme pengurusan dalam Islam.²⁷

Kejayaan dalam pengurusan zakat bermula daripada pungutan hingga pengagihannya. Baiknya sesuatu pengurusan yang terpenting dalam pemilihan amil (pengurus zakat) sebuah lembaga zakat perlu diperhatikan kehematan perbelanjaan dalam aspek pengurusan. Oleh yang demikian, peranan amil amat penting dalam

²⁶ Ahmad Ibrahim, (2005), *Manajemen Syariah, Sebuah Kajian Histori dan Aplikasi*, Jakarta, PT. Gramedia, h. 73.

²⁷ *Ibid.*

pengurusan harta zakat di mana kejayaan dalam pengurusan zakat sangat berkesan terhadap kerjaya amil yang profesional. Seterusnya, amil juga mempunyai kuasa dalam memungut zakat serta mengagihkan zakat kepada orang-orang yang berhak menerima zakat.

Pengurusan hal ehwal zakat dilakukan oleh pemerintah sesebuah negara. Tujuannya ialah untuk memastikan pelaksanaannya boleh berjalan secara rapi dan teratur. Urusan zakat adalah urusan kerajaan dan bukannya urusan bersifat peribadi. Kerajaan atau wakilnya merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam segala urusan berkaitan zakat, bermula dari proses kutipan hinggalah ke peringkat agihan. Perkara ini terbukti kerana pada zaman Rasulullah saw, segala urusan berkaitan zakat adalah diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan. Rasulullah saw telah mengutuskan beberapa orang amil di kalangan para sahabat untuk mengurus urusan zakat. Ini kerana pentingnya peranan penguasa dalam pengurusan zakat, sebahagian ulama yang berpendapat bahawa zakat perlu diserahkan kepada penguasa atau lembaga yang diwakilnya.²⁸

Dalam melakukan pengurusan zakat yang profesional, maka lembaga pengurus zakat harus bermula dengan aktiviti perancangan, yang mana meliputi perancangan program, bajet dan pengumpulan data muzakki serta mustahik. Seterusnya, pengorganisasian meliputi pemilihan carta organisasi (diwan pertimbangan, diwan pengawas dan lembaga pelaksana), penempatan pengurus (amil) yang tepat dan pemilihan sistem perkhidmatan yang memudahkan dan disokong dengan perisian yang mencukupi, kemudian dengan tindakan nyata melakukan kempen serta peningkatan

²⁸ Ram Al Jaffri Saad, (2009), *Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 17, Bil. 3, h. 607-630.

kesedaran baik terhadap muzakki mahupun mustahik dan terkini adalah pengawasan dari sisi syariah, pengurusan dan kewangan operasi pengurusan zakat.²⁹

Perkara di atas menjadi keperluan mutlak yang perlu dilakukan oleh lembaga pengurus zakat atau dikenali dengan Baitul Mal. Tujuan pengurusan zakat adalah:³⁰

- a. Peningkatan kesedaran masyarakat dalam penunaian dan dalam perkhidmatan ibadah zakat. Sebagaimana realiti yang ada bahawa sebahagian besar umat Islam yang kaya (mampu) belum menunaikan ibadah zakat. Dengan adanya lembaga pengurusan zakat, kesedaran umat Islam dalam membayar kewajipan zakat boleh meningkat, sehingga kemaslahatan umat Islam terwujud.
- b. Peningkatan fungsi dan peranan keagamaan dalam usaha mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan keadilan sosial. Zakat adalah merupakan salah satu institusi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat atau menghapuskan darjah kemiskinan masyarakat serta mendorong terjadinya keadilan dalam pengagihan harta.
- c. Peningkatan hasil guna dan daya guna zakat. Setiap agensi zakat sebaiknya mempunyai maklumat tentang muzakki dan mustahik. Profil muzakki perlu disimpan dalam pengumpulan data untuk mengetahui potensi-potensi atau peluang untuk melakukan kempen mahupun peningkatan kesedaran terhadap muzakki. Terhadap mustahik, program pengagihan harus diarahkan kepada sejauh mana mustahik tersebut dapat meningkatkan kualiti kehidupannya, dari status mustahik berubah menjadi muzakki.³¹

²⁹ Muhammad Maulana, (2009) *Upaya Mewujudkan Pengelolaan Zakat yang Profesional*, (Kerta Kerja Persidangan Ekonomi Islam), IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, h. 8.

³⁰ Dompét Dhuafa, <http://www.dompétdhuafa.org>, 18 Oct 2010.

³¹ *Ibid.*

2.2.1 Prinsip Perancangan dan Pengorganisasian Lembaga Pengurus Zakat

Untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, maka prinsip yang harus diperhatikan dalam suatu pengurusan zakat adalah :

1. Mempunyai sistem, prosedur dan peraturan yang jelas

Sebagai sebuah institusi, sudah seharusnya jika semua dasar dan peruntukan dibuat peraturan secara jelas dan bertulis, seperti masa kerja pengurus, kriteria pekerja ataupun masalah penggajian para pelaksana, pemberian wang saku, penugasan, dan lain-lain.³² Dengan demikian, keberlangsungan institusi tidak bergantung kepada seseorang, tetapi bergantung kepada sistem yang telah dibentuk dalam organisasi tersebut, sehingga sekalipun berlaku pertukaran pelaksana, aktiviti lembaga tidak akan terganggu kerananya.

2. Pengurusan terbuka

Disebabkan lembaga pengurus zakat tergolong dalam institusi awam, maka sudah selayaknya melaksanakan pengurusan terbuka, iaitu adanya hubungan timbal balik di antara amil zakat selaku pengurus dengan masyarakat. Dengan demikian, maka akan berlaku sistem kawalan yang melibatkan pihak luar, iaitu masyarakat itu sendiri.

3. Mempunyai perancangan kerja

Perancangan kerja disusun mengikut keadaan nyata lapangan dan kemampuan sumber lembaga pengelola zakat. Dengan adanya perancangan kerja, maka aktiviti lembaga pengurus zakat akan terarah. Bahkan boleh dikatakan, dengan adanya perancangan kerja yang baik, itu bererti 50 peratus sasaran telah tercapai. Adapun

³² Budi Prayitno, (2008), *Optimalisasi Pengelolaan Zakat Pada Badan Amil Zakat Daerah, Tinjauan Terhadap Badan Amil Zakat Daerah Kabupaten Muna Propinsi Sulawesi Tenggara*, (Disertasi), Universitas Diponegoro Semarang, Jawa Tengah, h. 195-210

perancangan kerja yang diperlu disusun iaitu perancangan kerja jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.

4. Mempunyai jawatan kuasa pengagihan zakat

Supaya harta zakat boleh tersalur kepada yang benar-benar berhak, maka harus ada mekanisme sehingga tujuan tersebut dapat dicapai. Salah satunya adalah dibentuknya jawatankuasa atau bahagian pengagihan zakat. Tugas dari jawatankuasa ini adalah melakukan pemilihan terhadap setiap pengagihan dana yang akan dilakukan. Pengagihan zakat mestikah benar-benar diagihkan kepada yang berhak, mengikut dengan ketentuan syari'at, keutamaan dan polisi lembaga. Keutamaan pengagihan perlu dilakukan, hal ini tentunya berdasarkan kajian lapangan, baik dari segi asnaf mustahik mahupun bidang garapan (ekonomi, pendidikan, dakwah, kesihatan, sosial, dan lain-lain).

5. Mempunyai sistem perakaunan dan pengurusan kewangan

Sebagai sebuah institusi awam yang menguruskan dana masyarakat, lembaga pengurus zakat atau Baitul Mal harus mempunyai sistem perakaunan dan pengurusan kewangan yang baik. Adapun faedah daripada ini iaitu:

- a. Akuntabiliti dan ketelusan lebih mudah dilakukan, kerana pelbagai laporan kewangan dapat lebih mudah dibuat dengan tepat.
- b. Keselamatan dana relatif lebih terjamin, kerana terdapat sistem kawalan yang jelas, semua transaksi relatif akan lebih mudah dikawal.
- c. Kecekapan dan keberkesanan relatif lebih mudah dilakukan.

Penggunaan sistem perakaunan dan kewangan adalah untuk mewujudkan rasa kepercayaan masyarakat terhadap lembaga pengurus zakat, di samping itu juga untuk memudahkan kerjaya pengurus zakat dalam melakukan segala perkara yang berkaitan dengan harta zakat.

6. Audit

Untuk mewujudkan prinsip ketelusan, lembaga pengurus zakat mesti diaudit, baik oleh juru audit dalaman mahupun luaran. Auditor dalaman diwakili oleh suruhanjaya pengawas atau auditor dalaman. Sedangkan auditor luaran boleh diwakili oleh pejabat akauntan awam atau lembaga audit bebas lain. Adapun perkara yang harus diaudit iaitu:

1. Aspek kewangan
2. Aspek prestasi lain (kecekapan dan keberkesanan)
3. Pelaksanaan prinsip-prinsip syariat Islam
4. Penerapan peraturan undang-undang.

Audit tersebut boleh dilakukan dalam jangka enam bulan atau setahun sekali. Hasil daripada audit tersebut dibuat dalam buletin penerbitan dan diterbitkan kepada masyarakat awam, supaya masyarakat awam boleh mengetahui ketelusan dalam pengurusan harta zakat oleh lembaga pengurus zakat.

2.2.2 Pengawasan dan Kawalan

Pengawasan dan kawalan amat penting dilakukan dalam sesebuah organisasi. Terhadap lembaga pengurus zakat yang telah dikukuhkan, perlu kiranya dibentuk bahagian pengawasan dalam kepengurusannya, ia bertugas melakukan pemantauan dan pengawasan terhadap prestasi organisasi. Sekiranya berlaku pelanggaran dan atau

penyimpangan, maka hukuman yang diberikan adalah berupa hukuman dalaman organisasi tersebut, seperti penurunan jawatan, pemotongan upah, bahkan ke tahap pemecatan.

Selain pemantauan dan kawalan yang dilakukan secara dalaman oleh setiap institusi pengurus zakat dan kerajaan, maka institusi pengurus zakat perlu juga menetapkan pengawasan secara luaran oleh beberapa institusi dan masyarakat, iaitu :³³

1. Kawalan kerajaan

Lembaga pengurus zakat perlu membahagikan laporan tahunan pelaksanaan tugasnya kepada diwan pertimbangan zakat atau pihak-pihak yang mempunyai kuasa dalam pengawasan lembaga pengurus zakat.

2. Kawalan masyarakat

Masyarakat dapat berperanan sebagai kawalan lembaga pengurus zakat, dan lembaga amil zakat berperanan untuk menyampaikan hasil laporan pengurusan zakat secara langsung atau melalui media massa terutama para muzakki.

3. Kawalan akauntan awam

Dalam melakukan pemeriksaan kewangan pengurus zakat proses kawalan dalam hal ini penting untuk dilakukan oleh suruhanjaya pengawas, mereka boleh meminta bantuan akauntan awam untuk melakukan audit kewangan kepada lembaga pengurus zakat. Hal ini untuk mewujudkan kepercayaan masyarakat awam terhadap lembaga pengurus zakat.

³³ *Ibid.*

2.2.3 Sumber Manusia

Kelayakan sumber manusia dalam pengurusan zakat sudah seharusnya mempunyai kriteria minimum yang harus dipenuhi oleh pengurus lembaga zakat. Kriteria minimum tersebut menjadi sebuah standard untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat. Ini bermakna setiap pengurus zakat akan mempunyai kapasiti dan pengetahuan yang layak dalam mengurus harta zakat. Seseorang yang mendapat kepercayaan untuk mengurus harta zakat harus mempunyai kriteria minimum seperti :³⁴

1. Pimpinan/Ketua jawatan
 - a. Mempunyai sifat jujur dan bertanggung jawab terhadap kerjaya
 - b. Mempunyai kemampuan kepemimpinan
 - c. Mempunyai kemampuan dan skil dalam bahagian pengurusan
 - d. Memahami tentang fiqh zakat
 - e. Mempunyai visi pembangunan harta zakat, inovatif dan kreatif dalam mengurus hal ehwal harta zakat.
 - f. Mampu melakukan kerjasama dengan pelbagai institusi
 - g. Mampu bekerjasama dalam pasukan
2. Bahagian Pungutan zakat;
 - a. Mempunyai sifat jujur dan bertanggung jawab terhadap kerjaya
 - b. Berpengalaman dalam bidang pengurusan zakat
 - c. Mempunyai skil komunikasi yang baik
 - d. Mampu bekerjasama dalam pasukan.
3. Bahagian Kewangan;
 - a. Jujur, bertanggung jawab, adil, cermat dan teliti

³⁴ *Ibid.*

- b. Berpengalaman dalam bidang perakaunan dan pengurusan kewangan.
 - c. Mampu bekerjasama dalam pasukan.
4. Bahagian pembangunan harta zakat
- a. Jujur dan bertanggung jawab
 - b. Berpengalaman dalam bahagian pembangunan masyarakat atau mempunyai kecenderungan atau pengalaman dalam bidang pembangunan masyarakat.
 - c. Mampu bekerjasama dalam pasukan.

Untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, kriteria minimum tersebut semestinya harus dipenuhi oleh lembaga pengurus zakat, agar pengurusan zakat boleh mencapai kejayaan.

Dalam melakukan rekrutmen staf (pegawai/amil zakat) perlu diperhatikan kelayakan serta komitmen calon pegawai. Maknanya setiap pegawai yang bekerja di bahagian pengurusan zakat mestilah bersungguh-sungguh serta mempunyai kapasiti untuk melakukan pengurusan zakat. Pegawai harus diberikan jawatan sebagaimana sesuai dengan skil (kemampuan) yang dimiliki oleh pegawai. Misalnya, seseorang pegawai mempunyai kemampuan dalam bahagian pengagihan, maka ia harus ditempatkan di bahagian pengagihan zakat. Ini kerana penempatan jawatan pegawai sangat berkaitan erat dengan kejayaan pengurusan zakat.

2.3 Pengertian, Dasar Hukum Lembaga Amil Zakat

2.3.1 Pengertian Lembaga Amil Zakat

Kalimah amil diambil secara langsung dari bahasa Arab yang bermakna pekerja, kata amil berasal dari perkataan '*amala* yang bererti kerja, maka amil yang merupakan isim perbuatan membawa makna orang yang bekerja di dalam bidang

pekerjaannya atau bahagiannya.³⁵ Dengan kata yang lain, amil ialah orang yang mengambil zakat dari pemilik harta (pembayar zakat).

Ibn Qudāmah mentakrifkan amil sebagai golongan yang diutus oleh Imam untuk mengambil zakat dari pemiliknya, mengumpulkannya, menjaganya dan memindahkannya.³⁶ Menurut Al-Bahuti, amil merupakan pengutip, penulis, pembahagi dan pengumpul zakat wakil kepada imam tetapi bukan qadhi atau wali.³⁷ Dalam maksud yang lain, amil zakat merupakan orang yang melaksanakan segala sesuatu yang berkenaan dengan kegiatan zakat, seperti pengumpul zakat, bendahara, penjaga, pencatat, penghitung, dan pembahagi harta zakat. Allah SWT memberi imbalan kepada orang yang mengurus zakat dari harta zakat itu.³⁸

Mahmood Zuhdi berpendapat bahawa yang dimaksudkan daripada amil ialah setiap golongan yang terlibat dengan pengurusan zakat, sama ada sebagai pegawai pengurusan atau kakitangan sokongan pada setiap peringkatnya. Mereka ini berhak memperoleh peruntukan tertentu daripada hasil pungutan zakat sebagai gaji dan sara hidup mereka atau dalam bentuk lain yang munasabah.³⁹

Kalimah amil bermakna orang yang bekerja, merujuk kepada individu atau kumpulan yang bekerja menyempurnakan fardhu kifayah sebagai pemungut, pengumpul zakat dan penjaga zakat yang berhak mendapatkan upah daripada harta zakat.⁴⁰ Adalah digalakkan supaya upah amil zakat tidak boleh melebihi daripada

³⁵ Ibrahim Mustafa, et al (1985), *Mu'mal al-Wasit*, J.2. Istanbul: Maktabah Islamiyyah, h. 651.

³⁶ Ibnu Qudamah, *'Abdullah bin Qudaimah Al-Maqdisi* (2004), al-Mugni, j.4. Bab. Zikr Ahli Al-Zakat, Kaherah: Dar Al-Hadith, h. 91.

³⁷ Al-Bahuti Mansur Ibn Yunus Idris, (1982) *Kashsaf al-Qina' 'An matn Al-Iqna'*, j.2. Beirut Dar al-Fkr, h. 316.

³⁸ Mursyidi, (2003), *Akuntansi Zakat Kontemporer*, Bandung, PT. Remaja Rosda Karya, h. 174.

³⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 427, Lihat juga : Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi dan Adibah Hasanah Abd Halim, (2008) *Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf, Satu Tinjauan, Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 16, h. 527.

⁴⁰ Al-Qurtubi, Mohammad Ahmad Al-Ansari, (tt), *Jami; al-Ahkam Al-Qur'an*, j.8. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah, h. 113.

mustahik lainnya. Amil zakat juga merupakan salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Namun, paling tinggi upah amil zakat sama dengan bahagian golongan *mustahik*⁴¹ zakat lainnya. Lebih baik lagi, amil zakat digaji oleh dana bukan daripada sumber zakat.⁴²

Di dalam Al-Qur'an dihuraikan bahawa salah satu golongan yang berhak menerima zakat adalah orang-orang yang mengurus urusan zakat (*'amilina 'alaiha*). Menurut jumhur ulama Syafi'iah, amil adalah petugas yang mengurus segala permasalahan zakat, seperti memungut dan mengumpulkan zakat, menulis berapa jumlah zakat yang masuk dan keluar serta berapa baki dan pemelihara harta zakat serta mengagihkan kepada mustahiknnya. Jumhur ulama tidak mengemukakan dalil-dalil nas mahupun *aqli* (akal) untuk menguatkan pendapat mereka, sehingga diramalkan mereka menetapkan rumusan mustahik zakat berdasarkan pemahaman bahasa.⁴³

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa lembaga amil zakat merupakan sebuah organisasi yang bertugas untuk memungut zakat, mengumpulkan zakat, mengagihkan zakat, serta pentadbiran zakat secara am dan khas. Lembaga amil zakat merupakan lembaga rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menggantikan kerajaan dalam pengurusan zakat.

⁴¹ Apa yang dimaksudkan dengan mustahik adalah orang-orang yang berhak menerima zakat, antaranya iaitu: 1. orang fakir: orang yang amat sengsara hidupnya, tidak mempunyai harta dan tenaga untuk memenuhi penghidupannya. 2. orang miskin: orang yang tidak cukup penghidupannya dan dalam keadaan kekurangan. 3. Pengurus zakat: orang yang diberi tugas untuk mengumpul dan membahagikan zakat. 4. Muallaf: orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah. 5. memerdekakan hamba sahaya: mencakupi juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang yang kafir. 6. orang berhutang: orang yang berhutang kerana kepentingan yang bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. Adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya. 7. pada jalan Allah (sabilillah): iaitu untuk keperluan pertahanan Islam dan kaum muslimin. di antara mufasirin ada yang berpendapat bahawa fisabilillah itu mencakupi juga kepentingan-kepentingan umum seperti mendirikan sekolah, rumah sakit dan lain-lain. 8. orang yang sedang dalam perjalanan yang bukan maksiat mengalami kesengsaraan dalam perjalanannya. Syarifuddin Abdullah mengatakan bahawa para pemikir Islam moden zaman telah berusaha untuk mencari liputan makna asnaf muallaf, sabilillah dan ibnu sabil dengan tujuan yang dimaksudkan adalah untuk mencari makna yang lebih luas dari pelaksanaan zakat sesuai dengan cita-cita syara'. Syarifuddin Abdullah, (2003), *Zakat Profesi*, Jakarta: Mogo Seguro Agung, h. 111

⁴² Mursyidi, *Op. cit*, h. 175.

⁴³ Muhammad Ibn 'Abd al-Barr al-Namuri al-Qurtubi (tt), *al-Kafifi fiqh Ahl al-Madinat al Maliki*, Dar al-Kutub al-Ilmiyat, h. 114.

2.3.2 Dasar Hukum Lembaga Amil Zakat

Di dalam AlQur'an, dihuraikan bahawa salah satu golongan yang berhak menerima zakat adalah orang-orang yang mengurus urusan zakat ('amilina 'alaiha).

Sebagaimana yang disebutkan di dalam Al-Qur'an Surah At-Taubah ayat 60 :

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Ertinya : *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian ialah) sebagai suatu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*⁴⁴

Imam Qurtubi ketika menafsirkan Surah At-Taubah ayat 60 menyatakan bahawa amil itu adalah orang-orang yang ditugaskan (diutus oleh imam atau kerajaan) untuk memungut, menulis, menghitung dan mencatat zakat yang diambilnya daripada muzakki untuk kemudian dibahagikan kepada yang berhak menerimanya. Amil zakat juga termasuk salah satu asnaf yang berhak mendapatkan harta zakat.⁴⁵

Rasulullah saw pernah mengutus Mu'az bin Jabal pergi ke Yaman, di samping bertugas sebagai da'i, beliau juga mempunyai tugas khusus menjadi amil zakat.

Sebagaimana hadis Rasulullah saw :

عن ابن عباس رضي الله عنهما : أن نبي صلى الله عليه وسلم : بعث معاذًا رضي الله عنه إلى اليمن، فقال (ادعهم إلى : شهادة أن لا إله إلا الله وأني رسول الله فإن

⁴⁴ Sheikh Abdullah Basmeih (Penterjemah), (1999) *Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke Dalam Bahasa Malaysia*, Darul Fikar, Kuala Lumpur, h. 169.

⁴⁵ Mursyidi, (2003), h. 125.

هم أطاعوا لذلك، فأعلمهم فإن الله قد افترض عليهم خمس صلوات في كل يوم
وليلة، فإن هم أطاعوا لذلك، فأعلمهم أن الله افترض عليهم صدقة في أموالهم تؤخذ
من أغنيائهم وتردّ على فقرائهم (رواه بخارى)

Ertinya : *Diriwayatkan dari Ibn Abbas ra : Nabi Muhammad saw mengutus Muadz r.a ke Yaman dan berpesan kepadanya, "ajaklah mereka untuk bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan aku (Muhammad) adalah utusan Allah, dan apabila mereka mengikuti ajakanmu, beritahu mereka bahawa Allah memerintahkan mereka mengerjakan salat lima waktu dalam sehari semalam, dan jika mereka mentaatimu mengerjakan perintah itu, beritahu mereka bahawa Allah memerintahkan mereka membayar zakat dari kekayaan mereka yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin di antara mereka". (Riwayat Bukhari).*⁴⁶

Rasulullah saw mengutus Mu'adz bin Jabal ke Yaman untuk menjadi wali negara dan sebagai hakim sekaligus untuk memungut zakat dari orang-orang kaya di antara mereka dan dibahagikan kepada orang-orang fakir di antara mereka. Dalam Al-Qur'an, Allah SWT memerintahkan untuk memungut zakat dari harta kekayaan orang-orang mukmin, baik yang tertentu sebagai kewajiban, samada secara suka rela, untuk membersihkan mereka dari penyakit kikir, serakah, dan kejam terhadap fakir miskin serta orang-orang yang tidak berkecukupan dalam kehidupan.

Sedangkan di dalam surah At-Taubah ayat 103 dijelaskan bahawa zakat itu diambil (dijemput) dari orang-orang yang berkewajiban untuk berzakat (muzakki) untuk kemudian diberikan kepada orang yang berhak menerimanya. Yang mengambil dan mengutip harta zakat tersebut dikenali oleh amil zakat.⁴⁷ Di dalam Al-Qur'an, Allah menjelaskan bahawa zakat itu harus dipungut dan diambil seperti yang tercantum dalam surah At-Taubah ayat 103 yang menyatakan :

⁴⁶ Al-Bukhari, (t.t), *Shahih Al-Bukhari*, Juz 5, Kairo, Al-Sya'bi, h. 130.

⁴⁷ Didin Hafifuddin, (2004), *op. cit.*, h. 125

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Ertinya : *Ambillah sebahagian daripada harta mereka yang menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi tenteram bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.*⁴⁸

Ayat 103 dari surah At-Taubah di atas adalah perintah tegas yang ditujukan kepada Nabi Muhammad saw untuk memungut zakat yang kegunaannya membersihkan harta yang bukan haknya, serta menjernihkan jiwa individu dari sifat kikir dan rakus pada harta. Dalam ayat ini, tersirat bahawa kerjaya manusia selalu terkait dengan usaha kerja orang lain dan susah menyerahkan hartanya kepada orang lain. Dengan pertimbangan tersebut, maka zakat perlu dipungut oleh orang yang mempunyai kuasa, sebab naluri manusia sangat sukar melepaskan harta dari miliknya.⁴⁹ Sedangkan surah At-Taubah ayat 60 dihuraikan secara tegas tentang keperluan adanya satu badan atau lembaga yang mengurus zakat, dan badan atau lembaga ini memperoleh bahagiannya yang cukup, yang diambil dari zakat yang terkumpul itu sendiri.

Rasulullah saw pernah mengutuskan ‘Umar al-Khatib, Khalid ibn Al-Asi, Al-Arqam ibn Arqam, Kahal ibn Malik Al-Kahali, Khalid ibn Barsa, Abu Jahm ibn Hudhayfah, Khuzaymah ibn Al-‘Asim al-Kali, Rafi ibn Makath ibn al-Jahani, Sahal ibn Manjab al-Tamimi, Wahib dan ‘Uqbah, Qais bin Saad dan Amir ke Bani Mustaliq, ‘Ikrimah ibn Abi Jahl ke Bani Hawazin, Muttammin ibn Nuwairah al Tamimi ke Bani Tamim, Mirdas ibn Malik al-Ghanawi, Amr ibn Hazm al-Ansari ke Bani Harith, dan Ibn Lutbiyah ke Bani Sulaym.⁵⁰ Sahabat-sahabat yang telah diutuskan oleh Rasulullah

⁴⁸ Sheikh Abdullah Basmeih, (1999) , *op, cit*, h. 163.

⁴⁹ Wardi Wahab, (2007), *Peran Kelembagaan Amil Zakat Pada Periode Awal Islam*, Yokyakarta, Ar-Raniry Press Bekerjasama Dengan AK Group Yokyakarta, h. 3

⁵⁰ *Ibid.*

saw untuk mengurus zakat ini menjadi bukti bahawa betapa serius Rasulullah saw membangun institusi amil zakat, mengutus pengutip dan mendirikan institusi zakat hampir seluruh semenanjung tanah Arab dan menemui hampir semua kabilah yang dominan pada ketika itu.⁵¹

Walaupun jumlah zakat dan kekayaan pada waktu itu belum terlalu banyak, terdapat beberapa kesukaran dalam menilai kadar zakat, terutamanya zakat ternakan yang berbeza-beza jenis dan bentuknya. Kesukaran tersebut turut berlaku pada proses pembayaran zakat tanaman dan buah-buahan. Selepas itu, Rasulullah saw telah menghantarkan pegawai-pegawai yang terlatih untuk menaksir zakat buah-buahan, terutamanya pada musim luruh untuk memudahkan pemilik harta menentukan kadar zakat mereka.⁵²

Pada masa tempoh awal Islam, tidak ada nama khas yang menguruskan zakat. Al-Qur'an sendiri menyebutkannya sebagai amil (pengurus zakat). Tidak ada nama khusus bagi ahli yang bekerja sebagai amil, kerana pada masa itu pengurusan zakat berpusat kepada Rasulullah saw, atau wakil-wakilnya masih dalam bentuk yang sederhana sesuai dengan perkembangan di masa itu. Sedangkan tempat aktiviti adalah masjid dan sekitar lapangan masjid. Walaupun pada masa Rasulullah saw, tidak ada suatu lembaga khusus yang berdiri sendiri secara bebas untuk mengurus zakat, tetapi Rasulullah saw dengan pegawainya yang telah dilantik melaksanakan pengurusan zakat dengan bentuk sederhana. Dengan terbentuknya badan yang menetapkan penglibatan zakat diharapkan sebahagian masalah kemiskinan dapat diselesaikan. Dalam bentuk yang sederhana, Rasulullah saw, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar

⁵¹ Humam bin Daud (2004), *Kutipan Zakat dan Agihannya, Satu Kajian di Awal Islam*, (Tesis Sarjana Syariah), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 98.

⁵² Mahmood Zuhdi Abd Majid, (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 265.

telah mengurus dan membolehkan pihak-pihak tersebut untuk menguruskan harta zakat.⁵³

Untuk memahami bagaimana peranan dan segala sesuatu yang berkaitan dengan institusi amil zakat yang dibentuk oleh Nabi Muhammad saw adalah merujuk langsung kepada hadis dan atsar sahabat. Dalam sejumlah hadis dan atsar yang didapati menunjukkan bahawa amil zakat yang dibentuk Nabi boleh dibahagikan ke dalam dua kumpulan, iaitu:

1. Nabi menetapkan wali (kerajaan wilayah) untuk mentadbir umat, baik yang berkenaan dengan urusan dunia, mahupun urusan akhirat yang termasuk di dalamnya pungutan zakat.
2. Nabi menugaskan sahabat tertentu untuk mengumpul zakat dan mengagihkannya.⁵⁴

Dalam sejarah Islam, Saidina Umar bin Khatab merupakan khalifah pertama yang membuat pejabat kewangan negara secara rasmi. Alasan membuat pejabat yang disebut dengan Baitul Mal atau agensi amil zakat iaitu pada masa itu Saidina Umar bin Khatab mengalami kesukaran dalam mengagihkan zakat.⁵⁵

Baitul Mal yang dibentuk pada masa Saidina Umar bin Khatab menurut Muhammad Syahat⁵⁶ terbahagi kepada empat bahagian, iaitu :

- a. Baitul mal zakat
- b. Baitul mal pajak dan cukai

⁵³ Wardi Wahab, (2007), *Peran Kelembagaan Amil Zakat Pada Periode Awal Islam*, Yokyakarta, Ar-Raniry Press Bekerjasama Dengan AK Group Yokyakarta, 2007, h. 5.

⁵⁴ Armiaidi, (2008), *Zakat Produktif : Solusi Alternatif Pemberdayaan Umat (Potret dan Praktek di Baitul Mal Aceh)*, Yokyakarta, Ar-Raniry Press Darussalam Banda Aceh Bekerjasama Dengan AK Group Yokyakarta, h. 22

⁵⁵ *Ibid*, 165.

⁵⁶ Muhammad Syahat al-Jundi, (1985) *Qawa'id al-Tanmiyyah al-Islamiyah*, Mesir, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah, h. 163.

- c. Baitu mal harta rampasan perang
- d. Baitul mal barang-barang yang tidak ada pemiliknya.

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa pada zaman Saidina Umar bin Khatab, pembentukan lembaga amil zakat sudah mencapai kejayaan, bahkan pengumpulan harta zakat sudah sangat banyak. Ini bermakna pungutan dan pengagihan zakat pada masa tersebut sangat berjaya. Perkembangan lembaga amil zakat sudah mencapai tingkat kejayaan pada masa para sahabat-sahabat terdahulu.

2.4 Peranan Lembaga Amil Dalam Pengurusan Zakat

Peranan lembaga amil dalam pengurusan zakat secara jelas telah banyak didedahkan baik pada masa Rasulullah saw mahupun pada masa kekhalfahan selepas baginda wafat. Namun, secara konkrit, perlembagaan amil zakat baru dilakukan pada masa Saidina Umar Bin Khattab, ketika dasar pengagihan dana yang terkumpul mengalami perubahan. Lembaga amil zakat pada masa itu berpusat di ibu negara Madinah, dan mempunyai cawangan di negeri-negeri wilayah Islam.⁵⁷

Pada zaman Saidina Umar bin Khattab, pungutan dana ternyata begitu besar, sehingga diambil keputusan untuk menyimpan sebahagian zakat tersebut untuk keperluan kecemasan. Dengan keputusan tersebut, maka lembaga amil zakat secara rasmi dilembagakan, dengan maksud awal untuk mengurus dana tersebut. Fungsi lembaga amil zakat adalah sebagai bendahari negara (dalam konteks ekonomi moden, institusi ini dikenali dengan jabatan kewangan).⁵⁸

Yusuf Al-Qardhawi merumuskan bahawa amil merupakan golongan yang menguruskan dua tanggung jawab asas, iaitu kutipan dan agihan zakat. Dengan

⁵⁷ Yusuf Qardhawi, *Ibadah Dalam, Loc. Cit.*, h 327

⁵⁸ M. Ali Muhammad, *Zakat Tanaman, Op. Cit.*, h. 61

perkataan lain iaitu mengutip zakat dari mereka yang layak berzakat, dan selepas itu, mengagihkan kepada asnaf yang berhak mendapatkan zakat.⁵⁹ Secara ringkas, dapat difahami bahawa peranan amil dalam merancang, mengurus dan melapor semua kerjaya berkenaan dengan urusan zakat seperti operasi perundangan dan peraturan, pengurusan kewangan, sistem pungutan, sistem agihan, pelaburan, pengurusan projek dan penjagaan aset.

Pelantikan mereka menjadikan proses pelaksanaan zakat lebih teratur dan sistematik. Di negara majoriti umat Islam, pelbagai badan, yayasan atau pertubuhan diwujudkan sendiri oleh komuniti Islam terbabit untuk menguruskan segala urusan hal-hwal zakat.⁶⁰ Oleh kerana amil terlibat dalam suatu bentuk pengurusan aset yang kompleks, dalam skala besar dan kadangkala bersifat nasional, maka amil tidak sesuai dianggap sebagai tugas individu secara peribadi, tetapi dalam bentuk sebuah organisasi besar yang teratur, inilah asas kepada pembentukan istilah amil koperat (lembaga amil).⁶¹

Satu perkara yang perlu disadari bersama, bahawa pelaksanaan zakat bukanlah semata-mata diserahkan kepada mustahik saja, akan tetapi tanggung jawab memungut dan mengagihkannya dilakukan oleh amilin (kerajaan) (Qur'an Surah 60 dan 103). Zakat bukan pula sekadar memberikan bantuan yang bersifat penggunaan kepada para mustahik, terutama fakir miskin atau untuk keperluan umat muslim, misalnya, untuk pendidikan. Oleh kerana itu, amil zakat harus meningkatkan profesionalisme kerjayanya sehingga menjadi amil yang amanah, jujur, bersungguh-sungguh memahami tugas masalah amil zakat dan berupaya dalam melaksanakan tugas keamilannya.⁶²

⁵⁹ Yusuf Qardhawi, (2004), *op. cit.*, h. 546,547.

⁶⁰ Mujaini Tarimin, (2005), *op. cit.*, h. 135.

⁶¹ Hasan Bahrom dan Ezani Yaakub, (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, h. 46-47.

⁶² M. Djamel Doa, (2004), *Pengelolaan Zakat Oleh Negara Untuk Memerangi Kemiskinan*, Jakarta, Korpus, h. 21-22.

Dengan demikian, peranan kerajaan dalam pengurusan zakat dapat diringkaskan kepada dua peranan, iaitu:⁶³

1. Kerajaan berperanan sebagai pelaksana tunggal dalam pengurusan zakat, baik dalam pungutan dan pengagihan zakat.
2. Kerajaan berperanan sebagai pemberi hukuman ('uqubat) terhadap mereka yang tidak melaksanakan zakat.

Dengan demikian, dapat difahami bahawa amil zakat yang merupakan lembaga rasmi daripada kerajaan mempunyai peranan yang tunggal dalam melakukan pengurusan zakat. Amil juga mempunyai berperanan dalam memungut zakat daripada orang-orang yang wajib membayar zakat, dan selepas itu, amil mempunyai peranan melakukan pengagihan zakat kepada mustahik sebagaimana yang telah digariskan di dalam hukum Islam.

Lembaga Amil sebagai sebuah organisasi yang berskala besar dan sistematik bermakna kerja-kerja yang dilakukan tidak mampu dilaksanakan secara individu. Bermula dari kerja-kerja mengaudit harta pemilik zakat dan mencari asnaf, menyiasati asnaf yang layak, menyelaras kadar dan bentuk bantuan kepada ke semua asnaf, serta menyimpan harta zakat. Sekiranya tugas mengurus zakat dibebankan kepada pemilik harta, tentu timbul pelbagai kesukaran bagi pemilik harta.

Monzer Kahf berpendapat, bahawasanya dalam mengaplikasikan zakat kontemporari, negara Islam perlu ingat bahawa zakat sahaja tidak dapat mengatasi masalah kemiskinan di kalangan negara Islam. Semestinya, zakat adalah merupakan alat agihan semula, sedangkan kemiskinan di kalangan negara-negara Islam berpunca dari

⁶³ M. Amin Abdullah, (2004), *Paradigma Alternative Pengembangan Usul Al-Fiqh Dan Dampaknya Pada Fiqh Kontemporer*, Dalam Ed. Riyanto *Neo Usul Fiqh: Menuju Ijtihad Kontekstual*, Yogyakarta: Fakultas Syariah Press, h. 57.

produktiviti dan tahap pembangunan ekonomi yang lemah. Beliau mencadangkan supaya asas zakat diperluaskan, dengan itu dana zakat akan meningkat.⁶⁴

Justeru, kewujudan lembaga amil sangatlah penting bagi memastikan zakat dilaksanakan dengan sempurna dan memberi impak yang besar terhadap peningkatan taraf hidup perekonomian umat manusia. Campur tangan kerajaan pula sangat diperlukan untuk melantik amil terbaik menguruskan zakat. Ini kerana ia melibatkan kepentingan Negara secara keseluruhannya. Sehubungan itu, tanggung jawab kerajaan melantik amil adalah satu keperluan dan bukannya pilihan.

2.4.1 Bentuk-Bentuk Peranan Lembaga Amil Dalam Pengurusan Zakat

Dalam pengurusan zakat, amil zakat berperanan untuk memungut, mengagihkan serta menyediakan zakat.

2.4.1.1 Memungut Zakat

Dari segi pungutan, banyak hal yang harus dilakukan, seperti kaunseling yang berkaitan dengan proses penyedaran kewajipan, penjelasan tentang *Al-Amwal Az-Zakawiyah*, cara membayarnya dan sebagainya. Segala sarana dan media harus dimanfaatkan secara optimum, bermula daripada media khutbah Jumaat, majlis ta'lim, seminar, dan sebagainya.

Menurut Jumhur Ulama Syafi'i, amil zakat mempunyai peranan untuk melakukan pungutan zakat daripada muzakki zakat. Amil zakat boleh memaksa muzakki yang telah mencakupi haul dan nisab terhadap hartanya untuk membayar zakat. Apabila muzakki tersebut tidak mahu membayar zakat, maka amil zakat boleh

⁶⁴Monzer Kahf, (1999), *The Performance of the Institution of Zakat in Theory and Practice*, (Paper presented in the International Conference on Islamic Economics in the 21st Century), held in Kuala Lumpur, 9-12 August 1999, h. 20

mengambilnya secara paksa, hal ini dibolehkan dalam Islam. Pada masa tempoh awal Islam, Abu Bakar telah mempraktikannya.

Dalam pungutan zakat, aspek lain yang penting adalah pengumpulan dan pemrosesan data muzakki di persekitaran masing-masing. Setelah data terkumpul, tentu perlu dilakukan sebaik-baiknya untuk keperluan klasifikasi, komunikasi, kesesuaian, dan keperluan yang lain.⁶⁵ Dalam pungutan zakat, amil atau pengurus zakat mempunyai tanggung jawab yang penuh dalam memungut zakat daripada orang wajib zakat. Oleh sebab demikian, kecekapan amil dalam memungut zakat sangatlah diperlukan. Salah satu kejayaan amil dalam pengurusan zakat adalah ketika amil berjaya dalam memungut zakat. Dengan demikian, pungutan zakat merupakan salah satu tanggung jawab amil yang harus dilakukan.

2.4.1.2 Mengagihkan Zakat

Mengenai pengagihan atau penyaluran zakat, masih terdapat perbezaan pendapat, ada di antara ulama yang mengatakan bahawa zakat itu wajib disalurkan kepada lapan asnaf yang disebutkan dalam Al-Quran, kecuali hamba sahaya, kerana mereka sudah tidak ada lagi di zaman ini. Namun, bila diluluskan pendapat Sayyid Rashid Ridha, maka tetap ada lapan asnaf. Ini kerana perhambaan terhadap bangsa masih ada sampai kini, walaupun para penjajah beransur-ansur sudah memberikan kemerdekaan kepada daerah jajahannya.⁶⁶

Dana zakat yang telah dikumpulkan wajib diagihkan kepada yang berhak menerimanya sesuai dengan peruntukan undang-undang Islam. Pengagihan zakat kepada mustahik harus bersifat geran (bantuan), dan harus memperhatikan skala keutamaan keperluan mustahik di kawasan-kawasan keperluan masing-masing.

⁶⁵ Didin Hafidhuddin, (1998), *Dakwah Aktual*, Jakarta: Gema Insani, h. 224-225.

⁶⁶ Muhammad Rasyid Rida (t.t), *Tafsir al-Manar*, Juzuk X, Beirut, Dar al-Fikr, h. 452.

Pengagihan atau penyaluran dana zakat dapat bersifat bantuan sesaat, yaitu membantu mustahik dalam menyelesaikan atau mengurangi masalah yang sangat mendesak/kecemasan. Pengagihan atau penyaluran dana zakat dapat bersifat bantuan pemberdayaan, yaitu membantu mustahik untuk meningkatkan kesejahteraannya, baik secara individu maupun kelompok melalui program atau aktiviti yang berterusan.

Secara menyeluruh, pengagihan zakat berorientasikan kepada penggunaan dan pengeluaran. Orientasi penggunaan adalah model pengagihan zakat untuk keperluan yang berjangka pendek, seperti bantuan kepada yatim piatu dan anak-anak bernasib malang. Orientasi pengeluaran bertujuan untuk memenuhi kepentingan-kepentingan strategik dalam jangka panjang seperti biasiswa untuk orang awam.⁶⁷

Pengagihan zakat berorientasi pengeluaran kini lebih terasa manfaatnya dan lebih lama bagi mustahik yang berkesulitan dalam hidupnya. Seperti halnya, biasiswa yang diberikan kepada pelajar dan mahasiswa. Biasiswa tersebut dapat membantu pelajar dan mahasiswa dalam usaha mencerdaskan anak bangsa dan meningkatkan sumber manusia.

Pengagihan zakat bersifat tempatan adalah para mustahik di wilayah masing-masing lebih diutamakan daripada mustahik di kawasan-kawasan lain. Selebihnya, negeri yang terdekat dengannya lebih diutamakan untuk mendapatkannya berbanding dengan negeri lain, melalui cawangan lembaga zakat wilayah.⁶⁸

Menurut pandangan ulama Syafi'iah, pengagihan zakat bersifat tempatan merupakan salah satu cara yang paling tepat dalam pengagihan zakat, di mana masyarakat tempatan mesti diutamakan dalam pengagihan zakat. Selepas pengagihan

⁶⁷ Nukthoh Arfawie Kurde, (2005), *Memungut Zakat dan Infaq Profesi oleh Pemerintah Daerah (bagi pegawai negeri dan pegawai perusahaan daerah)*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 47-48.

⁶⁸ Yusuf Qardhawi, (2004), *Manajemen Zakat Profesional*, Pajang Solo: Media Insani, h. 78

untuk masyarakat tempatan, baki dari zakat tersebut boleh diagihkan untuk masyarakat luar. Ini bermakna pengagihan zakat tempatan mesti diutamakan oleh amil zakat.⁶⁹

2.4.1.3 Pembangunan Harta Zakat

Pada sisi pembangunan harta zakat banyak aspek yang perlu dilakukan, seperti pungutan dan pemrosesan data mustahik untuk menentukan jumlah zakat. Jika jumlah mustahiknya banyak sementara zakat yang terkumpul sedikit, maka perlu dilakukan skala keutamaan, demikian pula aspek pelaporan yang telus dan jelas perlu dilakukan untuk menimbulkan kepercayaan dan ketenangan hati para muzakki.

Pada sisi pembangunan harta zakat, perlu diperhatikan kembali beberapa hal, sebagai berikut:⁷⁰

- a. Aspek pungutan dan pemrosesan data mustahik perlu diperhatikan terlebih dahulu, untuk menentukan berapa jumlah mustahik yang akan mendapatkannya. Apabila jumlah mustahik cukup banyak, maka perlu dilakukan pemilihan yang teliti untuk menentukan skala keutamaan.
- b. Untuk aspek pengagihan zakat, infak dan sedekah (ZIS) perlu disusun dan ditaati peraturan yang menjamin adanya kecekapan dengan kriteria yang jelas.
- c. Harus diperhatikan juga bahawa kejayaan amil zakat ditentukan oleh sejauh mana para mustahik zakat dapat meningkatkan kehidupan ekonominya dari pembangunan harta zakat. Oleh kerana itu, aspek pemantauan dan pembinaan perlu mendapatkan perhatian yang sungguh-sungguh.

⁶⁹ Muhammad Yasir, (1998), *Pengelolaan Zakat Dalam Pandangan Ulama Syafi'iah*, Jakarta, PT. Gramedia, h. 161.

⁷⁰Karnen A. Perwataatmaja, (1996), *Membumikan Ekonomi Islam di Indonesia*, Depok: Usaha Kami, h. 23.

- d. Kemampuan untuk memaparkan laporan pertanggungjawaban penerimaan dan pengagihan zakat dengan baik, akan menarik simpati dan kepercayaan lebih besar dari para muzakki.
- e. Aspek hubungan masyarakat perlu dibangun untuk komunikasi lahir batin antara muzakki dan mustahik dapat terus dipelihara.

Para fakir dan miskin bernaung dalam suatu organisasi yang mempunyai kekuatan undang-undang, seperti yayasan, syarikat, ataupun badan-badan bukan masyarakat yang lain. Mereka perlu terancang dengan baik, diberi latihan dan pendidikan yang diperlukan, serta diberi modal usaha untuk dapat membatasi dirinya kepada kemiskinan.

2.4.2 Jenis-Jenis Peranan Lembaga Amil Dalam Pengurusan Zakat

Zakat berperanan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam, dan membasmi kemiskinan dalam masyarakat. Projek-projek yang dibiayai menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Ini menyebabkan tujuan daripada zakat dapat tercapai dengan baik.⁷¹

Lembaga amil zakat merupakan lembaga rasmi yang mempunyai peranan dalam melakukan pengurusan zakat. Adapun jenis-jenis peranan yang semestinya dimiliki oleh lembaga amil zakat adalah sebagai berikut :⁷²

⁷¹Ataul-Haq, Pramanik (1993). *Development and Distribution in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 12-13.

⁷² Devi Hidayah Fajar, S.Syaban, (2008), *Pendayagunaan Zakat Produktif Dalam Perspektif Hukum Islam (Studi Kasus Pada Lembaga Amil Zakat Assalam Solo)* (Disertasi), Fakultas Agama Islam, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Jawa Tengah, h. 82-94.

a. Peranan lembaga amil sebagai fasilitator

Adapun bentuk peranan lembaga amil sebagai fasilitator adalah, di mana amil zakat harus aktif dalam hal pungutan dana zakat dari muzakki, tidak hanya menunggu muzakki membayar zakat ke pejabat lembaga amil. Hal ini merupakan bentuk peranan dan tanggung jawab lembaga amil dalam mensejahterakan rakyat dan membasmi kemiskinan. Semestinya, masyarakat harus membayar zakat melalui institusi zakat yang mempunyai legitimasi di bawah kuasa kerajaan yang bebas. Lembaga amil zakat akan mengagihkan zakat kepada asnaf-asnaf zakat sebagaimana ketentuan dalam hukum Islam. Hal ini merupakan salah satu peranan lembaga amil sebagai fasilitator.

b. Peranan lembaga amil sebagai motivator

Dalam hal ini, lembaga amil zakat berperanan untuk memotivasi atau menggalakkan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan sebagai seorang muslim yang taat pada perintah agama, iaitu membayar zakat. Adapun bentuk-bentuk motivasi yang boleh dilakukan oleh lembaga amil iaitu, melalui kempen zakat, pengajian, pembinaan, mahupun gerakan sedar zakat yang dilakukan oleh lembaga amil. Lembaga amil zakat harus mampu menggalakkan masyarakat untuk membayar zakat, disebabkan di dalam harta masyarakat Islam terdapat hak Allah, iaitu harta zakat. Oleh yang demikian, semestinya lembaga amil zakat harus mampu menjadi sebagai motivator dalam menggalakkan masyarakat untuk membayar zakat. Hal ini dapat membentaras kemiskinan dalam kehidupan masyarakat Islam.

c. Peranan lembaga amil sebagai lembaga rasmi pengurusan zakat

Lembaga amil zakat adalah sebuah organisasi yang bekerja untuk mengurus hal-hal berkaitan zakat. Ini termasuk kesemua pegawai dan petugas yang dilantik oleh negeri untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan zakat, seperti pengiraan, kutipan dan

agihan. Mereka yang terlibat dengan pekerjaan berkaitan zakat, maka layak mendapat gaji dari dana zakat.⁷³

Lembaga amil zakat merupakan salah satu lembaga rasmi yang berperanan dalam menguruskan zakat, samada memungut zakat, mengagihkan, mencatat, menghitung dan penentuan kadar zakat, dan bahkan pemilihan mustahik. Dengan demikian, peranan tersebut merupakan peranan penting yang harus dilakukan oleh lembaga amil dalam pengurusan zakat.

d. Peranan lembaga amil sebagai lembaga kewangan masyarakat Islam

Dalam sejarah Islam, lembaga amil zakat berperanan penting dalam mewujudkan kejayaan umat Islam pada masa itu. Ini kerana, lembaga amil zakat merupakan lembaga kewangan Islam, dan salah satu fungsi daripada lembaga amil zakat adalah mengagihkan harta zakat kepada mustahik zakat, sama ada dalam bentuk wang tunai, mahupun dalam bentuk bantuan lainnya. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat Islam. Oleh sebab yang demikian, sudah masanya pengurusan zakat dilakukan secara profesional dengan melaksanakan ketelusan. Dengan demikian, lembaga amil zakat berperanan dalam mengurus dan mengagihkan hasil pungutan zakat kepada mustahik.⁷⁴

2.5 Bentuk-Bentuk Kuasa Lembaga Amil Dalam Pengurusan Zakat

Kuasa amat penting bagi pemimpin atau instansi di pelbagai lapisan bagi membolehkan pemimpin mengemudi organisasi secara keseluruhan. Secara keseluruhan, ini membawa maksud mengendalikan dan menguasai segala aset

⁷³ Patmawati Hj Ibrahim, (2008), *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat, Tinjauan Empirikal, Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 16, h. 227.

⁷⁴ *Ibid.*

organisasi berupa material, sumber manusia dan kemampuan organisasi. Kuasa meliputi pelbagai jenis dan peringkat seperti kuasa untuk membuat keputusan, kuasa untuk mengeluarkan arahan, kuasa untuk mengurniakan ganjaran dan hukuman, kuasa untuk melaksanakan apa jua perkara malah kuasa untuk menetapkan hala tuju sesebuah organisasi.⁷⁵ Jika organisasi dipimpin dengan baik dan kuasa digunakan pada tempat sewajarnya, maka organisasi tersebut akan mencapai kejayaan, akan tetapi jika organisasi tersebut tidak dipimpin sebagaimana mestinya, maka akan terjadi sebaliknya.

Secara mudah “*kuasa*” adalah kemampuan seseorang, badan atau agensi untuk melakukan atau bertindak.⁷⁶ Setiap orang, badan atau agensi mempunyai kuasanya yang tersendiri, di dalam bidang kuasa dan mengikut had-had kuasa yang ada padanya. Kaitannya dalam pembahasan ini iaitu amil zakat sebagai organisasi atau agensi yang mempunyai kuasa untuk dapat menguruskan institusi atau lembaga zakat.

Amil zakat mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala kegiatan urusan zakat, mulai dari para pengumpul sampai kepada bendahari dan para penjaganya, bahkan dari pencatat sampai kepada pembilang yang mencatat keluar masuk zakat, dan membahagi kepada mustahiknya. Di samping itu, amil mempunyai kuasa untuk melakukan kegiatan mengumpulkan dana zakat, infaq, sedekah dan wakaf dari masyarakat, baik individu, kumpulan organisasi dan syarikat yang akan disalurkan untuk *mustahik* atau penerima zakat. Dalam hal ini, amil dituntut kemampuannya untuk merancang strategi pungutan yang berkesan. Mulai dari memahami motivasi penyumbang (muzakki), program dan metodenya. Secara pengurusan, lembaga pengurus zakat telah melakukan pelbagai perubahan.⁷⁷

⁷⁵Uniprof Wordpress. <http://uniprof.wordpress.com/2008/06/26/kuasa-dan-pengaruhnya-dalam-organisasi/> 09 July 2012.

⁷⁶ *The Little Oxford Dictionary* 1969, 4th. Edition, Oxford: Clarendon Press; *An English-Reader's Dictionary*, 1969, 2nd. Edition, Oxford: ELBS & OUP.

⁷⁷ Yusuf Qardhawi, (2004), *op. cit.*, h. 424

Dari segi konsepnya, kuasa melibatkan bagaimana orang atau organisasi melihat perhubungan antara satu sama lain. Kuasa bukannya datang apabila seseorang atau organisasi berada di dalam hirarki tertentu di dalam sebuah organisasi. Dari segi teorinya, ada lima jenis sumber atau asas kuasa iaitu: (1) kuasa ganjaran (2) kuasa paksaan (3) kuasa sah (4) kuasa pakar dan (5) kuasa rujukan atau petunjuk⁷⁸. Adapun penjelasan daripada makna asas kuasa tersebut adalah seperti berikut :

2.5.1 Kuasa Ganjaran

Kuasa ganjaran adalah berasaskan kebolehan yang ada pada pemimpin untuk memberi ganjaran kepada bawahan yang telah melaksanakan arahan atau memenuhi kehendak. Asas utama kuasa ini adalah untuk memberi ganjaran⁷⁹. Kaitannya dengan pelaksanaan pengurusan zakat iaitu di mana lembaga amil zakat perlu kiranya memberikan ganjaran kepada setiap muzakki yang tidak membayar kewajipan zakat. Ini menyebabkan dengan memberikan ganjaran tersebut, muzakki selalu berkeinginan untuk dapat membayar zakat apabila telah mencapai haul dan nisabnya.⁸⁰

Lembaga pengurus zakat atau amil zakat mempunyai kuasa untuk melakukan pengawasan dan kawalan terhadap masyarakat dalam membayar zakat. Apabila terdapat masyarakat yang tidak melaksanakan kewajipan zakat, maka pengurus zakat perlu melakukan pengawasan dan kawalan. Lembaga pengurus zakat atau kerajaan selain berperanan sebagai pengurus zakat, juga berhak memberikan ganjaran kepada orang-orang yang tidak melaksanakan zakat yang hartanya sudah memenuhi syarat-syarat wajib zakat.⁸¹

⁷⁸ Ahmad Fauzi bin Mohamed, (2008) *Kuasa Kepemimpinan*, Kursus Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Dalam <http://kedah.edu.my/sahc>. Diakses Pada 02 Disember 2011.

⁷⁹ *Ibid.*

⁸⁰ Muhammad Yasin. (2004), *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, (Kertas Kerja Persidangan Ekonomi Islam), Banda Aceh, IAIN Ar-Raniry, h. 8.

⁸¹ *Ibid*

2.5.2 Kuasa Paksaan

Kuasa paksaan merupakan aspek negatif kepada kuasa ganjaran. Ini kerana kuasa ini berasaskan kebolehan pemimpin/organisasi untuk mendenda atau menghukum dan mengenakan tindakan tertentu terhadap orang bawahan, apabila kehendaknya tidak dipenuhi, dendaan mungkin dalam bentuk teguran⁸². Kuasa paksaan ini sangat penting untuk diguna pakai oleh amil zakat dalam melaksanakan pengurusan zakat. Ini kerana amil zakat semestinya memaksa muzakki untuk membayar zakat apabila hartanya telah mencapai haul dan nisab. Pada masa ini, pungutan zakat yang dilakukan oleh amil ke atas muzakki hanyalah sukarela daripada muzakki dalam membayar zakat. Seharusnya, lembaga amil mempunyai kuasa paksaan dalam memaksa muzakki dalam membayar zakat.

Kekuasaan pemerintah dalam negara Islam adalah berhak dan mungkin wajib menjatuhkan hukuman yang sesuai ke atas orang-orang kaya yang tidak membayar zakat. Termasuk berhak memerangi kumpulan yang memiliki kekuatan yang menolak untuk membayar zakat, sebagaimana pernah dilakukan oleh Saidina Abu Bakar.⁸³ Kewajipan berzakat tetap berlaku dan tidak gugur, sehingga setiap muslim yang mampu wajib tetap membayar zakat, baik secara peribadi mahupun secara kolektif, dan ini lebih baik melalui pengurusan lembaga-lembaga amil zakat yang amanah dan profesional.

Jumhur ulama mengkufurkan orang yang tidak mengeluarkan zakat, kerana ingkar akan kewajipan, dan boleh membunuh mereka kerana mereka dianggap murtad. Ini kerana, perkara zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditaati dan menjadi amalan, apabila ada orang yang tidak mentaati rukun Islam, maka ia telah keluar daripada Islam atau murtad. Hal ini telah disepakati oleh para ulama, dengan syarat tidak ada alasan yang boleh dimaafkan. Demikian pula, amil mempunyai kuasa

⁸² *Ibid.*

⁸³ Didin Hafifuddin, (2005), *Anda Bertanya Tentang Zaka Infak dan Sedekah Kami Menjawab.*, Jakarta, Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), h. 12

untuk mengambil zakat secara paksa bagi orang yang wajib mengeluarkan zakat, tetapi tidak mahu mengeluarkan zakat kerana bakhil. Justeru, Baitul Mal wajib memberi amaran, mendidiknya dengan dipenjarakan dan sebagainya.⁸⁴

Menurut Yusuf Qardhawi, orang yang tidak membayar zakat boleh dikenakan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelanggar tersebut. Sedangkan pungutan zakat menjadi tanggung jawab kerajaan di bawah naungan Baitul Mal atau lembaga amil zakat.⁸⁵

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa lembaga amil zakat mempunyai kuasa paksaan dalam melakukan pengurus zakat. Dalam Al-Qur'an mahupun hadis, secara tegas dijelaskan bahawa lembaga amil boleh memaksa muzaaki untuk membayar zakat apabila harta mereka telah mencapai haul dan nisab, sebagaimana dalam ketentuan hukum Islam. Jumhur ulama juga mengkufurkan ke atas orang yang tidak membayar zakat tetapi mampu, disebabkan mereka telah mengingkari rukun Islam, kerana zakat merupakan salah satu rukun Islam.

Menurut Abdul Qadim Zallum⁸⁶ (1983), tindakan yang dijatuhkan oleh kerajaan kepada orang yang menolak membayar zakat bergantung pada keadaan yang masing-masing diperincikan seperti berikut: *Pertama*, jika orang tidak membayar zakat kerana tidak tahu akan kewajipannya (*li-jahlihi li wujubiha*), maka ia tidak dikafirkan dan tidak dijatuhi hukuman ta'zir. Kerajaan hanya menyampaikan kewajipannya dan mengambil zakat darinya.

Kedua, jika orang tidak membayar zakat dengan mengingkari kewajipannya dalam agama, maka ia dianggap murtad dan diperlakukan sebagai orang murtad. Selepas itu, dia akan diminta taubat (kembali masuk Islam). Jika tidak mahu bertaubat,

⁸⁴ Yusuf Qardhawi, *Hukum Zakat, Op. Cit.*, h. 766

⁸⁵ *Ibid.*, h. 796

⁸⁶ Abdul Qadim Zallum (1983) *Al-Amwal fi Dawlah al-Khilafah*. Beirut : Darul 'Ilmi li al-Malayin, h. 189

maka kerajaan menjatuhkan hukuman mati kepadanya, dan hartanya menjadi hak Baitul Mal. Orang yang tidak membayar zakat sama juga dengan orang murtad, kerana ia tidak melaksanakan salah satu rukun Islam, sehingga penguasa perlu menjatuhkan hukuman ke atasnya.

Ketiga, jika orang tidak membayar zakat tapi masih mengimani akan kewajibannya dalam agama, maka zakat akan diambil secara paksa oleh kerajaan. Jika mereka berkumpul dan tidak mahu membayar zakat, maka mereka akan diperangi kerajaan dan dianggap sebagai *bughat* (pemberontak). Ini sebagaimana yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar ketika beliau memerangi sekumpulan orang yang menolak membayar zakat.

Dengan demikian, dapat difahami bahawa amil zakat mempunyai kuasa paksaan untuk dapat memberikan hukuman terhadap muzakki yang tidak mahu membayar zakat apabila hartanya telah mencapai haul dan nisab. Kuasa paksaan ini boleh diberikan sebagaimana ketentuan daripada sesuatu wilayah dan negeri.

2.5.3 Kuasa Sah

Kuasa sah merupakan autoriti formal yang wujud apabila orang bawahan sedia maklum bahawa pemimpin/organisasi tersebut mempunyai hak secara perundangan.⁸⁷ Dalam pengurusan zakat, lembaga amil zakat sah secara perundangan boleh menggunakan pengaruhnya dalam lingkungan perundangannya untuk mengambil sesuatu tindakan dalam pengurusan zakat, seperti membentuk peraturan tentang pengurusan zakat, sama ada tentang pungutan, pengagihan mahupun dalam hal ehwal yang berkaitan dengan pengurusan zakat.

⁸⁷ Ahmad Fauzi bin Mohamed, (2008), *Ibid.* h. 16.

Perkara zakat merupakan antara perkara berkaitan hukum syarak yang telah mendapat perhatian di pihak kerajaan dalam pengkanunan undang-undang negara. Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa urusan zakat itu hanyalah obligasi syarak berbentuk personal semata-mata. Namun, kaitannya dengan tanggungjawab pemerintahan amat diberatkan oleh Islam. Atas dasar inilah juga kita dapati perbincangan berkaitan zakat ini bukan sahaja dibincangkan di bahagian ibadat dalam kitab-kitab teras hukum syarak. Namun, di dalam bahagian kenegaraan, ia termasuk dalam sistem kewangan sesebuah negara.⁸⁸

Di dalam Islam, kerajaan ataupun lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan mempunyai kuasa sah untuk melakukan pengurusan zakat, samaada dalam pengagihan, mahupun dalam pungutan. Dalam ajaran Islam, Al-Qur'an⁸⁹ dan Hadis telah menyebutkan tentang masalah perzakatan. Begitu pula dalam undang-undang kerajaan di negara Islam. Dengan demikian, dapat difahami bahawa lembaga amil zakat mempunyai kuasa yang sah untuk melakukan pengurusan zakat. Sebagaimana yang terdapat di Al-Qur'an dan hadis mahupun dalam undang-undang kerajaan Islam.

Penunaian kewajipan zakat dalam konsep Islam tidak diserahkan kepada kerelaan dan kehendak hati masing-masing individu di antara kaum muslimin, yang telah wajib berzakat. Namun, sistem pengurusan pungutan dan pengagihannya menjadi tugas dan kuasa kerajaan dan negara Islam yang dikenali dengan lembaga amil zakat atau Baitul Mal. Dan sebahagian tugas dan kuasa inilah yang waktu ini ditanggung oleh lembaga-lembaga amil zakat yang ada. Dengan demikian, amil zakat mempunyai kuasa secara sah dalam pengurusan zakat.

⁸⁸ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1994), *Kuasa-Kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia, Jurnal Syariah*, Jil.2, Bil.1, Januari 1994, h. 60.

⁸⁹ Dalam Al-Qur'an masalah zakat disebutkan dalam surah Al-Baqarah, ayat 43, 83, 110, 117, 277 selanjutnya dalam surah Ali Imran dan At-Taubah serta beberapa surah lainnya. Hal ini menjelaskan bahawa, amil zakat mempunyai kuasa sah untuk menguruskan zakat, kerana masalah zakat dijelaskan secara terperinci dalam Al-Qur'an mahupun hadis.

Para amil mengingatkan para wajib zakat, seperti pegawai kerajaan pada waktu mengambil gaji, pegawai swasta, serta masyarakat awam yang hartanya sudah mencapai haul dan nisab. Ini kerana ada kemungkinan para wajib zakat tidak memahami dan ada pula yang kemungkinan tidak memahami kerana kikir. Oleh sebab itu, amil dituntut untuk mengingatkan mereka agar menunaikan zakat. Dalam mengagihkan zakat, amil dituntut untuk mengetahui pendapatan setiap orang yang dipandang berhak menerima zakat. Ini sangat menentukan pembahagian zakat, kerana pembahagiannya tidak mesti sama rata atau sama banyaknya, dan perhatian pertama tentu kepada fakir dan miskin.⁹⁰

Dengan demikian, amil zakat mempunyai kuasa yang sah dalam menguruskan zakat, begitu juga dengan perundang-undangan dalam negara Islam. Amil mempunyai peranan kuasa secara sah dalam pengurusan zakat. Dalam negara Islam, perkara pengurusan zakat telah diatur dalam undang-undang negara secara rasmi, maknanya amil zakat mempunyai kuasa sah untuk dapat menguruskan zakat.

2.5.4 Kuasa Pakar

Kuasa pakar merujuk kepada kuasa yang berasaskan kepada kefahaman, persepsi atau kepercayaan bahawa pemimpin/organisasi tersebut mempunyai sesuatu kepakaran yang relevan atau pengetahuan khusus yang tidak dimiliki oleh orang atau organisasi lain.⁹¹ Lembaga amil zakat merupakan salah satu lembaga pengurus zakat yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat. Kepakaran ini tidaklah dimiliki oleh lembaga lain, oleh yang demikian, kuasa pakar ini semestinya harus dilakukan oleh lembaga amil dalam pengurusan zakat, termasuk pakar dalam menguruskan harta zakat.

⁹⁰ *Ibid*

⁹¹ Raja Roslan Bin Raja Abd. Rahman, et, all, *Peranan Komunikasi Kepemimpinan Diri dan Organisasi Dalam Perspektif Islam*, Dalam : eprints.utm.my/6301/1/aziziyahkomunikas, 12 Disember 2011.

Amil harus menyiasati dan memproses setiap permohonan penerima zakat, dan bertanggung jawab dalam menentukan kesahihan dan kelayakan asnaf zakat yang digariskan, memberi bantuan dalam bentuk yang diluluskan, mengesan keberkesanan bantuan dan membuat laporan aktiviti-aktiviti tersebut untuk direkod dan disemak dari masa ke semasa.

Tugas amil menghubungkan dan mensilaturahimkan serta mempertemukan dua kumpulan yang berbeza keadaan sosial ekonominya, iaitu muzakki yang relatif mampu penghasilannya, dan mustahik yang relatif sulit kehidupannya. Kedua-dua kumpulan ini kadangkala mempunyai perilaku yang berbeza, sesuai dengan masalah hidup yang dihadapinya. Kepada muzakki, amil zakat harus bersikap arif dan bijak, yang antara lain diperintahkan mendoakannya, sehingga muzakki akan semakin yakin dengan zakatnya dan semakin tenang batinnya. Kepada mustahik pula, para amil zakat harus bersikap arif dan bijak, agar mereka mahu memanfaatkan dana zakat yang merupakan amanah tersebut untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Dengan demikian, amil zakat mestilah mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat, sehingga perkara tersebut boleh dilakukan oleh lembaga amil.⁹²

Demikian pula, organisasi amil yang dibina haruslah tercermin sifat arif dan bijak ketika menghadapi pelbagai macam cabaran dan halangan. Berfikir jauh ke depan dan mengutamakan kepentingan mustahik, jauh dari sifat kaku, tidak berorientasi pada kepentingan sesaat pun atau jangka pendek. Jika demikian, BAZ dan LAZ serta para amilnya, akan menjadi perintis-perintis kebaikan dan kesejahteraan masyarakat dan kesatuan umat.

⁹² Maulana Ibrahim, (2009), *Mekanisme Pengelolaan Zakat, Suatu Tinjauan Pada Masa Awal Islam*, IAIN Sumatera Utara, Medan, h. 8.

Oleh yang demikian, amil mestilah mempunyai kepakaran dalam melakukan aktiviti pengurusan zakat, kerana keberjayaan dalam pengurusan zakat sangatlah dipengaruhi oleh kepakaran amil dalam melakukan pengurusan zakat. Jikalau amil tidak mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat, maka hakikat dan tujuan daripada zakat tersebut tidak akan terwujud. Oleh yang demikian, semestinya amil zakat harus mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat.

Dengan adanya amil zakat, sangatlah jelas bahawa zakat bukanlah merupakan pekerjaan yang sepenuhnya diserahkan kepada perasaan dan kehendak individu, akan tetapi zakat haruslah ditangani oleh kerajaan atau agensi yang mewakili kerajaan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kemaslahatan umat. Dalam hal ini, kerajaan atau lembaga yang mewakili kerajaan perlu mengangkat orang-orang yang mengurus pelaksanaan zakat itu, bermula daripada cukai, pemeliharaannya sampai kepada pembahagiannya. Dengan adanya pengurus zakat yang ditentukan oleh kerajaan atau lembaga yang diwakilkan oleh kerajaan, diharapkan zakat dapat dilaksanakan sebaik-baiknya sesuai dengan tujuan daripada lembaga amil zakat itu sendiri iaitu meratakan rezeki dan menciptakan keadilan sosial. Walaupun demikian, dalam mengangkat pengurus zakat (amil), ada beberapa syarat yang harus dipenuhi untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat.⁹³

Para ulama telah bersepakat bahawa tugas pungutan dan pengagihannya pada *mustahik* (penerima zakat), diserahkan kepada penguasa kaum muslimin, ini kerana ia bukan urusan peribadi. Sebagaimana halnya fatwa-fatwa yang diriwayatkan dari Ibnu Umar dan para sahabat yang lain tentang kewajipan menyerahkan zakat kepada penguasa. Wajib bagi setiap kerajaan Islam untuk mendirikan organisasi atau pejabat

⁹³ Farida Prihatini, et al, (2004), *Hukum Islam Zakat dan Wakaf Teori dan Prakteknya di Indonesia*, Jakarta, Papar Sinar Sinanti Kerja Sama Dengan Badan Penerbit Fakultas Hukum Universitas Indonesia. h. 79

yang khusus mengurus zakat, baik memungut dan mengagihkan sesuai dengan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.⁹⁴

Amil atau golongan yang terlibat dalam pengurusan zakat perlu memiliki kriteria dan kualiti sebagaimana yang dibincangkan oleh para fuqaha. Amil mesti mengelakkan diri daripada mudah menerima sebarang bentuk hadiah atau saguhati yang boleh membuka ruang kepada perbuatan rasuah. Amil sama sekali tidak boleh menerima apapun bentuk pemberian daripada pembayar zakat (muzakki), kerana ini boleh menjejaskan proses penaksiran dan kutipan zakat. Oleh itu, amil harus bersikap turun padang memungut zakat dan bukan semata-mata berharap pembayar zakat akan datang kepadanya.⁹⁵ Oleh yang demikian, amil dituntut untuk aktif dalam melakukan pengurusan zakat.

Kejayaan zakat dapat dilihat ketika baiknya pengurusan bermula daripada pungutan hingga pengagihannya. Baiknya pengurusan yang terpenting dalam pemilihan amil (pengurus zakat), sebuah lembaga zakat perlu memperhatikan kelenturan serta kehematan perbelanjaan dalam aspek pengurusan.

Memahami dan mengerti undang-undang dan masalah zakat merupakan hal yang amat penting dalam pengurusan zakat. Ini kerana jika amil tidak memahami hal tersebut, bererti amil bukan orang yang cukup baik untuk bertanggung jawab terhadap tugas yang dibebankan kepadanya, dan membolehkannya untuk melakukan banyak kesalahan dalam tugasnya.⁹⁶ Dengan memahami undang-undang dan masalah zakat boleh menyebabkan ia mampu melaksanakan kempen segala sesuatu yang berkaitan dengan zakat kepada masyarakat. Dengan pengetahuan zakat yang relatif dan memadai,

⁹⁴ Yusuf Qardhawi, (2004), *Hukum Zakat, Loc. Cit.*, h. 755-762.

⁹⁵ Mujaini Tarimin (2006), *Golongan Penerima Zakat, Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, h. 37.

⁹⁶ M. Ali Hasan, (2004), *Op, Cit*, h. 97.

para amil zakat diharapkan terbebas daripada kesalahan dan kekeliruan yang diakibatkan dari kebodohnya dalam masalah zakat tertentu. Pengetahuan yang mencukupi tentang zakat inipun akan mengundang kepercayaan daripada masyarakat awam.⁹⁷ Amil atau pengurus zakat semestinya harus memahami serta mengerti permasalahan zakat, sama ada tentang nisab zakat dan harta-harta yang wajib dizakat. Selain itu, amil zakat juga harus mengerti tentang undang-undang yang mengatur tentang perzakatan, baik dalam hukum Islam mahupun peraturan kerajaan.

Amil zakat haruslah cekap dalam pengurusan zakat, beliau harus mampu melakukan segala aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan pengurusan zakat. Dengan demikian, seharusnya amil atau pengurus zakat orang-orang yang betul-betul cekap dan mempunyai kemampuan dalam melaksanakan segala urusan zakat. Amil zakat yang baik adalah amil zakat yang dapat bekerja sepenuh masa dalam melaksanakan tugasnya, harus dengan serius dan tidak pula secara sambilan. Banyak amil zakat yang bekerja sambilan dalam masyarakat, sehingga menyebabkan amil zakat itu pasif dan hanya menunggu kedatangan muzakki untuk membayar zakat atau infaknya. Keadaan semacam ini harus segera dihentikan dan digantikan dengan amil-amil yang serius, bersungguh-sungguh dan menjadikan pekerjaan amil zakat sebagai pilihan hidupnya. Insya Allah jika ditekuni akan menyebabkan amil zakat tersebut menjadi berjaya dan dipercayai oleh masyarakat.⁹⁸

Pengurus zakat atau amil mestilah menjadikan pekerjaan menguruskan zakat haruslah dijadikan sebagai pekerjaan utama, jangan dijadikan pekerjaan tersebut secara sambilan.⁹⁹ Amalan mengurus zakat itu harus fokus dan benar-benar dijalankan dengan

⁹⁷ Didin Hafifuddin, (2002), *op, cit* h. 129.

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ Abdurrahman Qadir, (1998), *Zakat Dalam Dimensi Mahdhah dan Sosial*, Jakarta, PT. Raja Grafindo Persada, h. 95

sepenuh hati. Kesungguhan amil dalam melakukan pengurusan zakat akan menjadikan lembaga zakat lebih profesional, dan tujuan utama dapat dicapai dengan lebih baik.

Dengan demikian, amil mempunyai kuasa pakar dalam pengurusan zakat, sebab perkara zakat telah diserahkan sepenuhnya kepada amil. Oleh yang demikian, sudah seharusnya amil perlu memahami dan mengerti serta mempunyai kepakaran yang lebih terhadap pengurusan zakat. Bermula dari pungutan, agihan sampai kepada pembangunan harta zakat.

2.5.5 Kuasa Rujukan

Kuasa rujukan adalah berasaskan kepada kehendak dan kerelaan seseorang untuk mempercayai seseorang atau organisasi.¹⁰⁰ Dalam hal ini, lembaga amil zakat harus mampu untuk menjadi sebuah lembaga yang telus dalam pengurusan zakat. Kuasa rujukan dapat memberikan motivasi kepada masyarakat untuk mencontohi tabiat kerjaya yang baik yang ditunjukkan oleh lembaga tersebut. Kuasa rujukan juga berfungsi di kalangan organisasi lainnya.

Amil boleh dianggap sebagai pengantara di antara pembayar zakat dan asnaf yang menerima zakat, di mana pembayar zakat dan penerima zakat lebih baik tidak bertemu di antara satu sama lain secara langsung. Ini kerana bagi pembayar zakat, situasi ini boleh merosakkan keikhlasan seperti timbulnya perasaan riya', dan bangga diri. Pada waktu yang sama, si penerima zakat juga akan merasa malu, hina dan rendah diri seolah olah datang meminta dari pemilik harta. Maka, adalah lebih baik ke atas pembayar zakat menyerahkan sahaja proses penyerahan itu kepada amil. Amil pula sebagai pemegang amanah tidak terbeban dengan pelbagai emosi melainkan perasaan

¹⁰⁰ Ahmad Fauzi bin Mohamed, (2008), h. 23.

bertanggungjawab melaksanakan tugas.¹⁰¹ Dengan demikian, amil zakat harus mampu menjadi rujukan daripada masyarakat, baik itu muzakki mahupun mustahiq zakat. Dengan demikian, kuasa rujukan tersebut amat penting dimiliki oleh amil zakat.

2.6 Kepentingan Lembaga Amil Zakat Dalam Pengurusan Zakat

Ketersediaan institusi kutipan zakat sahaja sememangnya tidak menjamin pembayaran zakat oleh mereka yang sepatutnya berbuat demikian. Terdapat pelbagai faktor dalaman (nilai) dan luaran yang mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat bagi para pembayar zakat.¹⁰²

Lembaga amil zakat juga disebut sebagai *diwan samy*, merupakan pejabat pembendaharaan negara yang mengurus kemasukan dari bermacam-macam sumber dan pengeluarannya untuk bermacam-macam perbelanjaan negara dan kepentingan umum. Mengenai zakat dalam hubungannya dengan lembaga amil zakat di mana lembaga amil zakat berperanan sebagai lembaga pengumpulan, pengagihan serta pendayagunaan harta zakat.¹⁰³

Pengurusan zakat pada mulanya dilakukan oleh penguasa atau pihak yang menggantikannya. Dalam pungutan zakat umum, dibentuk badan pungutan zakat yang dikenali dengan sebutan lembaga amil zakat. Lembaga amil zakat melakukan pengumpulan zakat dengan cara muzakki suka rela menyerahkan zakatnya kepada lembaga amil zakat. Pungutan zakat semacam ini berlaku sebagaimana yang dipraktikkan di masa Rasulullah saw, kerana pada waktu itu, umat Islam dengan

¹⁰¹ Hairul Fazli bin Muhammad Som, (2009) *Amil Dalam Institusi Zakat Modern; Kajian di Lembaga Zakat Selangor* (Tesis), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 35.

¹⁰² Mohd Ali Mohd Nor, (et.al), (2004), *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, Jurnal Islamiyyat*, Kuala Lumpur, h. 66

¹⁰³ M. Ali Muhammad, (1987), *Zakat Tanaman dan Zakat Jasa (Sebuah Pendekatan Baru)*, Banda Aceh, Taman Pengajian Islam "Darun Nasyiin", h. 54

sukarela menyerahkan zakatnya kepada Rasulullah saw. Pada masa sekarang ini, pengumpulan zakat secara sukarela ini berlaku pada pegawai negeri, syarikat negara atau swasta.¹⁰⁴

Zakat mengarah kepada lembaga amil zakat iaitu khazanah umum yang di dalamnya terhimpun pendapatan suatu negara Islam, bermula daripada zakat, fai, ghanimah, cukai tanah dan yang lain. Meskipun demikian, zakat mempunyai baitul mal tersendiri secara khusus, dan tidak bercampur dengan baitul mal yang lain. Sehingga hak orang-orang fakir tetap terjaga, dan bahagian mereka terpelihara, serta tidak dikalahkan oleh perbelanjaan untuk keperluan lain. Inilah yang telah berlaku dan ditegaskan oleh jumhur fuqaha.

Kewujudan lembaga Baitul Mal pada awalnya merupakan hasil daripada pengurusan yang dilakukan oleh pengurus zakat (amil). Namun, ia juga mencerminkan ruang lingkup Islam, di mana Islam ditakrifkan sebagai agama dan kerajaan, sehingga lembaga amil zakat menjadi salah satu komponen yang menjalankan fungsi-fungsi kerajaan dan kekuasaan dari negara. Jadi, ketika negara harus menguruskan penerimaan-penerimaan negara, baik yang ditetapkan oleh syariah mahupun yang didapati berdasarkan keadaan pada masa itu, negara memerlukan lembaga yang menghimpun, mengurus dana negara untuk kepentingan negara, baik penggunaan yang memang ditetapkan oleh syariah atau juga yang merupakan keutamaan pembangunan ketika itu. Kepentingan daripada penubuhan lembaga amil zakat sangat penting, di antaranya untuk mewujudkan kemaslahatan umat, peningkatan ekonomi masyarakat serta tegaknya hukum Islam. Adapun penjelasan adalah sebagai berikut:¹⁰⁵

¹⁰⁴ Yusuf Qardhawi, (2004), *loc. cit.*, h. 414

¹⁰⁵ *Ibid.*

2.6.1 Memberikan Kesejahteraan Kepada Ummah

Ketika pertama kali muncul negara Islam Madinah, keadaannya masih sangat sederhana, terutamanya jika ditinjau dari sudut pandang ekonomi. Kesederhanaan ini kerana belum terealisasinya kewangan negara yang mencukupi walaupun telah memiliki konsep-konsep yang baik tentang ekonomi, kerana konsep tersebut bersumber dari Allah SWT. Walaupun keadaannya demikian, Rasulullah saw telah mampu mencipta kesamarataan dan keadilan sesuai dengan pendapatan negara pada masanya. Pendapatan negara sebahagian besarnya bersumber dari dana zakat. Harta zakat yang terkumpul langsung diagihkan oleh Rasulullah saw kepada fakir miskin, kerana pada masa itu belum mempunyai lembaga amil zakat.¹⁰⁶

Pentingnya kewujudan dan manfaat zakat, sehingga pada masa Rasulullah saw dan pemimpin Islam selepasnya tidak menyerahkan urusan zakat kepada kerelaan individu semata-mata, tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan (lembaga yang dilantik oleh negara), baik dalam proses pungutan dan pengagihan. Oleh itu, yang aktif menarik dan menyebarkan zakat adalah pegawai yang telah dilantik oleh negara. Zakat adalah tanggung jawab sosial yang berat dan memerlukan ketelusan dalam pengagihannya, sehingga diperlukan seperti lembaga amil zakat yang dapat menghimpun dana umat dan mengagihkan kepada lapan golongan penerima zakat. Dengan adanya lembaga kawalan yang ketat, dana zakat umat dapat difungsikan semaksimum mungkin untuk kemaslahatan umat.¹⁰⁷

Zakat merupakan salah satu daripada peraturan jaminan sosial dalam Islam, dan Islam memperkenalkan peraturan ini dalam ruang lingkup lebih luas dan mendalam yang merangkumi semua segi kehidupan manusia. Zakat dipandang sebagai peraturan

¹⁰⁶ Rifat Abul Latief, (2002), *Zakat Sebagai Penjana Pembangunan Ekonomi Islam*, Hj. Abu Mazaya Al-Hafi (Terj) Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publisher, h. 250.

¹⁰⁷ *Ibid.*

keselamatan sosial pertama yang tidak bergantung pada pertolongan penguasa secara sistematis. Tujuan akhirnya adalah memenuhi keperluan orang-orang yang memerlukan, sama ada teras mahupun sampingan, perumahan, mahupun keperluan hidup yang lain.

2.6.2 Peningkatan Ekonomi Umat

Zakat merupakan ibadah yang bercorak sosio-ekonomi, sebagai kewajipan seseorang muslim atau badan undang-undang yang dimilikinya (muzakki) untuk mengeluarkan sebahagian hak miliknya kepada pihak yang berhak untuk menerimanya (mustahik), agar tercipta agihan ekonomi yang serta merta.

Dengan pelaksanaan yang baik, zakat dapat mengurangi dan mencegah terjadinya ketidakadilan di dalam masyarakat, yang pada akhirnya dapat menjadikan suatu negara menjadi stabil dalam politik dan ekonomi. Di sini, zakat berfungsi untuk mencegah pengumpulan harta pada sebahagian kecil orang dan menyempitkan jurang ekonomi dalam masyarakat. Di dalam Islam, zakat tidak hanya boleh dilihat sebagai aspek ibadah, tetapi juga salah satu institusi yang membantu negara dalam peningkatan ekonomi umat.

Orang kaya perlu menunaikan hak orang miskin, maka kekayaan yang dimiliki oleh orang kaya dapat diagihkan kepada orang miskin melalui pembayaran zakat. Kaedah ini dapat mengurangkan jurang pendapatan di kalangan masyarakat selain dapat mengurangkan kemiskinan itu sendiri.¹⁰⁸

¹⁰⁸ Patmawati Ibrahim (2001), *Zakat as Alternative Redistribution Mechanism: A Review*, Jurnal Syariah, Jil. Bil 2, July 2001, h. 53-58.

2.6.3 Tegaknya Hukum Islam Di Atas Bumi

Dalam ajaran Islam, dinyatakan bahawa pungutan zakat adalah hak mutlak imam (kerajaan). Amalan ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah saw, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Mereka memaksa orang yang tidak membayar zakat untuk mengeluarkannya, bahkan sampai ke tahap diperangi seperti yang pernah dilakukan oleh Saidina Abu Bakar.

Pembentukan lembaga amil zakat pada tempoh awal Islam semata-mata untuk mengurus kelancaran pungutan zakat dan penyalurannya. Membayar zakat bererti melaksanakan perintah Allah untuk tegaknya hukum Islam di atas muka bumi. Zakat merupakan bentuk nyata perpaduan sosial dalam Islam. Dengan zakat, dapat ditumbuhkan rasa kebersamaan dan tanggung jawab untuk saling menolong di antara sesama masyarakat, sekaligus menghilangkan sifat egois dan individual. Zakat merupakan bahagian tertentu dari harta benda yang diwajibkan Allah swt untuk sejumlah orang yang berhak menerimanya¹⁰⁹.

Kedudukan zakat adalah halnya dengan perintah ibadah wajib yang lain bagi orang-orang yang beriman kepada Allah seperti, salat fardhu sehari semalam lima waktu. Dapat difahami bahawa, orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mendirikan salat dan menunaikan kewajipan berzakat. Sebagai suatu ibadah dan merupakan salah satu rukun dari rukun Islam (rukun yang ke-3), kedudukan zakat di tengah-tengah umat dianggap penting kehadirannya. Zakat mempunyai dua fungsi penting dalam kehidupan umat. Pertama, zakat merupakan perintah Allah sehingga melakukannya adalah sebuah ibadah (*hablun minallah*), yang kedua mempunyai

¹⁰⁹ Ismail Muhammad Syah, (1991), *Filsafat Hukum Islam*, Jakarta: Bumi Aksara, h. 187

peranan meningkatkan kesejahteraan umat (*hablun minannas*). Namun demikian, ulama mazhab sepakat bahawa tidak sah mengeluarkan zakat kecuali dengan niat.¹¹⁰

Kewujudan lembaga amil zakat amatlah penting dalam kehidupan umat Islam, kerana zakat merupakan salah satu sumber pendapatan negara dalam kerajaan di negara Islam. Keaktifan lembaga amil zakat dalam melakukan pengurusan zakat sangat berpengaruh terhadap kerajaan umat Islam.

2.7 Cabaran Lembaga Amil Dalam Pengurusan Zakat

Dalam perkembangan zaman, pengurusan zakat banyak menghadapi beberapa beberapa cabaran, sehingga seringkali pengurusan zakat masih belum optimum. Adapun cabaran tersebut adalah:

1. Minimumnya kesedaran masyarakat

Masih minimumnya kesedaran membayar zakat dari masyarakat menjadi salah satu cabaran dalam pengurusan dana zakat. Banyak masyarakat yang tidak faham tentang fekah zakat, samaada batas nisab dan haulnya harta yang wajib dizakati, mahupun tentang harta-harta yang wajib dizakati. Ini menyebabkan menjadi sebuah cabaran ke atas lembaga amil dalam pengurusan zakat. Apabila kesedaran masyarakat akan pentingnya zakat terhadap peningkatan kesejahteraan dan kemakmuran umat sudah semakin baik, hal ini akan dapat dilihat pada peningkatan penerimaan zakat.¹¹¹

¹¹⁰ Muhammad Jawad Mughniyah, (2002), *Fiqh Lima Mazhab*, (Terj. Masykur A.B, dkk), Jakarta: Lentera Basritama, h. 177.

¹¹¹ Budiman, (2002), "*Potensi Dana ZIS Sebagai Instrumen Ekonomi Islam; Dari Teori dan Implementasi Manajemennya*", P3EI UII, Yogyakarta, h. 51.

2. Minimumnya sumber manusia yang berkualiti

Sumber manusia merupakan hal yang sangat penting dalam sebuah organisasi, termasuk organisasi pengurusan zakat. Kejayaan sebuah organisasi sangat dipengaruhi oleh sumber manusia pengurus organisasi tersebut. Untuk menjadi pengurus lembaga amil bukanlah yang mudah, banyak tanggung jawab yang harus dilaksanakan. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang amil mestilah mempunyai sumber manusia yang berkualiti dan bertanggung jawab. Untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, lembaga amil memerlukan banyak sumber manusia yang berkualiti agar pengurusan zakat boleh profesional, amanah, akuntabel dan telus. Ini kerana sesungguhnya kerjanya menjadi seorang amil mempunyai dua aspek, tidak hanya aspek material semata tetapi aspek sosial juga sangat menonjol.¹¹²

3. Pemahaman fekah zakat terhadap amil yang belum mencukupi

Pemahaman fekah zakat yang masih minimum terhadap amil menjadi salah satu cabaran dalam pengurusan zakat. Sehingga menjadikan fekah hanya difahami dari segi tekstual semata bukan konteksnya. Banyak para amil zakat belum memahami fekah zakat, samaada fekah zakat klasik mahupun fekah kontemporeri, dengan demikian, sehingga tujuan utama zakat tidak tercapai. Sebenarnya, dalam penerapan zakat di dalam masyarakat yang perlu diambil adalah idea dasarnya, iaitu bermanfaat dan berguna bagi masyarakat serta dapat memberikan kemaslahatan bagi umat dan mampu menjadikan mustahik tersebut peribadi yang berdikari dan tidak bergantung oleh pihak lain.¹¹³

Oleh yang demikian, tiap-tiap amil zakat semestinya harus memahami fekah zakat, samaada fekah zakat klasik mahupun fekah zakat kontemporeri. Ini menyebabkan

¹¹² <http://alarifs.blogspot.com/2009/02/hambatan-pengelolaan-zakat-di-indonesia.html>, Diakses pada 18 Disember 2011.

¹¹³ *Ibid.*

dengan memahami fekah zakat tersebut, amil zakat boleh melakukan pengurusan zakat yang profesional.

4. Minimumnya teknologi yang digunakan

Penggunaan teknologi pada lembaga zakat masih sangat jauh apabila dibandingkan dengan penggunaan teknologi pada lembaga kewangan. Hal ini turut menjadi salah satu cabaran terhadap lembaga amil dalam pengurusan zakat. Teknologi yang diterapkan pada lembaga amil masih terhad kepada teknologi standard biasa. Seharusnya sistem perakaunan, pentadbiran, penghimpunan mahupun pembangunan harta zakat haruslah menggunakan teknologi terkini, agar dapat menjangkau segala kumpulan masyarakat terutama segmen kalangan menengah atas yang mempunyai dana berlebihan. Penggunaan teknologi selain memberikan kemudahan kepada muzakki dalam membayar zakat, akan turut pula memudahkan lembaga amil zakat dalam penghimpunan dana masyarakat.

Lembaga amil zakat yang ada belum mempunyai atau menyusun suatu sistem maklumat zakat yang bersepadu antara amil. Sebagai contoh dalam penerapan ini adalah kelengkapan tentang maklumat muzakki dan mustahik. Dengan adanya sistem maklumat ini, tidak akan terjadi pada muzakki yang sama didekati oleh beberapa institusi amil, atau mustahik yang sama diberi bantuan oleh beberapa lembaga amil zakat. Dengan adanya sistem maklumat zakat sehingga memudahkan amil zakat untuk mengenali mustahik dan muzakki. Ini kerana tujuan utama pembentukan lembaga amil zakat selain untuk menguruskan dana zakat, harus pula mampu menyelaraskan agar zakat tersebut bermanfaat dan pengaruhnya boleh terasa bagi peningkatan kemakmuran

dan kesejahteraan masyarakat. Akan tetapi sistem maklumat ini haruslah dikendalikan oleh suatu institusi bebas, dan secara idealnya dikendalikan oleh negara.¹¹⁴

Dari huraian di atas dapat diketahui beberapa cabaran yang dihadapi oleh lembaga amil dalam pengurusan zakat. Ini menyebabkan lembaga amil zakat kurang berjaya dalam pengurusan zakat. Pada asasnya, zakat merupakan salah satu sumber kewangan dalam negara Islam. Oleh demikian, lembaga amil zakat harus mampu melakukan pengurusan zakat secara profesional, dengan tujuan hakikat daripada zakat boleh tercapai.

2.8 Penutup

Penubuhan dan pembentukan amil zakat pada masa awal Islam telah dilakukan oleh Rasulullah saw. Pada masa itu, Rasulullah telah melantik sahabatnya untuk mengurus zakat. Ini menandakan bahawa amil zakat mempunyai peranan yang sangat penting dalam pengurusan zakat di dalam Islam. Bahkan, zakat merupakan kedudukan yang penting dalam ajaran Islam, sehingga memerlukan kepada keseriusan umat Islam, khususnya petugas zakat dalam melakukan pengurusan zakat.

Dalam melakukan pengurusan zakat yang profesional, lembaga pengurus zakat harus bermula dengan aktiviti perancangan, iaitu perancangan program, bajet dan pengumpulan data muzakki serta mustahik. Selepas itu, pengorganisasian meliputi pemilihan carta organisasi (diwan pertimbangan, diwan pengawas dan lembaga pelaksana), penempatan pengurus (amil) yang tepat dan pemilihan sistem perkhidmatan yang memudahkan disokong dengan perisai yang mencukupi, kemudian dengan tindakan proaktif melakukan kempen serta pembinaan baik kepada muzakki mahupun

¹¹⁴ *Ibid.*

mustahik dan terkini adalah pengawasan dari sisi syariah, pengurusan dan kewangan operasi pengurusan zakat.

Lembaga pengurus zakat atau amil zakat mempunyai peranan dan kuasa untuk melakukan pengawasan dan kawalan terhadap masyarakat atau syarikat dalam membayar zakat. Ini bertujuan untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, di samping itu, ketelusan lembaga pengurus zakat sangatlah penting, agar kepercayaan masyarakat awam terhadap lembaga tersebut meningkat, dan kewujudan lembaga pengurus zakat semakin baik dan profesional.

BAB III

SEJARAH PENGURUSAN ZAKAT DI INDONESIA DAN ACEH

3.1 Pendahuluan

Pada tahun 1951 Kementerian Agama mengeluarkan surat edaran nombor A/VII/17367, tarikh 8 Disember 1951 tentang pelaksanaan zakat fitrah. Kementerian Agama melakukan pengawasan supaya penggunaan dan pengagihan hasil pungutan zakat berlangsung menurut hukum agama. Kementerian agama mulai menyusun Rancangan Undang-Undang (RUU) tentang pelaksanaan zakat dan Rencana Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang (RPPPUU) tentang pelaksanaan pengumpulan dan pembahagian zakat dan pembentukan Baitul Mal pada tahun 1964. Malangnya, kedua-dua peranti peraturan tersebut belum sempat diajukan kepada Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) mahupun kepada Presiden. Melalui proses yang panjang, maka pada tahun 1999 lahirlah undang-undang nombor 38 tentang pengurusan zakat di Indonesia.

Begitu pula dengan Aceh, selepas terjadinya perselisihan dengan negara Indonesia, Aceh telah menjadi salah satu negeri yang mendapat kekhususan di Indonesia. Kekhususan tersebut telah menjadikan Aceh salah satu negeri yang mendapat otonomi khusus. Dengan demikian, dalam hal pengurusan zakat di Aceh, itu telah diatur dengan Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007. Ini bermakna, dalam pengurusan zakat, negeri Aceh tidak lagi merujuk kepada Undang-undang Indonesia nombor 38 tahun 1999, akan tetapi merujuk kepada Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007.

3.2 Sejarah Pengurusan Zakat di Indonesia

3.2.1 Masa Awal Kemerdekaan

Setelah Indonesia memperoleh kemerdekaan, zakat kembali menjadi perhatian para ahli ekonomi dan ahli fekah bersama kerajaan dalam menyusun ekonomi Indonesia. Hal tersebut dapat dilihat pada pasal-pasal dalam perlembagaan 1945 yang berkaitan dengan kebebasan menjalankan syariat agama (pasal 29), dan pasal 34 perlembagaan 1945 yang menegaskan bahawa fakir miskin dan anak-anak terlantar dipelihara negara. Kata-kata fakir miskin yang digunakan dalam pasal tersebut jelas menunjukkan kepada mustahik zakat (golongan yang berhak menerima zakat)¹¹⁵

3.2.2 Masa Orde Baru

Kepemimpinan presiden Soeharto telah memberikan sebuah polisi tentang konteks penerapan zakat ini. Sesuai anjuran presiden dalam ucapannya ketika memperingati isra miraj di istana negara pada 22 Oktober 1968, maka terbentuklah Badan Amil Zakat Infaq dan Shadaqah (BAZIS) yang dipelopori oleh kerajaan daerah DKI Jaya. Sejak itulah, secara bersamaan badan amil zakat terbentuk di pelbagai wilayah dan kawasan-kawasan seperti di Kalimantan Timur (1972), Sumatra Barat (1973), Jawa Barat (1974), Begawan (1975), Sumatra Selatan dan Lampung (1975), Kalimantan Selatan (1977), dan Sulawesi Selatan dan Nusa tenggara Barat (1985).¹¹⁶

Perkembangan zakat pada masa orde baru ini tidak sama di setiap daerahnya. Sebahagiannya masih pada tahap konsep atau baru ada di peringkat daerah seperti Jawa Timur. Atau ada pula yang hanya dilakukan oleh pejabat agama tempatan. Ini

¹¹⁵ Muhammad Daud Ali, (1998), *Sistem Ekonomi Islam Zakat dan Wakaf*, Kuala Lumpur: UI Press, h. 32-33

¹¹⁶ *Ibid.*

menyebabkan mekanisme pengeluaran dana oleh lembaga zakat ini berbeza. Manakala di Jawa Barat hanya terjadi pengumpulan zakat fitrah saja.¹¹⁷

Pada tahun 1991, dikeluarkan keputusan bersama menteri agama dan menteri dalam negeri nombor 29 dan 47 tahun 1991 tentang pembinaan badan amil zakat, infaq, dan sedekah yang kemudian dilanjutkan dengan arahan menteri agama nombor 5 tahun 1991 tentang manual pembinaan teknikal badan amil zakat, infaq, dan sedekah dan arahan menteri dalam negeri nombor 7 tahun 1988 tentang pembinaan umum badan amil zakat, infaq, dan sadaqah.¹¹⁸

3.2.3 Masa Reformasi

Pada tahun 1999, undang-undang Nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat dikeluarkan oleh kerajaan. Kerajaan bersama Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) berusaha memajukan kesejahteraan sosial dan ekonomi bangsa dengan menerbitkan Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Kemudian dikeluarkan pula keputusan menteri agama nombor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 dan keputusan pengarah jeneral bimas Islam dan urusan haji nombor D-291 tahun 2000 tentang manual teknikal pengurusan zakat.

Pengurusan zakat yang bersifat nasional semakin intensif setelah diterbitkannya Undang-undang No. 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Undang-undang inilah yang menjadi landasan legal formal pelaksanaan zakat di Indonesia. Akibatnya, kerajaan (mulai dari pusat sampai daerah) wajib memudahkan terbentuknya lembaga pengelola zakat, yakni Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) untuk peringkat pusat,

¹¹⁷ Dawam Rahardjo, *Perspektif Deklarasi Makkah Menuju Ekonomi Islam*, h. 188-190.

¹¹⁸ Fakhruddin, (2008), *Fiqh dan Pengelolaan Zakat di Indonesia*, Malang: UIN Malang Press, h. 246

dan Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA) untuk peringkat daerah. BAZNAS ini dibentuk berdasarkan peraturan nombor 8/2001 tarikh 17 Januari 2001.¹¹⁹

Setelah Undang-undang nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat ditubuhkan, maka pengurusan zakat dilakukan oleh satu wadah, iaitu Badan Amil Zakat (BAZ) yang dibentuk kerajaan bersama masyarakat dan Lembaga Amil Zakat (LAZ) yang sepenuhnya dibentuk oleh masyarakat yang terhimpun dalam organisasi-organisasi masyarakat mahupun yayasan-yayasan.

Namun demikian, meskipun negeri Aceh merupakan bahagian daripada negara Aceh, akan tetapi, negeri Aceh mempunyai kekhususan dalam pengurusan zakat. Ini disebabkan Aceh telah mendapatkan otonomi khusus dari kerajaan Indonesia. Dengan demikian, Aceh dapat mengatur dan mengurus sendiri masalah dalam negeri Aceh, termasuk masalah perzakatan. Masalah perzakatan di Aceh diatur dalam Qanun No. 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal Aceh.

3.3 Sejarah Pengelolaan Zakat di Aceh

Pengurusan zakat di Aceh pada mulanya dilakukan secara tradisional, ini kerana belum ada lembaga formal pengurusan zakat. Hal ini sudah berlangsung lebih kurang 13 abad, di mana zakat yang difahami secara umum adalah zakat fitrah ditambah dengan zakat padi yang diserahkan kepada para ulama. Sedangkah zakat Mal yang lain terbatas kepada zakat perniagaan, zakat ladang pun agak jarang dilakukan, disebabkan oleh jumlah ternakan yang sangat terhad. Pemahaman zakat juga terbatas dalam kalangan tertentu saja, iaitu orang-orang yang pernah belajar di pesantren serta ulama-ulama di kampung, sehinggakan kempen zakat menjadi sangat terhad. Ini menyebabkan

¹¹⁹ *Ibid.*

pada tahun 1960-an, pungutan zakat masih dilakukan secara tradisional dan belum adanya campur tangan kerajaan.¹²⁰

Perancangan awal pembentukan lembaga formal pengurus zakat di Aceh mulai tahun 1973 melalui keputusan Gabenor Aceh nombor 5/1973 tentang penubuhan badan penertiban harta agama (BPHA). BPHA ini kemudian diubah suai menjadi badan harta agama (BHA). Sehubungan dengan adanya keputusan bersama Menteri Agama dan Menteri dalam Negeri tahun 1991 tentang pembentukan BAZIS, maka pada tahun 1993, BHA di Aceh berubah menjadi Badan Amil Zakat (BAZ), infak dan sedekah, agak sedikit berbeza dengan BAZIS yang ada di tempat lain, BAZIS di Aceh terdiri dari BAZIS Wilayah, BAZIS kabupaten/kota, BAZIS kecamatan dan BAZIS kampung/kelurahan.¹²¹

Perjalanan BAZIS di Aceh mulai tahun 1993 sampai tahun 2004 (lebih kurang 9 tahun) tidak begitu berkembang. Perkembangan yang sedikit menonjol pada tahun 1995 sampai tahun 1997, berkat dengan kegiatan pemotongan zakat pendapatan dari Pegawai Negeri Sipil (PNS) di kabupaten/kota dan wilayah. Pemotongan ini tidak berlangsung lama kerana keadaan keselamatan pada waktu itu tidak menyokong. Selanjutnya, dengan adanya UU nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat yang berlaku secara nasional, peruntukan tersebut tidak begitu bergema di Aceh kerana ada undang-undang nombor 44 tahun 1999 tentang keistimewaan Aceh. Sebagai kelanjutan daripada UU nombor 44 tahun 1999 tentang keistimewaan Aceh telah ditetapkan PERDA nombor 5 tahun 2000 tentang pelaksanaan syariat Islam.¹²² Dengan demikian, terbentuklah Baitul Mal Aceh, melalui beberapa ketentuan yang mengaturnya.

¹²⁰ Amrullah, (2004), *Regulasi Zakat Dari Fiqh Klasik Menuju Fiqh Negara*, (Kerta Kerja Pada Mesyuarat Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, h. 13

¹²¹ Hendara Saputra, (2010), *Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Mencerdaskan Kehidupan Bangsa*, (Kertas Kerja Persidangan Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, h. 2.

¹²² *Ibid*, h. 4.

3.3.1 Penubuhan Baitul Mal Aceh

Pembentukan Baitul Mal Aceh berasal dari Badan Penertiban Harta Agama (BPHA), adalah berdasarkan surat keputusan gabenor kepala daerah istimewa Aceh nombor 05 tahun 1973, tarikh 4 April 1973. Tugas lembaga ini menguruskan zakat dan harta agama. Dua tahun kemudian, BPHA berubah nama menjadi BHA (Badan Harta Agama). Pada tarikh 10 Februari 1993, BHA ditukar menjadi BAZIS (Badan amil zakat infaq dan shadaqah), melalui surat keputusan gabenor kepala daerah istimewa Aceh nombor 02 tahun 1993.

Sebelum Undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang kerajaan Aceh atau yang lebih dikenali dengan sebutan UUPA lahir, zakat telah mendapat tempat yang khusus dalam kerajaan Aceh. Hal ini erat kaitannya dengan penubuhan undang-undang 44/1999 tentang penyelenggaraan keistimewaan daerah istimewa Aceh. Undang-undang tersebut telah melahirkan antara lain peraturan daerah nombor 5 tahun 2000 tentang pelaksanaan syariat Islam, di mana Baitul Mal merupakan salah satu daripada 13 bidang pelaksanaan syariat Islam, di mana Baitul Mal Aceh merupakan salah satu daripada 13 bahagian pelaksanaan syariat Islam di Aceh, yang berfungsi: ¹²³

a. Mungutip data muzakki

Baitul Mal Aceh mempunyai fungsi dan peranannya sebagai lembaga amil yang mempunyai peranan dan kuasa untuk mengutip harta zakat daripada muzakki, serta mendata sesiapa muzakki yang telah wajib zakat.

b. Melakukan pungutan zakat

Baitul Mal Aceh sebagai lembaga rasmi pengurusan zakat di Aceh mempunyai peranan untuk melakukan pungutan zakat terhadap muzakki di lingkungan Aceh yang hartanya telah mencapai haul dan nisab.

¹²³ Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal.nad.go.id/> 11 Mei 2010

- c. Mengutip data orang-orang yang berhak menerima zakat (mustahik)

Baitul Mal Aceh juga mempunyai peranan untuk mengagihkan harta zakat serta mendata sesiapa mustahik yang wajib menerima zakat.

Setelah penubuhan Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA), maka ditubuhkanlah Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Di dalam Qanun nombor 10 tahun 2007 bab I perkara I bahagian ke 11 disebutkan bahawa Baitul Mal adalah lembaga rasmi yang sifatnya independen, yang diberi kuasa untuk mengurus dan mengembangkan zakat, wakaf, harta agama dengan tujuan untuk kemaslahatan umat serta menjadi wali / wali pengawas terhadap anak-anak yatim piatu dan / atau hartanya serta pengurusan terhadap harta warisan yang tidak ada wali berdasarkan syariat Islam.¹²⁴

Untuk melaksanakan undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang kerajaan Aceh dan undang-undang nombor 48 tahun 2007 sebagaimana telah diterangkan di atas, memerlukan peraturan turunan dalam bentuk Qanun, iaitu Qanun nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Pelaksanaan Qanun tersebut, diatur kembali dalam Peraturan Gabenor (Pergub) nombor 92 tahun 2008 tentang susunan organisasi dan tata kerja Baitul Mal Aceh dan Pergub nombor 60 tahun 2008 tentang mekanisme pengurusan zakat.¹²⁵

3.3.2 Profil Baitul Mal Aceh

Dalam menjalankan tugasnya, Baitul Mal Aceh mempunyai visi dan misi. Visi dari Baitul Mal Aceh iaitu menjadi lembaga amil yang amanah, telus dan dipercayai. Adapun misi Baitul Mal adalah:¹²⁶

¹²⁴ Tim Perumusan Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007, Baitul Mal Aceh, 2007, h. 3.

¹²⁵ Amrullah, (2009), h. 5.

¹²⁶ Amrullah, (2009), *Cetak Biru Pengembangan Baitul Mal Aceh*, (Kertas Kerja Mesyuarat Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal aceh, h. 7.

- a. Memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada muzakki, mustahik dan masyarakat.
- b. Meningkatkan kesedaran umat dalam menunaikan kewajipan berzakat.
- c. Memberikan konsultasi dan advokasi dalam bidang zakat, harta wakaf, harta agama dan perwalian / perwarisan.
- d. Meningkatkan penilaian dan prestasi Baitul Mal Aceh, Baitul Mal kabupaten / kota, Baitul Mal kecamatan dan Baitul Mal kampung.¹²⁷

Tujuan penubuhan Baitul Mal Aceh iaitu menjadikan Baitul Mal sebagai lembaga pengurus zakat, harta wakaf, harta agama dan perwalian dalam rangka meningkatkan syariat Islam dan pemberdayaan ekonomi umat. Sementara itu, Baitul Mal Aceh mempunyai slogan "terdepan dan amanah". Ini bermakna bahawa Baitul Mal Aceh selalu memberikan pengkhidmatan yang baik serta lembaga yang amanah dan jujur yang boleh dipercayai oleh masyarakat awam.¹²⁸

Kewujudan undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang kerajaan Aceh, memperkuat semula keberadaan Baitul Mal itu sebagai institusi rasmi kerajaan dalam pengurusan zakat dan harta agama lainnya yang terdapat di seluruh Aceh. Sepertimana yang disebutkan dalam UU tersebut bahawa zakat di Aceh akan diurus oleh lembaga Baitul Mal Aceh dan pelaksanaanya akan diatur kemudian dengan Qanun Baitul Mal Aceh.

Pada dasarnya, kewujudan daripada Baitul Mal Aceh adalah sebagai rakan kerja daripada ibu pejabat kerajaan Aceh. Dalam perkara ini, Baitul Mal Aceh harus

¹²⁷Tim Penyusun, (2009), *Profil Baitul Mal Aceh*, Banda Aceh, Publikasi Baitul Mal Aceh, h. 3

¹²⁸ *Ibid.*

bertanggung jawab kepada gabenor. Dengan demikian, gabenor akan menerima laporan setiap masa daripada Baitul Mal Aceh.

Kemudian untuk mengawal Baitul Mal dalam melaksanakan tugas dan fungsinya sesuai dengan syariat Islam, gabenor Aceh melantik dewan syariah, yang termaktub dalam surat keputusan Gabenor nombor 451.6/107/2004 tentang pengangkatan / penetapan dewan syariah Baitul Mal Aceh. Selepas itu, nama dari dewan syariah ini diubah menjadi pasukan pembina Baitul Mal yang merupakan keberlanjutan dari MPU Aceh, yang termaktub dalam surat keputusan ketua MPU Aceh, nombor 451.12/15/SK/2009 tentang pengangkatan / penetapan pasukan pembina Baitul Mal Aceh.

Di samping bertugas untuk mengawasi pelaksanaan kegiatan Baitul Mal Aceh, dewan syariah juga memberikan penafsiran, arahan dan menjawab hal-hal berkaitan dengan syariah. Dengan demikian, diharapkan pengurusan zakat, harta wakaf dan harta agama lain sesuai dengan ketentuan syariat.

Perkembangan zakat di Aceh dari masa ke masa mengalami peningkatan. Dari pungutan dana zakat terkumpul menunjukkan adanya peningkatan. Pada tahun 2003, data Baitul Mal Aceh menunjukkan zakat yang terkumpul Rp. 300 million. Pada tahun 2007, terjadi peningkatan sebanyak 2.7 billion, dan pada tahun tahun 2010 diramalkan akan melebihi 4 billion. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan harta zakat dari tahun ke tahun terus meningkat.¹²⁹

3.3.3 Carta Organisasi Baitul Mal Aceh

Untuk mencapai tujuan organisasi dan menciptakan sesuatu pula yang dapat meningkatkan kecekapan kerjaya Baitul Mal Aceh sebagai sebuah institusi, maka Baitul

¹²⁹Baitul Mal Aceh, 2011, 09 Jun 2011.

Mal Aceh perlu mewujudkan hubungan yang baik antara setiap bahagian dengan kumpulan kerja. Dari sini diharapkan akan terwujud koordinasi di antara setiap unit kerja iaitu adanya suatu kesatuan arah dan tanggung jawab serta pengawasan.

Dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 perkara empat disebutkan, bahawa carta badan pelaksana Baitul Mal Aceh terdiri dari ketua, setiausaha, bendahari, bidang pengawasan, bidang pengumpulan, bidang pengagihan dan pendayagunaan, bidang kempen dan pembangunan dan bidang perwalian yang terdiri daripada sub bidang dan sub bahagian.¹³⁰

Hasil temubual dengan Amrullah menghuraikan bahawa “dalam carta Baitul Mal Aceh ada beberapa bidang, iaitu: jabatan ketua, naib ketua, setiausaha, bendahari, ketua sub bahagian dan ketua sub bidang Baitul Mal Aceh ditetapkan dengan keputusan gabenor. Sedangkah jawatan-jawatan lain ditetapkan oleh ketua jawatan Baitul Mal Aceh”.¹³¹

Dalam carta organisasi Baitul Mal Aceh terdiri daripada lapan unit kerja, iaitu dewan syariah (penasihat). Dewan syariah ini mempunyai tugas untuk mengawasi dan mengontrol setiap amil zakat, serta ia mempunyai tugas dalam merekrut calon amil. Ketua jawatan mempunyai tugas memimpin organisasi lembaga amil zakat. Sekretaris jawatan (urus setia) pula mempunyai tugas membantu ketua jawatan dalam memimpin organisasi. Bendahari pula mempunyai tugas dan kuasa untuk mengurus masalah kewangan Baitul Mal Aceh. Manakala empat bahagian yang menangani tugas tertentu, iaitu bidang pungutan zakat, ia mempunyai tugas dalam bahagian pungutan zakat. Selanjutnya bahagian pengagihan zakat, mempunyai tugas dan kuasa dalam pengagihan zakat, pembangunan harta agama dan perancangan program. Setiap bahagian berkenaan

¹³⁰ Pasukan Penyusun Qanun Aceh No. 10 tentang Baitul Mal Aceh, 2007, Banda Aceh, h. 13.

¹³¹ Amrullah, Ketua Jabatan Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 02 hb Mei 2011.

dipimpin oleh seorang ketua jabatan sub bahagian, yang bertanggung jawab kepada ketua jawatan Baitul Mal Aceh. (sila rujuk ke lampiran untuk carta organisasi).

3.3.4 Ruang Lingkup Baitul Mal Aceh

Dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, perkara 1, nombor 11, dijelaskan bahawa Baitul Mal merupakan lembaga independen yang diberi kuasa untuk mengurus dan mengembangkan zakat, wakaf, harta agama dengan tujuan untuk kemashlahatan umat serta menjadi wali-wali pengawas terhadap anak-anak yatim piatu, dan/atau hartanya serta pengurusan terhadap harta warisan yang tidak ada wali berdasarkan syariat Islam. Baitul Mal itu sendiri mempunyai empat tahap, iaitu wilayah, kabupaten/kota, kemukiman dan kampung. Dari keempat tahap Baitul Mal, Qanun tersebut telah menetapkan tugas dan kuasa masing-masing.¹³²

Dilihat dari mekanisme pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh memiliki sistem prosedur dan aturan yang jelas dan memiliki pengurusan yang terbuka. Melalui pengurusan zakat yang profesional, bererti telah menciptakan suatu sistem kawalan yang baik, kerana tidak hanya membabitkan pihak dalaman organisasi (Baitul Mal) sahaja, tetapi juga akan membabitkan pihak luaran seperti para muzakki, akauntan dan peserta mahupun masyarakat secara luas. Dengan sikap ketelusan inilah, rasa curiga dan ketidakpercayaan masyarakat akan dapat diminimumkan, dan usaha pembangunan kepercayaan dapat diwujudkan. Dalam menjalankan aktivitinya, Baitul Mal Aceh mempunyai ruang lingkup perkara-perkara yang berhubungan dengan tingkat daerah, sedangkan perkara di tingkat wilayah akan diuruskan oleh Baitul Mal daerah.

¹³² Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal.nad.go.id/>, 12 Mei 2010

3.4 Penutup

Pengurusan zakat di Indonesia bermula dari diterbitkannya Undang-undang No. 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Undang-undang inilah yang menjadi landasan legal formal pelaksanaan pengurusan zakat di Indonesia. Dengan terbentuknya Undang-undang tersebut, sehingga secara rasmi terbentuklah lembaga pengurusan zakat di Indonesia, mulai dari tingkat kerajaan sampai wilayah.

Begitu juga dengan perkembangan pengurusan zakat di Aceh, sejak kerajaan menubuhkan Qanun nombor 10 tahun 2007 tentang pengurusan zakat di Aceh. Maka, secara rasmi pengurusan zakat di Aceh tidak lagi merujuk kepada ketentuan kerajaan Indonesia, melainkan merujuk kepada Qanun Aceh sebagai panduan terhadap Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

BAB IV

METODOLOGI PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengandungi tentang metodologi kajian yang akan menghuraikan tentang metodologi kajian, rangka kajian, sumber data, metode analisis data, teknik pengumpulan data dan teknik analisis data, serta kesimpulan daripada pembahasan.

Kejayaan penyelidikan amat ditentukan oleh rangka penyelidikan yang diguna pakai untuk mendapatkan data yang tepat dari objek penyelidikan tersebut. Data yang dihasilkan dari pemakaian metode penyelidikan akan membantu penyelidik dalam menghasilkan sebuah karya ilmiah yang dapat dipertanggung jawabkan. Untuk mencapai tujuan penyelidikan, penyelidik menggunakan metode penyelidikan yang berbentuk penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan sebagai metode berdasarkan sumber data. Dari segi pengambilan kesimpulan, penyelidik menggunakan jenis penyelidikan yang bersifat analisis deskriptif.

4.2 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperoleh bergantung kepada metodologi yang digunapakai dalam sebuah kajian. Oleh kerana itu, bab ini akan menghuraikan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini, kaedah yang akan digunakan dalam pengumpulan data, serta kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini dilakukan untuk membentuk metodologi yang baik, sehingga menghasilkan kajian yang baik pula dan dapat dipertanggung jawabkan hasilnya.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yaitu mengkaji bagaimana peranan dan kuasa serta cabaran Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat. Untuk itu, sifat kajian ini adalah teoritikal dan praktikal yang cuba memberikan suatu penjelasan tentang bagaimana Baitul Mal Aceh melaksanakan pengurusan zakat. Ia dipaparkan dalam bentuk penyelidikan deskriptif, kualitatif, dan kritis yang bersifat eksploratif, yang membuat gambaran tentang gambaran tentang keadaan dan situasi yang sebenarnya berlaku.

4.3 Rangka Kajian

Penyelidikan ini merupakan jenis penyelidikan kualitatif, iaitu penyelidikan yang bermaksud untuk memahami fenomena terjadi terhadap subjek penyelidikan, misalnya mekanisme pengurusan zakat, kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, tindakan dan lain-lain secara holistik, dan dengan cara deskripsi dalam bentuk kata-kata dan bahasa, pada suatu konteks khusus yang semulajadi dan dengan memanfaatkan berbagai metode semulajadi.¹³³

Penyelidikan ini adalah penyelidikan lapangan dan perpustakaan, di mana dalam penyelidikan lapangan, penyelidik akan melakukan observasi, temu bual dan kajian dokumentasi untuk mendapatkan data yang tepat yang berhubung kait dengan pembahasan dalam kajian penyelidikan ini. Dalam penyelidikan perpustakaan, proses pengumpulan data (*heuristik*) dilakukan dengan merujuk kepada bahan dokumen¹³⁴ melalui pencarian buku-buku, jurnal, makalah, kertas kerja dan lain-lain dikatalog daripada beberapa perpustakaan, dan membuat nota terhadap sumber-sumber yang berhubungkait dengan kajian-kajian sebelumnya. Sebagai sebuah penyelidikan, maka diperlukan metode khusus dalam pengkajiannya.

¹³³ Lexy J Moleong, (2007), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Cetakan Keduapuluh Tiga, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, h. 6.

¹³⁴ Kuntowijoyo, (1997), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Yogyakarta: Bentang, h. 95.

4.4 Sumber Data

Sebagai sebuah penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan lapangan (*field research*), penyelidikan ini berasaskan pada kajian terhadap data atau dokumen. Oleh itu, sumber data yang digunakan di dalam penyelidikan adalah sebagai berikut:

- a. Sumber Primer, iaitu kajian langsung ke atas lapangan sama ada secara observasi, temu bual yang bertempat di Baitul Mal Aceh.
- b. Sumber Sekunder, iaitu hasil penyelidikan daripada kajian dokumentasi, buku-buku, jurnal pemikiran Islam, kertas kerja, kamus, ensiklopedia dan katalog serta rujukan lain yang berhubungkait dengan pembahasan kajian penyelidikan ini.

4.5 Metode Analisis Data

Adapun metode yang penyelidik gunakan dalam menganalisis data dalam kajian ini iaitu metode induktif dan deduktif, iaitu :

4.5.1 Metode Induktif

Penulis mengumpul maklumat secara berterusan bagi menjangka dan menghuraikan permasalahan yang sedang dikaji. Penyelidik akan mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan-keterangan yang terkumpul untuk membuat interpretasi terhadap apa yang didapati. Dalam hal ini, metode induktif diaplikasikan oleh penyelidik dalam menganalisis data-data. Daripada hasil penelitian ini, penyelidik akan membuat kesimpulan umum mengenai kajian ini.

4.5.2 Metode Deduktif

Dalam menggunakan metode ini, penyelidik menggunakan teori yang ada berdasarkan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat situasi yang berlaku, ini dapat membantu penyelidik dalam menjelaskan kajian yang sedang dikaji. Metode ini mencari kesimpulan daripada suatu yang bersifat umum kepada suatu yang lebih khusus.

4.5. Kaedah Pengumpulan Data

Adapun teknik yang akan digunakan penyelidik di dalam kajian ini bertujuan untuk suatu rangka kerja penyelidikan sebagai mendapatkan maklumat yang diperlukan adalah sebagai berikut:

4.5.1 Temu Bual

Temubual adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih (subjek dan objek).¹³⁵ Metode ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Definisi yang hampir sama disampaikan oleh Muhammad Nazir (1988), iaitu proses mempengaruhi keterangan untuk tujuan penyelidikan dengan cara tanya jawab sambil bertatap muka antara pewawancara dengan yang ditemubual.¹³⁶

Secara umum, metode temubual dapat dilakukan kepada dua bentuk, iaitu temubual yang tidak berstruktur dan temubual berstruktur. Temubual tidak berstruktur adalah temubual yang dilakukan hanya berpandukan kepada garis-garis besar permasalahan yang akan ditanyakan. Manakala temubual berstruktur iaitu temubual

¹³⁵ Irawani Singarimbun, (1995), *Pemanfaatan Kepustakaan*, Jakarta, LP3ES, h. 70.

¹³⁶ Muhammad Nazir, *op. cit*, 234.

yang disusun secara terperinci dalam menjawab soalan-soalan yang telah disusun semula.

Adapun metode temu bual yang penyelidik lakukan dalam penyelidikan ini ialah temubual berstruktur, di mana penyelidik mengunjungi tempat penyelidikan, iaitu Baitul Mal Aceh. Temu bual dilakukan secara langsung untuk mendapatkan data yang tepat dan pasti. Pihak yang ditemu bual iaitu ketua jabatan Baitul Mal Aceh, bahagian pengurusan pungutan zakat daripada Baitul Mal Aceh, bahagian pengawasan dan kawalan zakat daripada Baitul Mal Aceh, bahagian pengagihan zakat daripada Baitul Mal Aceh dan juru tulis zakat daripada Baitul Mal Aceh, serta 1 orang mustahik (penerima zakat) daripada Baitul Mal Aceh, dan selepas itu 1 orang muzakki (pembayar zakat). Dengan demikian, jumlah responden yang ditemu bual adalah 9 orang, 7 orang daripada Baitul Mal Aceh, 1 orang mustahik zakat dan satu lagi muzakki.

4.5.2 Observasi

Adapun tempat penyelidik lakukan pengamatan ini adalah Baitul Mal Aceh.. Adapun bentuk daripada pengamatan yang penyelidik lakukan iaitu di mana penyelidik mengamati serta menganalisis peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Dan penyelidik juga melakukan pengamatan ke atas hasil kerjaya daripada pegawai Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat, mulai dari pencatatan zakat, pungutan zakat bahkan pengagihan zakat kepada mustahik zakat di lingkungan Aceh. Hasil daripada pengamatan yang penyelidik lakukan diharapkan dapat menyokong semua data-data bagi penyelidik dalam melakukan penyelidikan ini.

4.5.3 Kajian Dokumentasi

Metode dokumentasi ini merupakan data sekunder, kerana dengan menggunakan dokumentasi, penyelidik dapat melengkapi data dan maklumat untuk penyelidikan ini,

baik dari beberapa perpustakaan samada buku-buku, majalah, akhbar tempatan, jurnal, internet dan kertas kerja seminar dan sebagainya. Ianya sebagai literatur yang tentunya tidak lepas dari masalah yang akan dibahas. Dalam hal ini, penyelidik melakukan kajian dokumentasi ke atas laporan serta dokumen-dokumen yang ada di Baitul Mal Aceh yang berkaitan dengan kajian penyelidikan iaitu tentang peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh, Indonesia dalam pengurusan zakat.

4.6 Teknik Analisis Data

Setelah data-data dan maklumat tersebut terkumpul sebagaimana yang diperlukan, sama ada hasil observasi, temubual, mahupun kajian dokumentasi, maka selanjutnya, data dan maklumat tersebut dianalisis dengan menggunakan metode analisis deskriptif. Kaedah penganalisan data yang digunakan dalam penulisan kajian ini adalah metode induktif dan deduktif yang berdasarkan perkara-perkara yang bersifat umum kepada perkara-perkara yang bersifat khusus hasil dari kajian ini.

4.7 Penutup

Penggunaan metodologi penyelidikan sangatlah mempengaruhi tahap hasil kajian. Kesilapan dalam penggunaan metodologi penyelidikan boleh menghasilkan hasil kajian yang salah. Oleh yang demikian, seharusnya metodologi merupakan perkara penting dalam menghasilkan sebuah penyelidikan yang berkualiti. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan bentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan analisis deskriptif dan kritis bersifat eksploratif, yang membuat gambaran tentang keadaan dan situasi yang sebenarnya yang berlaku melalui analisis terhadap pengembangan, dan amalan berkaitan dengan peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Dengan kegunaan metodologi kajian yang tepat, diharapkan boleh memperoleh hasil dapatan kajian yang maksimum.

BAB V

DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan tentang dapatan kajian dan analisis, yang mengandungi tentang peranan, kuasa, kepentingan serta cabaran dan upaya untuk menyelesaikan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Adapun pembahasan iaitu sistem pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, yang meliputi tentang peranan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, kepentingan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, dan cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, serta usaha penyelesaian cabaran dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, serta kesimpulan.

Baitul Mal Aceh merupakan salah satu lembaga amil zakat yang diberi kuasa untuk melakukan pengurusan zakat, mulai dari pungutan zakat, mencatat bentuk-bentuk zakat, dan sampai ke tahap pengagihan zakat kepada mustahik atau asnaf-asnaf yang berhak menerima harta zakat. Oleh yang demikian, Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dan kuasa dalam pengurusan zakat, khususnya di daerah Aceh. Keberjayaan dalam pengurusan zakat, sangatlah dipengaruhi oleh peranan dan kuasa lembaga amil zakat dalam pengurusan zakat. Penubuhan Baitul Mal Aceh melalui Qanun nombor 10 tahun 2007 telah memberikan peranan dan kuasa yang luas ke atas Baitul Mal Aceh untuk dapat melakukan pengurusan zakat yang lebih optimum, kerana dengan pembentukan ketentuan tersebut, Baitul Mal Aceh telah mempunyai kuasa dan peranan dalam pengurusan zakat di Aceh.

5.2 Sistem Pengurusan Zakat di Baitul Mal Aceh

Pengurusan zakat telah diatur dengan undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh (UUPA) dan Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Zakat sebagai undang-undang positif mengikat muzakki (wajib zakat) dan menetapkan amil sebagai pemegang autoriti pengurusan zakat. Adapun bentuk sistem pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh iaitu membentuk program perancangan operasi, di mana perancangan program operasi amat penting dalam melakukan berbagai macam aktiviti Baitul Mal Aceh. Di samping itu, pengawasan dan kawalan terhadap prestasi kerja pegawai Baitul Mal Aceh, serta pengurusan terbuka.

5.2.1 Perancangan Program Aktiviti Pengurus Baitul Mal Aceh

Sebagai sebuah institusi, sudah seharusnya semua dasar dan peruntukan dibuat peraturan secara jelas dan bertulis, seperti masa kerja pengurus, kriteria pekerja ataupun masalah penggajian para pelaksana, pemberian wang saku, penugasan, dan lain-lain. Dengan demikian, keberlangsungan institusi tidak bergantung kepada seseorang, tetapi bergantung kepada sistem yang telah dibentuk dalam organisasi tersebut, sehingga sekalipun berlaku pertukaran pelaksana, aktiviti lembaga tidak akan terganggu kerananya.

Dalam mewujudkan pengurusan zakat yang profesional, Baitul Mal Aceh bermula dengan aktiviti perancangan, di mana di dalamnya meliputi perancangan program, bajet dan pengumpulan data muzakki serta mustahik. Selepas itu, pengorganisasian meliputi pemilihan carta organisasi (diwan pertimbangan, diwan pengawas dan lembaga pelaksana), penempatan pengurus (amil) yang tepat dan pemilihan sistem perkhidmatan yang memudahkan disokong dengan perisian yang mencukupi, kemudian dengan tindakan nyata (proactive) melakukan kempen serta

pembinaan baik kepada muzakki mahupun mustahik dan terkini adalah pengawasan dari sisi syariah, pengurusan dan kewangan operasi pengurusan zakat.

Hasil temubual dengan Maulizan menghuraikan bahawa perancangan program kerjaya tersebut disusun dalam senarai program kerja Baitul Mal Aceh, biasanya program kerjaya tersebut disusun setiap tahun. Program kerjaya tersebut disusun dengan teratur daripada tiap-tiap bahagian, misalnya bahagian pungutan zakat, pengagihan zakat bahkan bahagian pengurusan zakat secara am. Selepas program kerjaya tersebut disusun oleh tiap-tiap bahagian, kemudian perancangan program tersebut dibawa ke dalam mesyuarat pasukan pembina Baitul Mal Aceh untuk dimuktamadkan serta untuk dijadikan program kerja tahunan Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat.¹³⁷

Dalam melakukan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh selalu membuat perancangan program kerja, baik sifatnya jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Hal ini bertujuan untuk memudahkan serta menjadi panduan pengurus Baitul Mal Aceh dalam melakukan aktiviti pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Program kerjaya tersebut meliputi program pungutan zakat, pengagihan zakat, dan peningkatan skil pengurus zakat.

Daripada huraian di atas dapat diketahui bahawa pengurus Baitul Mal Aceh akan melakukan aktivitinya sebagaimana program kerjaya yang telah disusun, setiap bahagian akan melakukan aktivitinya sebagaimana program kerjaya tersebut. Setiap bahagian telah mempunyai program kerjaya dalam jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Dengan penyusunan program kerjaya tersebut, memudahkan setiap bahagian di Baitul Mal Aceh dalam melakukan aktiviti pengurusan zakat.

¹³⁷. Maulizan, SHI, Bahagian Pengembangan dan Perancangan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 13 hb October 2011.

Dalam melakukan aktiviti pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh selalu merujuk kepada program kerjaya yang telah dirancang oleh pasukan kerjaya Baitul Mal Aceh. Program kerjaya tersebut merupakan panduan ke atas Baitul Mal Aceh dalam melakukan hal ehwal yang berhubungan dengan pengurusan zakat. Untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, sudah seharusnya Baitul Mal Aceh merancang program kerjaya yang baik, sehingga program kerjaya tersebut menjadi sebuah rujukan terhadap Baitul Mal Aceh. Dengan adanya program kerjaya yang baik, ia dapat mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh.

5.2.2 Pengawasan Dalam Pengurusan Zakat di Baitul Mal Aceh

Lembaga pengurus zakat atau amil zakat mempunyai peranan dan kuasa untuk melakukan pengawasan dan kawalan terhadap masyarakat dalam membayar zakat. Apabila terdapat masyarakat yang tidak membayar kewajipan zakat, maka pengurus zakat perlu melakukan pengawasan dan kawalan. Lembaga pengurus zakat atau kerajaan selain berperanan sebagai pengurus zakat, juga berhak menjatuhkan hukuman kepada amil zakat yang melakukan kesalahan.

Menurut Jusma Eri, pegawai bahagian pengawasan Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “pasukan pembina Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dan kuasa untuk melakukan pengawasan dan kawalan terhadap berbagai macam aspek, mulai dari aspek pungutan zakat, pengagihan zakat, pemilihan mustahik dan ke tahap pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Kalau terjadi kesilapan dalam pengurusan harta zakat di Baitul Mal Aceh, maka pasukan pembina Baitul Mal Aceh boleh memberikan hukuman kepada pengurus zakat, di mana hukuman tersebut bergantung terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pengurus zakat di Baitul Mal Aceh”.¹³⁸

¹³⁸ Jusma Eri, MA, Bahagian Monitoring Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 13 hb October 2011.

Pasukan pembina Baitul Mal Aceh akan melakukan tindakan yang agak berat, iaitu dikeluarkan terhadap amil zakat yang melakukan kesalahan. Kegiatan para amil juga dilakukan pengawasan dalaman dalam bentuk mesyuarat bulanan dan kewajipan menyampaikan laporan mingguan dan juga dilakukan audit dalaman.

Dengan demikian, pasukan pembina Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dan kuasa penuh dalam melakukan pengawasan dan kawalan ke atas semua aktiviti Baitul Mal Aceh. Pasukan pembina tersebut dibentuk oleh kerajaan Aceh. Pasukan pembina juga mempunyai kuasa untuk memberhentikan amil zakat, jikalau amil zakat tidak dapat melaksanakan fungsi dan peranannya sebagai amil zakat. Di samping pasukan pembina tersebut, masyarakat awam juga boleh melakukan pengawasan kawalan terhadap Baitul Mal Aceh, kerana Baitul Mal Aceh merupakan lembaga awam, serta akauntan awam juga melakukan kawalan terhadap Baitul Mal Aceh.

Pengawasan terhadap aktiviti kerjaya amil zakat di Baitul Mal Aceh bertujuan untuk dapat meningkatkan hasil kerjaya amil yang profesional. Jusma Eri menghuraikan “amil dituntut untuk dapat melaksanakan aktivitinya sebagaimana yang telah ditentukan oleh ketua pembina Baitul Mal Aceh. Pengawasan dan kawalan ini bertujuan supaya pegawai Baitul Mal Aceh dapat melaksanakan tugasnya sebagaimana semestinya”.¹³⁹

Seharusnya, Baitul Mal Aceh dapat melakukan pengawalan dan kawasan yang lebih terhadap kinerja karyawan Baitul Mal Aceh. Pengawasan dan kawalan tersebut bertujuan untuk dapat meningkatkan hasil kerjaya yang maksimun. Setakat ini, Baitul Mal Aceh belum melaksanakan pengawalan dan kawasan yang sebagaimana semestinya, seperti halnya mengaudit hasil kerjaya karyawan setiap bulan. Untuk menjadi sebuah institusi zakat yang profesional. Seharusnya Baitul Mal Aceh dapat

¹³⁹ *Ibid.*

melakukan pengawasan dan kawalan terhadap aktiviti karyawan Baitul Mal Aceh dalam menjalankan program kerjaya Baitul Mal Aceh.

5.2.3 Pengurusan Telus Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat

Pengurusan telus bertujuan untuk dapat mewujudkan ketelusan dalam pengurusan zakat. Dalam pengurusan zakat, semestinya Baitul Mal Aceh menerbitkan setiap laporan bulanan tentang penerimaan dan pengagihan harta zakat kepada masyarakat. Hasil temubual dengan Jusma Eri, MA menghuraikan bahawa “laporan aktiviti Baitul Mal Aceh dihantar setiap akhir bulan selewat-lewatnya lima belas hari bulan kepada Gabenor, pimpinan parlimen, ketua jabatan pengurusan kewangan Aceh dan pelbagai agensi berkaitan lain. Daripada laporan bulanan tersebut, Baitul Mal Aceh dapat mengetahui mana-mana UPZ (Unit Pengurusan Zakat) serta sesiapa sahaja yang membayar zakat, melalui bank mana dan berapa jumlahnya”¹⁴⁰.

Ketelusan selanjutnya boleh dilakukan melalui laporan bulanan yang disampaikan oleh tiap-tiap UPZ dalam bentuk senarai pemotongan zakat pendapatan bulanan. Laporan tersebut dibuat sesuai dengan surat ketua Baitul Mal Aceh nombor 451.12/935 tarikh 15 September 2008 perihal: pemotongan zakat pendapatan dari pegawai/pekerja. Bagi UPZ yang melaporkan kegiatan pemotongan zakat di agensinya dibahagikan hak amil sebanyak 2% daripada jumlah zakat yang disimpan dan diambil setahun sekali.

Baitul Mal Aceh telah mewujudkan ketelusannya dalam pengurusan zakat, tapi ketelusan tersebut belumlah maksimum. Semestinya Baitul Mal Aceh dapat menerbitkan hasil pengurusan zakat, sama ada pungutan mahupun pengagihan zakat kepada seluruh muzakki dan masyarakat Aceh. Hal ini bertujuan untuk dapat

¹⁴⁰ *Ibid.*

meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

Di samping laporan bulanan yang disampaikan setiap bulan kepada Gabenor, pimpinan parlimen dan agensi berkaitan, juga setiap tiga bulan sekali (laporan suku tahun) dan setahun sekali (laporan tahunan) dimuatkan dalam website www.baitulmal-aceh.com. Di samping itu, masyarakat juga boleh membantah/soalan tentang ketelusan zakat melalui e-mel: baitulmal@nad.go.id.

Semestinya, Baitul Mal Aceh menetapkan mekanisme ketelusannya seperti berikut:

- a. Pada setiap akhir tahun, ketua Baitul Mal Aceh membuat laporan perhitungan penerimaan dan pengagihan zakat untuk menentukan baki zakat yang akan dibahagikan pada tahun berikutnya.
- b. Laporan perhitungan tersebut dibawa ke dalam mesyuarat akhir tahun pasukan pembina Baitul Mal Aceh (Diwan Syariah) untuk ditetapkan dalam surat keputusan tentang butiran per asnaf.
- c. Rekrutmen calon mustahik dilakukan oleh sebuah pasukan yang khusus, dan selanjutnya disahkan oleh pasukan pengawas yang dipimpin oleh ketua bidang kawalan zakat di Baitul Mal Aceh.

Ini dapat mewujudkan ketelusan Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat. Dengan demikian, kepercayaan orang awam terhadap Baitul Mal Aceh akan menjadi lebih baik. Baitul Mal Aceh merupakan lembaga awam yang dituntut untuk melakukan ketelusan dalam setiap aktiviti.

Pengurusan terbuka yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh bertujuan untuk dapat meningkatkan kepercayaan daripada masyarakat, khususnya muzakki supaya dapat dan mahu membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh. Kerana, khususnya di Aceh, kepercayaan masyarakat terhadap lembaga kerajaan sangatlah minimum. Dengan melakukan pengurusan terbuka, diharapkan kepercayaan masyarakat terhadap Baitul Mal Aceh semakin meningkat.

5.3.4 Peningkatan Sumber Manusia di Baitul Mal Aceh

Dalam sebuah organisasi/syarikat, sumber manusia merupakan hal yang sangat penting dalam mencapai kejayaan pengurusan organisasi tersebut. Pemilihan pegawai/staf merupakan salah satu faktor kejayaan dalam pengurusan sebuah organisasi. Sebuah organisasi akan mencapai kejayaan apabila organisasi mempunyai pimpinan dan pegawai yang profesional. Baitul Mal Aceh merupakan salah satu lembaga pengurus zakat yang mempunyai kuasa dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh. Dengan demikian, penentuan pimpinan dan staf yang profesional merupakan salah satu cara untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh.

Dalam hal rekrutmen staf dan penempatan posisi/jawatan pengurus, perlu dilakukan secara selektif. Hal ini untuk mewujudkan pengurusan Baitul Mal Aceh yang ideal dan profesional. Untuk meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, maka Baitul Mal Aceh perlu untuk meningkatkan sumber manusia, yang berhubungan dengan penggunaan teknologi dan pengurusan zakat.

Menurut Vivi Elvizar “Baitul Mal Aceh telah melakukan berbagai macam usaha dalam meningkatkan sumber manusia, mulai dari peningkatan keahlian staf dengan cara pelatihan informasi teknologi, pelatihan komputer, bengkel pengurusan dan berbagai

macam program lainnya yang bertujuan untuk meningkatkan keahlian staf dalam melakukan pengurusan zakat. Meskipun demikian, Baitul Mal Aceh belum bersedia untuk mengikuti Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) antarabangsa, seperti yang diperolehi BAZNAS berupa Standard ISO 9001 - 2000, disebabkan keterbatasan dana penyokong operasi, keterbatasan SDM dan prasarana komputer serta teknologi maklumat yang belum berkembang¹⁴¹.

Peningkatan sumber manusia (skil pegawai Baitul Mal Aceh) ini bertujuan untuk dapat mewujudkan pengurusan zakat yang profesional di lingkungan Baitul Mal Aceh. Ini kerana masih ada di antara pegawai Baitul Mal Aceh yang belum memahami konsep pengurusan zakat yang profesional, mulai dari pengurusan zakat, pengagihan zakat dan bahkan hal-hal lain yang berhubungan dengan pengurusan zakat. Dengan adanya peningkatan sumber manusia khususnya untuk pegawai Baitul Mal Aceh, diharapkan pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh dapat menjadi lebih baik dan berjaya.

Seharusnya, setiap amil zakat di Baitul Mal Aceh dapat memahami dengan jelas fiqh zakat kontemporeri serta potensi zakat, pengurusan kewangan, Informasi Teknologi (IT), (pengurusan zakat) serta mekanisme pembangunan ekonomi yang berkelanjutan (sustainable livelihood) yang dilakukan oleh amil terhadap mustahik zakat. Tidak semua pegawai Baitul Mal Aceh memahami konsep pengurusan zakat yang profesional, seperti fiqh zakat kontemporeri mekanisme pengurusan zakat dan bahkan tentang pembangunan harta zakat dalam peningkatan ekonomi mustahik. Dengan demikian, sumber manusia di Baitul Mal Aceh masih sangat minimum, terutamanya dalam bahagian peningkatan ekonomi masyarakat dengan harta zakat.

Meskipun demikian, pimpinan dan pengurus Baitul Mal Aceh akan berusaha untuk dapat mengikuti Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dalam pengurusan zakat. Dan

¹⁴¹ Vivi Elvizar, Bahagian Pendataan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 14 hb October 2011.

pengurus Baitul Mal Aceh akan selalu berusaha untuk dapat meningkatkan sumber manusia dalam pengurusan zakat. Diharapkan pengurusan zakat di Aceh akan menjadi lebih baik. Untuk dapat mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, pemilihan pegawai yang mempunyai sumber daya manusia sangatlah penting, di mana sumber daya manusia sangat berpengaruh terhadap kejayaan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

5.3 Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat

5.3.1 Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Pungutan Zakat

Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dalam pengurusan zakat di Aceh, kerana Baitul Mal Aceh merupakan salah satu lembaga pengurusan zakat rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan Aceh. Dengan demikian, sebagai lembaga rasmi pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh berperanan untuk melakukan pungutan zakat. Menurut Saed Muhamamd Husen, pegawai bahagian pengagihan zakat Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “dalam peningkatan pengumpulan dan pungutan zakat, Baitul Mal Aceh mencari berbagai macam sumber baru melalui pembuatan produk-produk undang-undang (peraturan), baik yang berbentuk peraturan gabenor, arahan gabenor, peraturan bupati / peraturan walikota, arahan bupati / arahan walikota, dan sebagainya, sehingga para muzakki dan para munfiq (pembayar infaq) boleh terjaring dengan sebaik-baiknya, guna memperbesarkan pundi-pundi Baitul Mal, yang pada akhirnya akan diagihkan kepada mustahik”¹⁴².

Dalam pungutan zakat, Baitul Mal Aceh menjalin komunikasi dan kerjasama yang baik dengan pihak muzakki, baik muzakki yang bersifat peribadi ataupun lembaga-lembaga atau syarikat sama ada swasta mahupun awam. Dalam pungutan

¹⁴²Saed Muhammad Husen, Bahagian Pengagihan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 02 hb Mey 2011.

zakat, biasanya Baitul Mal menerima dari muzakki yang menghantar langsung ke pejabat Baitul Mal, atau mengambil dari muzakki berdasarkan notis muzakki. Baitul Mal juga bekerjasama dengan pihak bank ataupun institusi kewangan dalam proses pungutan zakat. Hal ini sebagaimana yang disebut di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 bahagian IV perkara 20 bahawa: ¹⁴³ pengumpulan zakat dilakukan oleh Baitul Mal dengan cara menerima atau mengambil dari muzakki berdasarkan notis muzakki.

Baitul Mal Aceh mempunyai landasan hukum dalam melakukan pungutan zakat. Qanun Aceh telah mengamanahkan Baitul Mal Aceh untuk melakukan pungutan zakat terhadap muzakki di lingkungan Aceh. Selain usaha untuk meningkatkan penerimaan zakat dengan cara menggali sumber-sumber baru zakat, Baitul Mal boleh mengoptimumkan pengumpulan zakat harta waqaf dan harta agama lain. Ini menyebabkan pelbagai program Baitul Mal yang telah dilakukan selama ini mendapat hasil yang positif dalam pembangunan Baitul Mal, terutama untuk boleh melakukan pembasmian kemiskinan di bumi Aceh yang pernah dilanda gempa bumi dan tsunami.

Selepas itu, Saed Muhamamd Husen juga menghuraikan bahawa “dalam hal pungutan zakat di lembaga-lembaga baik pemerintah samada swasta, Baitul Mal Aceh membentuk Unit Pengumpul Zakat (UPZ) dalam setiap lembaga-lembaga tersebut. Kemudian Baitul Mal Aceh mengambilnya, dan ada juga lembaga-lembaga atau syarikat tertentu yang langsung menghantar ke akaun Baitul Mal Aceh atau terus menghantar ke pejabat Baitul Mal Aceh”.¹⁴⁴ Teknikal pengumpulan atau pungutan dana zakat yang paling mudah, baik di lembaga kerajaan samada di syarikat adalah dengan memotong terus gaji mereka pada waktu pembayaran setiap bulan sebanyak 2.5 peratus. Ini merupakan cara yang paling berkesan dan cekap. Hal ini sesuai dengan Qanun Aceh

¹⁴³ Pasukan Penyusun Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal Aceh, 2007, h. 24.

¹⁴⁴ *Ibid*

nombor 10 tahun 2007 perkara 24 disebutkan bahawa: Pembayaran zakat pendapatan sebagaimana dimaksudkan dalam perkara 19 angka (1) huruf g dilakukan melalui tempat muzakki bekerja.

Dengan dilakukannya pungutan zakat di tempat kerja muzakki, zakat boleh terkumpul dengan teratur, para amil pun tidak sukar untuk mencari para muzakki, kerana para muzakki sudah berada di tempat kerja mereka masing-masing. Dengan demikian, para amil dalam menjalankan aktiviti sebagai pengumpul zakat dapat berjalan dengan lancar. Dari tahun ke tahun, pungutan zakat di Baitul Mal Aceh selalunya ada peningkatan. Hal tersebut disebabkan oleh kerjaya pegawai Baitul Mal Aceh yang professional. Berdasarkan jadual dibawah ini dapat difahami bahawasanya pungutan zakat di Baitul Mal Aceh terjadi peningkatan dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat pada jadual dibawah ini.

Jadual 1: Pungutan zakat di Baitul Mal Aceh

No	2006 (Rp)	2007 (Rp)	2008 (Rp)	2009 (Rp)	2010 (Rp)	S/D Julai 2011 (Rp)
1	1,503,536,809	2,386,153,957	2,613,218,864	2,984,583,850	4,486,529,901	2,126,293,652.13
2	273,563,876	394,610,045	336,263,500	433,210,919	503,003,034	211,198,320.00
	-	-	116,114,560	-	-	-
3		10,678,000		3,554,736,230	5,619,357,443	-
Jumlah	1,777,100,685	2,791,442,002	3,065,596,924	6,972,530,999	10,608,890,378	2,337,491,972

Sumber: Baitul Mal Aceh, 2011.

Dari jadual di atas, dapat difahami bahawa pungutan zakat daripada Baitul Mal Aceh mempunyai tiga sumber asas. *Pertama* daripada sumber zakat pendapatan daripada masyarakat aceh, iatu meliputi pegawai kerajaan, pegawai swasta, serta berbagai macam sumber zakat pendapatan lainnya. *Kedua*, bersumber daripada masyarakat awam, ini membawa makna bahawasanya masyarakat awam yang sudah

wajib mengeluarkan zakat terhadap hartanya, maka ia membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh. Sedangkan yang ketiga bersumber daripada berbagai pihak, ini bermakna bahawa ada orang yang asing yang berada di wilayah Aceh dan kemudian membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh.¹⁴⁵

Daripada jadual diatas juga dapat difahami bahawa, pungutan zakat di Baitul Mal Aceh terjadi peningkatan setiap tahun, mulai dari tahun 2006 sampai dengan tahun 2011, banyak terjadi peningkatan dalam pungutan zakat di Baitul Mal Aceh. berdasarkan jadual tersebut dapat diketahui pula bahawa pada tahun 2010 terjadi peningkatan yang besar dalam pungutan zakat. Sepatutnya, pungutan zakat yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh dapat melebihi daripada jumlah tersebut. Ini disebabkan kerana beberapa cabaran dalam pungutan zakat, sehingga harta zakat yang dapat dikumpulkan oleh Baitul Mal Aceh terhad. Sekurangnya pungutan zakat di Baitul Mal Aceh boleh mencapai 15 bilion pertahun, sehingga harta zakat boleh diagihkan sama rata terhadap mustahik zakat. Disebabkan kerana harta zakat yang tidak mencukupi, maka tidak semua mustahik zakat dapat menerima agihan zakat daripada Baitul Mal Aceh.

Semestinya, dalam pungutan zakat, Baitul Mal Aceh perlu melakukan berbagai macam usaha dalam mengoptimumkan pungutan zakat. Seperti peningkatan pungutan zakat, serta membentuk sumber zakat baru. Ini disebabkan, Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dan kuasa untuk memungut zakat daripada muzakki yang berhak, baik yang bersifat individu samada syarikat.

Hasil temubual dengan Baktiar, muzakki Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “muzakki (pembayar zakat) yang membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh merupakan masyarakat tempatan Aceh, biasanya para muzakki datang secara langsung

¹⁴⁵ Saed Muhammad Husen, *op. cit.*

ke pejabat Baitul Mal untuk melakukan pembayar zakat, di samping datang ke pejabat Baitul Mal, ada juga pegawai pejabat Baitul datang ke tempat muzakki bekerja, berniaga ataupun ke tempat aktiviti muzakki untuk memungut harta zakat”.¹⁴⁶ Ini bermakna bahawasanya, muzakki yang membayar zakat boleh datang ke pejabat Baitul Mal, atau pegawai Baitul Mal yang datang memungut harta zakat daripada pembayar harta zakat.

Semestinya, Baitul Mal Aceh perlu menubuhkan unik taksiran harta zakat. Ini disebabkan, ada sebahagian muzakki yang tidak dapat menaksir harta zakat, dengan demikian, pegawai Baitul Mal dapat membantu muzakki dalam menaksir harta yang sudah wajib untuk dizakati. Ini bermakna bahawasanya tidak semua muzakki boleh memahami taksiran harta yang wajib dizakati. Ada sebahagian daripada muzakki belum memahami tentang taksiran harta zakat. Kebiasaan cabaran ke atas muzakki adalah ketidakfahaman muzakki dalam menaksir harta yang wajib dizakati, sehingga hal tersebut menjadi sebuah cabaran ke atas muzakki dalam membayar zakat.

Hasil temubual dengan Juwita, pegawai bahagian juru tulis Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “harta zakat yang dibayar oleh muzakki ke atas Baitul Mal akan dicatat oleh juru tulis daripada Baitul Mal Aceh. Setiap harta zakat yang dibayar oleh muzakki ke atas Baitul Mal akan dicatat oleh juru tulis, begitu juga harta zakat yang dipungut oleh pegawai Baitul Mal Aceh juga dicatat oleh juru tulis. Dalam perkara ini, juru tulis mempunyai tugas untuk mencatat harta zakat yang dibayar oleh pembayar zakat”.¹⁴⁷

Dalam pengagihan zakat, juru tulis zakat juga harus mencatat setiap pengagihan harta zakat ke atas mustahik, serta mencatat juga tentang asal-usul daripada mustahik

¹⁴⁶ Baktiar Abdullah, Muzakki (Pembayar Zakat) Di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Temu bual, 05 hb Julai 2011.

¹⁴⁷ Juwita, Juru Tulis Zakat Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Temu bual, 05 hb Julai 2011.

zakat, serta jenis bantuan yang dibahagikan oleh Baitul Mal kepada mustahik zakat. Dengan demikian, juru tulis zakat mempunyai peranan dan kuasa untuk mencatat setiap harta zakat, baik dalam bentuk pungutan samada pengagihan harta zakat. Juru tulis zakat pada Baitul Mal Aceh merupakan pegawai daripada Baitul Mal Aceh, dan beliau diberi kuasa penuh untuk melakukan pencatatan harta zakat.

Baitul Mal Aceh telah menjalankan peranannya sebagai lembaga pengurusan zakat dengan baik, terutama dalam hal pungutan zakat. Menurut penyelidik, sepatutnya Baitul Mal Aceh perlu merumuskan sebuah konsep yang ideal dalam pungutan zakat. Seperti membentuk kaunter zakat keliling, ini bermakna, bahawasanya pegawai Baitul Mal Aceh tidak hanya berada di pejabat Baitul Mal Aceh, tetapi mereka harus mengunjungi mustahik dan muzakki di dalam masyarakat. Kaunter zakat keliling berfungsi untuk mewujudkan hakikat dan tujuan zakat dapat tercapai langsung dengan mustahik zakat. Di mana kaunter zakat keliling dapat dilakukan oleh pegawai Baitul Mal Aceh dengan cara turun langsung berjumpa dengan mustahik zakat di lapangan (gampoeng) serta membawa keperluan mereka. Kalau amil zakat hanya selalu berada di pejabat, amil zakat tidak akan mengetahui bagaimana sesungguhnya kondisi mustahik zakat. Kaunter zakat semacam ini telahpun diamalkan di Malaysia, ianya bukanlah baru, melainkan telah banyak institusi zakat di Malaysia telah mengamalkannya.

Kaunter zakat keliling dapat dilakukan dengan menggunakan kenderaan operasi Baitul Mal Aceh, amil zakat mendatangi mustahik zakat ke kampung-kampung untuk mengagihkan zakat. Daripada satu perspektif, kaunter zakat keliling berfungsi untuk mensolisasikan zakat, dan di waktu yang lain untuk dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap Baitul Mal Aceh. Kaunter zakat keliling merupakan salah satu penyaluran serta pengumpulan zakat yang efektif dan efisien yang harus dilakukan oleh Baitul Mal Aceh.

5.3.2 Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Pengagihan Zakat

Dana zakat yang telah dikumpulkan wajib diagihkan kepada yang berhak menerimanya sesuai dengan peruntukan undang-undang Islam. Pengagihan zakat kepada mustahik harus bersifat geran (bantuan), dan harus memperhatikan skala keutamaan keperluan mustahik di kawasan-kawasan keperluan masing-masing. Pengagihan atau penyaluran dana zakat bersifat bantuan sementara, iaitu membantu mustahik dalam menyelesaikan atau mengurangkan masalah yang sangat mendesak/kecemasan.

Zakat yang disalurkan atau yang diagihkan oleh Baitul Mal Aceh kepada asnaf-asnaf yang telah ditentukan oleh hukum syara' adalah bersifat kepenggunaan, iaitu untuk memenuhi keperluan sehari-hari mereka, dan bersifat pengeluaran, iaitu untuk menambah modal usaha mereka. Dalam kaitan dengan pengagihan zakat yang bersifat pengeluaran, kerajaan Islam dibenarkan membina kilang-kilang atau syarikat-syarikat dari wang zakat, untuk dimiliki dan keuntungannya diperolehinya bagi fakir miskin dan asnaf-asnaf lain yang berhak menerima zakat. Ini akan memenuhi keperluan kehidupan mereka sepanjang masa. Pada ketika ini, peranan kerajaan dalam pengurusan zakat digantikan oleh lembaga amil zakat.

Hendara Saputra, pegawai bahagian pengagihan zakat Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa "secara menyeluruh pengagihan zakat di Baitul Mal berorientasikan penggunaan dan pengeluaran. Ini adalah model pengagihan untuk memenuhi keperluan yang berjangka pendek, seperti bantuan kepada yatim piatu dan anak-anak yang tidak terurus. Orientasi pengeluaran bertujuan untuk memenuhi kepentingan-kepentingan strategik dalam jangka panjang seperti biasiswa untuk umum. Pengagihan zakat yang berorientasi pengeluaran lebih lama terasa manfaatnya bagi mustahik yang mengalami kesukaran dalam hidupnya, seperti halnya biasiswa yang

diberikan kepada pelajar. Biasiswa tersebut dapat membantu pelajar dalam usaha mencerdaskan anak bangsa dan meningkatkan sumber manusia”.¹⁴⁸

Perkembangan zakat di Aceh telah melibatkan pihak masyarakat dan kerajaan, maka keberlangsungan Baitul Mal sangat dipengaruhi oleh kemampuan mencipta program-program yang berkesan dalam pemberdayaan fakir miskin. Semakin baik pengagihan yang diberikan, maka semakin tinggi tingkat kepercayaan yang diraih. Semakin dipercayai maka semakin tinggi tingkat pendapatan zakat mereka. Dengan demikian, masyarakat akan lebih percaya terhadap Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat.

Sebaliknya, semakin buruk program dan prestasi pengagihan zakat, maka semakin hilang kepercayaan awam terhadap Baitul Mal. Ketika kepercayaan awam hilang, maka Baitul Mal tinggal kenangan dalam sejarah, dan menambah nota buruk pengurusan dana umat. Di samping itu, kemampuan berkomunikasi tentang zakat antara lembaga kerajaan dan lembaga bukan kerajaan harus terbangun dengan baik, sehingga semua lembaga tersebut mengetahui apa yang sedang dilakukan oleh Baitul Mal. Kalau kedua-dua diatas berjalan dengan baik, maka kehadiran Baitul Mal di Aceh akan menjadi salah satu instrumen ekonomi yang boleh meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Aceh sesuai dengan dasar yang ditetapkan oleh dewan syariah Baitul Mal Aceh.¹⁴⁹

Pengagihan zakat di Baitul Mal Aceh zakat dibahagikan kepada beberapa asnaf, di mana bahagian masing-masing asnaf adalah sebagai berikut: ¹⁵⁰

¹⁴⁸ Hendra Saputra, Bahagian Pengagihan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 05 hb Mey 2011.

¹⁴⁹ *Ibid.*

¹⁵⁰ Pasukan Penyusun Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007, (2007), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, h. 34.

Jadual 2: Pengagihan zakat menurut asnaf

No.	Huraian	Peratus (%)
1	Orang Fakir	15%
2	Miskin	30%
3	Amil	10%
4	Muallaf	2.5%
5	Riqab	0 %
6	Gharim	10%
7	Fisabilillah	12.5%
8	Ibnu Sabil	10 %
Jumlah		100 %

Sumber: Baitul Mal Aceh 2011.

Berdasarkan jadual di atas, dapat difahami bahawa pengagihan zakat yang paling banyak adalah untuk asnaf miskin sebanyak 30 %,.. Ini disebabkan, asnaf miskin lebih ramai di Aceh, lebih-lebih selepas musibah tsunami di Aceh asnaf miskin menjadi meningkat di Aceh. Sedangkan untuk asnaf riqab 0 %, disebabkan asnaf riqab tidak ada dalam masyarakat Aceh. Jadi, maksimum pengagihan dana zakat adalah 100%, hal ini dilakukan setiap tahun oleh Baitul Mal Aceh. Baitul Mal Aceh telah mengagihkan zakat kepada 7 asnaf, disebabkan asnaf riqab tidak ada di Aceh. Ini bererti, Baitul Mal Aceh telah menjalankan peranannya dengan baik sebagai lembaga pengagihan zakat. Diharapkan kepada Baitul Mal Aceh supaya harta zakat yang diagihkan kepada asnaf betul-betul dapat dipergunakan sebaiknya oleh asnaf.

Jadual 3: Pengagihan zakat di Baitul Mal Aceh

N O	HURAIAN	JUMLAH PENGAGIHAN / TAHUN						
		2006	2007	2008	2009	2010	S/D Julai 2011	Jumlah (Rupiah)
A	ASNAF							
1	Fakir	113,050,000	297,750,000	412,870,000	489,027,000	937,395,000	279,925,000	2,267,324,000
2	Miskin	1,054,443,505	595,294,000	752,575,000	846,356,400	896,211,000	812,622,000	4,300,559,265.
3	Amil	86,317,131	120,839,000	226,600,400	235,536,600	413,834,500	108,929,000	1,099,720,470
4	Muallaf	220,000	49,250,000	46,339,000	71,550,000	118,462,000	54,193,000	295,821,000
5	Fisabiillah	119,400,000	261,575,000	251,200,000	222,800,000	356,575,000	230,400,000	1,302,925,000
6	Ibnu Sabil	223,860,000	453,800,000	479,500,000	568,500,000	832,500,000	620,000,000	2,639,670,000
7	Gharim	-	148,650,000	232,129,000	44,185,000	39,005,000	74,300,000	464,889,000
	Jumlah	1,597,290,637	1,927,158,000	2,401,213,400	2,477,955,000	3,593,982,500	2,180,369,000	12,370,908,736

Sumber : Baitul Mal Aceh, 2011.

Berdasarkan jadual di atas dapat difahami bahawa pengagihan zakat di Aceh pada setiap tahun terdapat peningkatan. Daripada tahun 2006 hingga 2011, terdapat peningkatan yang sangat besar. Seandainya kerajaan Aceh memberikan kuasa dan peranan yang lebih besar terhadap Baitul Mal Aceh, maka peningkatan zakat akan lebih besar lagi. Selama ini, Baitul Mal Aceh tidak dapat melaksanakan peranan dan kuasanya sebagaimana mestinya dalam pengurusan zakat. Ini disebabkan undang-undang yang mengatur tentang perzakatan di Aceh masih terhad.

Dalam rangka lebih memantapkan pengagihan zakat kepada lapan asnaf, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh dewan syariah tersebut diatas, mulai tahun 2006, Baitul Mal Aceh telah merintis berbagai macam program dari beberapa asnaf sebagai berikut :¹⁵¹

1. Program bantuan fakir uzur

Kriteria fakir uzur adalah orang lanjut usia (di atas 60 tahun) dalam keadaan kurang sihat, serta kurang mampu dan tinggal di rumah saudara / anak yang keadaan ekonominya juga kurang mampu. Pemberian bantuan ini dirintis mulai tahun 2007 sesuai dengan kemampuan dana yang tersedia. Bantuan diberikan dalam bentuk pemberian bantuan bulanan yang dihantar ke tempat tinggal masing-masing fakir dan uzur oleh amil seperti menghantar gaji bulanan. Mulai tahun 2009 di samping pemberian bantuan wang setiap bulan sebesar Rp. 200.000, juga disediakan bantuan rawatan bagi yang sakit ringan dirujuk kepada hospital terdekat yang dihantar oleh amil Unit Peduli Fakir Uzur (UPFU) yang khusus ditubuhkan untuk keperluan tersebut. Namun begitu yang sakit berat tidak dapat ditangani kerana keterbatasan dana.

¹⁵¹ Laporan Tahunan Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, 06 hb Mei 2011.

Program bantuan fakir dan uzur tersebut merupakan salah satu program Baitul Mal Aceh, program tersebut bertujuan bahawasanya fakir dan uzur di lingkungan Baitul Mal Aceh berhak mendapatkan pengkhidmatan khusus daripada Baitul Mal Aceh. Sehingga segala keperluan mereka, mulai dari kesihatan dan keperluan sehari-hari akan diagihkan oleh Baitul Mal Aceh. Ini bermakna bahawa Baitul Mal Aceh telah menjalankan peranannya sebagai lembaga pengagih zakat yang profesional.

2. Program biasiswa (melalui asnaf ibnu sabil)

Kriteria penerima biasiswa adalah pelajar dari tingkat sekolah dasar (SD) sampai dengan perguruan tinggi, termasuk pelajar agama yang belajar pesantren (belajar agama) yang berasal dari keluarga miskin / anak yatim.¹⁵² Bantuan ini dibahagikan satu tahun sekali, terutama pada awal tahun ajaran baru, atau untuk pelajar yang sedang dalam proses tahap akhir penyelesaian belajar (dalam penyelidikan). Bantuan pendidikan dari asnaf ibnu sabil ini dibahagikan kepada pelajar atau *santri* yang bijak tetapi daripada keluarga yang miskin.

3 Program peningkatan ekonomi asnaf

Dalam peningkatan ekonomi asnaf di lingkungan Baitul Mal Aceh, maka amil zakat di Baitul Mal Aceh melakukan program pengagihan modal niaga untuk asnaf zakat. Pengagihan modal niaga yang dibahagikan oleh Baitul Mal Aceh bersifat qardul hasan. Di mana Baitul Mal Aceh mengagihkan modal niaga kepada asnaf zakat, selepas itu asnaf mengembalikan modal niaga tersebut. Ini merupakan salah satu solusi dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Selepas Baitul Mal Aceh mengagihkan modal niaga tersebut, pihak Baitul Mal Aceh juga melakukan kawalan terhadap aktiviti asnaf dalam mengembangkan harta zakat tersebut.

¹⁵² *Ibid.*

Selain pengagihan modal niaga, Baitul Mal Aceh juga melakukan pembangunan ekonomi melalui sektor pertanian. Di mana Baitul Mal Aceh terlihat secara langsung dalam proses penggarapan tanah pertanian untuk asnaf zakat. Seperti halnya membantu usaha asnaf dalam mengembangkan usaha mereka, serta membantu dalam mempromosikan hasil daripada usaha pertanian asnaf zakat.

4 Program bantuan asnaf gharimin

Program ini dilakukan ke atas asnaf gharimin pada setiap tahun hasil daripada kutipan dana zakat sebanyak 10 %. Penggunaannya diarahkan sebagai dana cadangan yang akan digunakan untuk keperluan:

- 1) Bantuan bencana alam, terutamanya pada masa panik untuk seluruh wilayah Aceh
- 2) Bantuan berubat orang-orang yang terlantar / keperluan yang mendesak dari keluarga kurang mampu.
- 3) Bantuan kos perjalanan terhadap musafir yang kehabisan wang.¹⁵³

Dengan demikian, program ini biasanya terjadi apabila bencana alam, seperti gegaran bumi, banjir dan segala macam bentuk bencana alam lainnya yang terjadi di Aceh. Dengan berbagai macam bentuk program pengagihan zakat dalam bentuk penggunaan dan pengeluaran, maka diharapkan, pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh semakin berjaya, kerana hakikat daripada zakat adalah untuk memberdayakan masyarakat Islam.

Menurut Muhamamd Fajri, mustahik Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “mustahik (penerima zakat) yang ingin mendapatkan bantuan zakat daripada Baitul Mal Aceh, ianya harus membuat surat permohonan bantuan zakat, serta membuat

¹⁵³ *Ibid.*

ringkasan keperluan bantuan. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pegawai Baitul Mal dalam membahagikan harta zakat sebagaimana keperluan daripada penerima zakat”¹⁵⁴.

Bentuk bantuan zakat yang dibahagikan oleh Baitul Mal Aceh kepada mustahik zakat, iaitu dalam berbagai macam bentuk, baik dalam bentuk pembahagian wang langsung samada pembahagian tidak langsung. Pembahagian tidak langsung bermakna, ianya mustahik tidak memerlukan wang tunai. Namun, ianya memerlukan kelengkapan lain, seperti memerlukan kilang kecil untuk membangun usahanya, ataupun memerlukan wang untuk menambah modal niaga. Ini bermakna, Baitul Mal Aceh akan membahagikan harta zakat sebagaimana keperluan daripada mustahik zakat, iaitu asnaf yang layak untuk mendapatkan harta zakat.

Harta zakat yang telah dibahagikan oleh Baitul Mal Aceh akan digunakan untuk keperluan usaha dan keperluan sehari-hari mustahik zakat. Ini bermakna, pengagihan zakat yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh amat baik. Di samping membahagikan zakat, Baitul Mal Aceh juga melakukan pengawalan kepada mustahik dalam membina aktiviti niaga mereka. Penerima zakat daripada Baitul Mal Aceh kebanyakannya daripada masyarakat tempatan. Dalam hal ini, majoriti yang menjadi mustahik zakat Baitul Mal Aceh adalah masyarakat Aceh khususnya, dan masyarakat Islam secara amnya.

Program pengagihan zakat yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh sudah baik, seharusnya Baitul Mal Aceh lebih menfokuskan terhadap program peningkatan ekonomi masyarakat. Disebabkan masih banyak masyarakat Aceh yang miskin, dengan demikian, diharapkan program pengagihan zakat Baitul Mal Aceh dapat membasmi kemiskinan di lingkungan masyarakat Aceh.

¹⁵⁴ Muhammad Fajry, Mustahik (Penerima Zakat) Dari Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Temu bual, 02 hb Julai 2011.

Semestinya, Baitul Mal Aceh perlu membentuk Kaunter Zakat Darurat (KZD), ini bertujuan agar tujuan zakat dapat dirasakan segera dan langsung oleh asnaf zakat. KZD ini berpusat Baitul Mal Aceh, di mana mustahik zakat dapat secara langsung dan cepat untuk menerima bantuan zakat. KZD ini diutamakan untuk zakat konsumtif. Sebagai contoh, seorang asnaf yang sangat menghendaki bantuan zakat konsumtif, seperti halnya keperluan hidup. Maka, ia dapat berjumpa pegawai Baitul Mal Aceh untuk mendapatkan bantuan keperluan hidup melalui KZD dengan catatan telah memenuhi syarat dan ketentuan yang berlaku. Begitu juga dengan keadaan musibah, KZD senantiasa ada pada ketika mustahik zakat menghendaki harta zakat.

5.3.3 Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Pembangunan Zakat

Daripada perspektif pembangunan harta zakat, banyak aspek yang perlu dilakukan, seperti pungutan dan pemrosesan data mustahik untuk menentukan jumlah zakat. Jika jumlah mustahiknya banyak, tetapi zakat yang dikumpulkan sedikit, maka perlu dilakukan skala keutamaan, seperti mengutamakan mustahik yang amat memerlukan bantuan zakat.

Dalam pembangunan harta zakat, Baitul Mal Aceh amat teliti dalam mengagihkan zakat kepada mustahik. Sebelum melakukan pembangunan harta zakat kepada mustahik, Pegawai Baitul Mal Aceh memeriksa dan mencari maklumat keberadaan dan kehidupan ekonomi mustahik. Apakah mustahik tersebut betul-betul layak dibantu atau sebaliknya. Apakah mustahik punya keinginan untuk maju, dan apakah mustahik mahu dan bekerja bersungguh-sungguh? Kalau memang semua keperluan tersebut dipenuhi, maka Baitul Mal akan melakukan pendayagunaan zakat

kepada mustahik. Hal ini sesuai yang dengan disenaraikan di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun bahagian VI perkara 29 disebutkan bahawa:¹⁵⁵

- a. Zakat didayagunakan untuk mustahik baik yang bersifat pengeluaran mahupun penggunaan berdasarkan ketentuan syari'at.
- b. Mustahik zakat untuk usaha sebagaimana dimaksud pada angka (1) harus memenuhi syarat sebagai berikut:
 - 1) Adanya suatu jenis usaha pengeluaran yang layak
 - 2) Bersedia menerima petugas pendamping yang berfungsi sebagai pembimbing / penyuluh dan
 - 3) Bersedia menyampaikan laporan usaha secara berkala setiap 6 (enam) bulan.
- c. Atau cara pembangunan harta zakat sebagaimana dimaksudkan dalam ayat (1) ditetapkan oleh ketua jabatan Baitul Mal Aceh.

Dalam pembangunan harta zakat, Baitul Mal Aceh merujuk kepada Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007, di mana pembangunan harta zakat ke atas mustahik tertentu seperti fakir. Namun, bagi mustahik lain yang masih sanggup bekerja akan didayagunakan dalam bentuk pengeluaran. Hal ini berdasarkan ketentuan syariat syariat Islam.

Semestinya, pegawai Baitul Mal Aceh harus dapat mewujudkan kesejahteraan ummat dengan pembangunan harta zakat. Perlu adanya pengawalan dan pengawasan terhadap masyarakat yang mendapatkan bantuan dalam pembangunan harta zakat.

¹⁵⁵ Pasukan Penyusun Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007, h. 35.

Pengawasan dan kawalan dalam pembangunan harta zakat bertujuan untuk dapat mewujudkan asnaf zakat mandiri dalam setiap aktiviti untuk menyokong perekonomian mereka.

5.4 Bentuk-Bentuk Kuasa Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat

Dari beberapa bentuk kuasa yang telah penyelidik sebutkan dalam bab sebelumnya, maka hanya beberapa bentuk kuasa sahaja yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Meskipun tidak sepenuhnya jenis kuasa yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh, setidaknya bentuk kuasa tersebut dapat mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Dalam melakukan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh memiliki tiga bentuk kuasa. Adapun bentuk-bentuk kuasa tersebut adalah :

5.4.1 Kuasa Sah

Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa sah dalam melakukan pengurusan zakat. Namun, untuk lebih jelas tentang kuasa sah Baitul Mal ini dapat dilihat dalam beberapa peraturan di bawah ini iaitu:¹⁵⁶

- a. Perkara 191, undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang kerajaan Aceh, menyebutkan: zakat, harta wakaf dan harta agama lain dikendalikan oleh Baitul Mal Aceh dan Baitul Mal kabupaten / kota.
- b. Perkara 1 angka 6, disebutkan bahawa Baitul Mal adalah lembaga agama Islam di wilayah Aceh yang diberi kuasa menjaga, memelihara, mengembangkan, menguruskan harta agama dengan tujuan untuk kemaslahatan umat serta menjadi wali pengawas berdasarkan syariat Islam.

¹⁵⁶ Amrullah, (2009), *Cetak Biru Pengembangan Baitul Mal Aceh*, (Kertas Kerja Pada Mesyuarat Baitul Mal Aceh 2009), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, h. 9.

- c. Perkara 1 angka 11 Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, disebutkan Baitul Mal adalah lembaga rasmi yang independen yang diberi kuasa untuk mengurus dan mengembangkan zakat, wakaf, harta agama dengan tujuan untuk kemashlahatan umat serta menjadi wali / wali pengawas terhadap anak-anak yatim piatu dan / atau hartanya serta pengurusan terhadap harta warisan yang tidak ada wali berdasarkan syariat Islam.

Daripada huraian di atas, dapat difahami bahawa terdapat beberapa peraturan yang mengatur tentang keberadaan Baitul Mal Aceh dalam mengurus perkara zakat di Aceh. Peraturan tersebut merupakan kekuatan Baitul Mal dalam menjalankan fungsi dan kuasanya sebagai lembaga amil zakat.

Kewujudan Baitul Mal di Aceh merujuk kepada peruntukan undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang kerajaan Aceh, besar harapan dan peluang ke atas Baitul Mal Aceh untuk meningkatkan ekonomi umat. Kedudukan Baitul Mal pun semakin kuat, kalau dulunya Baitul Mal ditubuhkan atas dasar surat keputusan gubernor Aceh, akan tetapi kedudukan Baitul Mal merupakan amanah dari UUPA. Di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 disebutkan secara terperinci kuasa Baitul Mal sebagai amil zakat. Di dalam perkara 8 ayat 1 disebutkan bahawa Baitul Mal mempunyai peranan dan kuasa sebagai berikut:¹⁵⁷

- a. Mengurus zakat, wakaf, dan harta agama;
- b. Melakukan pungutan, pengagihan zakat;
- c. Melakukan kempen zakat, wakaf dan harta agama lain.

¹⁵⁷ Pasukan Penyusun Qanun No. 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, h. 23.

Kehadiran undang-undang nombor 48/2007 yang telah menetapkan undang-undang nombor 02 / 2007 memberi kuasa yang cukup luas ke atas Baitul Mal, untuk menjadi wali pengawas, dan menjadi pengurus terhadap harta agama, dan harta warisan yang tidak ada ahli warisnya lagi selepas terjadinya tsunami di Aceh. Sebagaimana yang disebutkan di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007, di bahagian kedua tentang kuasa dan kewajipan Baitul Mal Aceh, di dalam perkara 10 disebutkan bahawa:¹⁵⁸

- a. Baitul Mal Aceh sebagaimana dimaksudkan pada perkara 4 berkuasa memungut, mengurus dan mengagihkan:
 1. Zakat mal pada peringkat wilayah meliputi: BUMN (Badan Usaha Milik Negara), BUMD (Badan Usaha Milik daerah) Aceh dan syarikat swasta besar.
 2. Zakat pendapatan dan jasa / honorium dari:
 - a) Pegawai /Askar/Polis, pegawai kerajaan.
 - b) Pimpinan dan ahli-ahli parlimen.
 - c) Pegawai BUMN / BUMD dan syarikat swasta besar pada peringkat wilayah dan
 - d) Ketua, ahli dan pekerja lembaga dan badan daerah tingkat wilayah.
 3. Harta agama dan harta waqaf yang menglingkupi wilayah.
- b. Membentuk Unit Pengumpul Zakat (UPZ) sebagaimana yang dimaksudkan pada perkara (satu) dan perkara (dua) yang ditetapkan dengan keputusan Baitul Mal Aceh.

¹⁵⁸ *Ibid*, h. 26.

Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa sah dalam pengurusan zakat. Kerana ada beberapa Undang-undang dan qanun Aceh secara rasmi memberikan kuasa kepada Baitul Mal Aceh untuk melakukan pengurusan zakat di negeri Aceh. Selain daripada ketentuan agama Islam, pengurusan zakat di Aceh juga menjadi urusan kerajaan Aceh. sehingga kerajaan Aceh menubuhkan Undang-undang serta Qanun Aceh tentang pengurusan zakat. Ini bermakna bahawa Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa sah dalam pengurusan zakat di Aceh.

Meskipun demikian, tidak semua kuasa sah yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh diguna pakai masa pengurusan zakat. Ini kerana kehidupan masyarakat Aceh belum sepenuhnya faham mengenai kuasa sah yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh. Dalam implementasi kuasa sahnya, Baitul Mal Aceh perlu melakukan kempen zakat. Pada ketika ini, kempen zakat yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh masih sangat minimum, Ini menyebabkan tidak semua masyarakat Aceh boleh memahami kuasa sah yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh.

5.4.2 Kuasa Paksaan

Kuasa paksaan merupakan kebolehan pemimpin/organisasi untuk mendenda atau menghukum dan mengenakan tindakan tertentu terhadap orang bawahan, apabila kehendaknya tidak dipenuhi, dendaan tersebut mungkin dalam bentuk teguran. Kuasa paksaan ini sangat penting untuk menjadi sebuah amalan terhadap Baitul Mal Aceh. Kuasa paksaan biasanya dalam bentuk memberikan hukuman ke atas orang yang tidak membayar zakat. Dalam melaksanakan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa untuk memberikan hukuman kepada syarikat/orang yang tidak membayar zakat. Hukuman tersebut, dalam bentuk surat teguran ke atas syarikat dan individu mahupun memberikan denda ke atas syarikat mahupun individu.

Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa paksaan dalam melakukan pengurusan zakat. Hal ini juga diatur dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Di dalam Qanun tersebut dihuraikan bahawa Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa untuk memberikan hukuman ke atas muzakki untuk membayar zakat, pemaksaan dalam makna memberikan hukuman ke atas muzakki, jikalau muzakki tidak membayar zakat. Namun kuasa paksaan tersebut, tidaklah sepenuhnya dilaksanakan oleh Baitul Mal Aceh, disebabkan bidang kuasa paksaan yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh masih sangat terhad. Semestinya Baitul Mal Aceh dapat memberikan *uqubat* terhadap para muzakki yang tidak mahu membayar zakat. Namun, *uqubat* tersebut hanya tercantum dalam Qanun pengurusan zakat di Aceh, akan tetapi implementasi *uqubat* tersebut tidak ada. Ini disebabkan kerana kerajaan Aceh tidak menubuhkan undang-undang khusus tentang pelaksanaan *uqubat* terhadap masyarakat yang tidak membayar zakat.

Saed Muhammad Husen menjelaskan bahawa “Apabila mereka masih belum juga membayar zakat, maka Baitul Mal Aceh akan menghantarkan surat teguran kepada mereka. Terhadap muzakki yang tergabung dalam sebuah syarikat, Baitul Mal Aceh selalu menghantarkan surat pemberitahuan kepada mereka setiap tahun untuk membayar zakat”.¹⁵⁹ Ini merupakan salah satu bentuk kuasa paksaan yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Dengan adanya kuasa paksaan tersebut, ia akan menjadikan Baitul Mal Aceh sebuah lembaga amil yang berjaya dalam pengurusan zakat.

Kuasa paksaan yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh sangatlah terhad. Ini kerana, untuk menerapkan Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang pengurusan zakat amatlah sukar, sehingga memerlukan beberapa tahun lagi untuk dapat menerapkan

¹⁵⁹ Muhammad Husen, Ketua Bidang Pengagihan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 02 hb Mei 2011.

Qanun tersebut. Untuk menerapkan kuasa paksaan tersebut harus dilakukan secara perlahan-lahan agar kesedaran masyarakat dalam membayar zakat boleh meningkat.

Implementasi dari kuasa paksaan ini tidaklah sepenuhnya diguna pakai oleh Baitul Mal Aceh. Ini kerana kondisi masyarakat Aceh serta kebijakan politik di Aceh belum stabil. Ini disebabkan kondisi Aceh yang baru mulai bangkit selepas musibah gegaran gempa dan tsunami. Sehingga tidak memungkinkan Baitul Mal Aceh mengimplementasikan kuasa paksaan sepenuhnya. Meskipun demikian, Baitul Mal Aceh telah melakukan berbagai macam usaha untuk dapat mengimplementasikan kuasa paksaan dalam pengurusan zakat, seperti melakukan pendekatan dengan pihak kerajaan Aceh untuk dapat menubuhkan undang-undang tentang *uqubat* serta implementasi dari undang-undang tersebut.

5.4.3 Kuasa Pakar

Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil zakat mempunyai kuasa yang penuh untuk menguruskan zakat, dan melakukan pungutan, pengagihan zakat, dan melakukan kempen zakat. Zakat bukanlah tugas perseorangan, tetapi tugas bersama masyarakat muslim. Harus ada dari suatu komuniti mengambil orang-orang yang bekerja untuk menguruskan zakat, samada memungut mengagihkan, mencatat, menghitung, dan sebagainya.

Menurut Amrullah “dana zakat yang telah dikumpulkan wajib disalurkan kepada yang berhak menerimanya sesuai dengan peruntukan undang-undang Islam. Pengagihan zakat kepada mustahik harus bersifat geran (bantuan) dan harus memperhatikan skala keutamaan keperluan mustahik di kawasan keperluan masing-masing. Pengagihan dana zakat dapat bersifat bantuan sesaat iaitu membantu mustahik dalam menyelesaikan atau mengurangkan masalah yang sangat mendesak / kecemasan. Pengagihan dana zakat dapat bersifat bantuan pembangunan asnaf, iaitu membantu mustahik untuk

meningkatkan kesejahteraannya, baik secara individu maupun kelompok melalui program atau aktiviti yang berterusan”.¹⁶⁰ Oleh yang demikian, Baitul Mal Aceh harus mempunyai kepakaran dalam melakukan hal tersebut. Sebagai lembaga pengurus zakat, kuasa kepakaran merupakan hal yang penting dalam mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat.

Pengurusan zakat di Aceh memiliki kekhususan dengan pelbagai daerah lain di Indonesia. Perbezaan utama adalah Baitul Mal Aceh sebagai satu-satunya lembaga rasmi yang bertanggung jawab dalam bidang perzakatan di Aceh. Institusi ini merupakan lembaga rasmi dan independen tetapi sebagai rakan kerja daripada pihak kerajaan. Mekanisme pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh merupakan salah satu bentuk pengurusan zakat bagi membasmi kemiskinan melalui berbagai macam program pemberdayaan masyarakat.

Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa pakar dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh, sama ada dalam pungutan, pengagihan dan pengembangan harta zakat di Baitul Mal Aceh. Meskipun demikian, tidak semua pegawai Baitul Mal Aceh mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat, lebih-lebih, terhadap program peningkatan ekonomi masyarakat. Ini kerana, pegawai Baitul Mal Aceh berasal dari pendidikan yang berbeza, sehingga tidak semua pegawai Baitul Mal Aceh mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat. Dengan demikian, pimpinan Baitul Mal Aceh perlu untuk mengambil kira dalam meningkatkan kepakaran terhadap semua pegawai Baitul Mal Aceh untuk dapat mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh.

5.5 Kepentingan Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat

¹⁶⁰ Amrullah, Ketua Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu bual, 02 hb Mei 2011.

Kehadiran Baitul Mal Aceh telah banyak memberikan faedah kepada masyarakat Islam, khususnya masyarakat tempatan. Ini disebabkan salah satu fungsi daripada Baitul Mal Aceh ialah sebagai lembaga kewangan Islam yang membasmi kemiskinan di Aceh. Selepas terjadinya gegaran bumi dan gelombang tsunami di Aceh, keberadaan Baitul Mal Aceh amat membantu masyarakat dalam mendapatkan bantuan, samada bantuan dalam bentuk penggunaan mahupun dalam bentuk pengeluaran.

Hasil daripada kajian dokumentasi di Baitul Mal Aceh, bahawa semenjak dari tahun 2004 sampai 2011 telah banyak program peningkatan ekonomi masyarakat Aceh dilakukan oleh Baitul Mal Aceh. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan tujuan daripada zakat untuk membentras kemiskinan di Aceh boleh tercapai. Kehadiran Baitul Mal Aceh sangat berfaedah terhadap masyarakat Aceh.

Program peningkatan ekonomi masyarakat Aceh dengan penggunaan dana zakat melalui dana bergilir sudah dipelopori mulai tahun 2006. Setiap tahun disisihkan sejumlah dana dari asnaf miskin untuk dijadikan modal niaga kepada mustahik, yang khusus dibahagikan kepada kelompok usaha tertentu yang telah menjalankan usahanya tetapi mengalami kekurangan modal. Pembahagian modal tersebut dilakukan oleh petugas / amil Unit Pengelola Zakat Produktif (UPZP) yang ditubuhkan secara khusus untuk keperluan tersebut, di mana pentadbiran pengagihannya dipisahkan / tidak bercampur dengan pengurusan kewangan Baitul Mal.

5.5.1 Peningkatan Ekonomi Masyarakat

Peningkatan ekonomi masyarakat dengan harta zakat telah banyak dilakukan oleh pegawai Baitul Mal Aceh. Untuk mendapatkan bantuan dari pendayagunaan zakat sangat mudah, tidak perlu membuat permohonan, tidak ada jaminan (cagaran), tidak dikenakan bagi hasil, serta dapat dibayar ansuran dalam jangka panjang (maksimum

satu tahun atau disesuaikan dengan jenis kegiatan usaha). Ansuran tersebut dapat dilakukan secara mingguan atau bulanan pada masa pertemuan bulanan melalui kegiatan bimbingan dan ceramah agama.

Hendra Saputra, pegawai bahagian pengagihan zakat Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “adapun bentuk-bentuk aktiviti yang dibantu oleh dana zakat pada Baitul Mal meliputi sebagai berikut”:¹⁶¹

- 1) Pembiakan kerbau
- 2) Penjagaan kambing
- 3) Pertanian sayur
- 4) Penyediaan beca bermotor
- 5) Perniagaan kecil, pembaikan motor, perabot kayu dan aktiviti keluarga.

Jenis-jenis aktiviti tersebut merupakan program unggulan Baitul Mal Aceh dalam melakukan peningkatan ekonomi masyarakat. Daripada berbagai macam program peningkatan ekonomi masyarakat tersebut, yang mana merupakan faedah kehadiran Baitul Mal Aceh kepada masyarakat Aceh, sehingga dapat membasmi kemiskinan di Aceh.

Selepas musibah gegaran bumi dan gelombang tsunami yang terjadi pada 24 hb Disember 2004, Baitul Mal Aceh sangat aktif dalam melakukan pengurusan zakat, lebih-lebih dalam peningkatan ekonomi mangsa gelombang tsunami. Sejak itulah, keberadaan Baitul Mal Aceh sangat berkesan terhadap masyarakat Aceh dalam peningkatan ekonomi masyarakat, lebih-lebih lagi masyarakat fakir dan miskin.

Kehadiran Baitul Mal Aceh sangat berfaedah terhadap masyarakat, selain sebagai lembaga pengurus zakat, Baitul Mal Aceh juga sebagai lembaga pengurus harta

¹⁶¹ Hendra Saputra, *Op, cit.*

wakaf dan harta agama lainnya. Ini bermakna bahawa keberadaan Baitul Mal Aceh sangat bermanfaat terhadap masyarakat Aceh. Selain melaksanakan perintah agama untuk mumungut zakat, Baitul Mal Aceh juga melakukan bermacam-macam program peningkatan ekonomi masyarakat Aceh dari hasil agihan harta zakat.

Dengan demikian, Baitul Mal Aceh telah berfungsi sebagai lembaga kewangan Islam dan juga sangat penting terhadap umat Islam. Dengan berbagai macam program peningkatan ekonomi yang dilakukan masyarakat, kehidupan masyarakat akan menjadi lebih baik dan sejahtera.

5.6 Cabaran Baitul Mal Aceh Dalam Pengurusan Zakat

Dalam menjalankan sebuah organisasi/syarikat atau lembaga, cabaran merupakan hal yang sudah lumrah, meskipun cabaran tersebut terlalu besar. Namun cabaran tersebut sebaiknya jangan membuat prestasi pengurusan menjadi merosot. Akan tetapi cabaran tersebut harus menjadi sebuah motivasi dalam melakukan pengurusan organisasi. Begitu juga dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh, berbagai macam bentuk cabaran yang terjadi pada Baitul Mal Aceh, sama ada yang bersifat dalaman mahupun luaran.

5.6.1 Cabaran Dalaman

Dalam melakukan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh juga mengalami berbagai macam cabaran dalaman, sehingga menjadi sebuah cabaran ke atas Baitul Mal Aceh dalam memaksimumkan peranan dan kuasanya dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh. Adapun cabaran dalaman tersebut iaitu:

1. Terhadapnya Sumber Manusia

Sumber manusia merupakan hal yang sangat penting dalam sebuah organisasi, termasuk organisasi pengurusan zakat. Kejayaan sebuah organisasi sangat dipengaruhi oleh sumber manusia pengurus organisasi tersebut. Untuk menjadi pengurus lembaga amil bukanlah yang mudah, banyak tanggung jawab yang harus dilaksanakan. Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang amil mestilah mempunyai sumber manusia yang berkualiti dan bertanggung jawab. Untuk mewujudkan kejayaan dalam pengurusan zakat, lembaga amil memerlukan banyak sumber manusia yang berkualiti agar pengurusan zakat boleh profesional, amanah, akuntabel dan telus.

Hasil temubual dengan Amrullah, ketua jawatan Baitul Mal Aceh menghuraikan bahawa “terhadapnya sumber manusia bermakna terhadapnya kemampuan daripada pegawai/pekerja Baitul Mal Aceh, hal ini dapat mengakibatkan sukar untuk membuat program-program pengembangan masyarakat”.¹⁶² Sumber manusia dalam sebuah organisasi merupakan hal yang sangat penting, begitu juga dengan Baitul Mal Aceh, di mana skil daripada pegawai Baitul Mal Aceh menjadi sebuah cabaran dalam pengurusan zakat. Ini disebabkan banyak pegawai daripada Baitul Mal Aceh tidak mengetahui sepenuhnya tentang konsep pengurusan zakat, tentang perancangan program kerjaya dan juga sebagainya.

Baitul Mal Aceh belum bersedia untuk mengikuti sistem pengurusan kualiti antarabangsa seperti yang diperolehi BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional) berupa Standard ISO 9001 – 2000. Ini disebabkan keterbatasan dana penyokong operasi, keterbatasan sumber manusia dan prasarana komputer serta teknologi maklumat yang belum berkembang.

¹⁶² *Ibid*, Temu bual, 03 Mei 2011.

Oleh yang demikian, pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh sedikit tercabar dengan minimumnya sumber manusia (staf) Baitul Mal Aceh, disebabkan staf daripada Baitul Mal Aceh terdiri dari latar belakang yang berbeza, dan tidak semua staf Baitul Mal Aceh memahami tentang konsep pengurusan zakat.

2. Minimumnya Dana Operasi Aktiviti Baitul Mal Aceh

Dana atau kewangan merupakan salah satu faktor kejayaan dalam setiap aktiviti. Dengan demikian, dana yang diperlukan untuk operasi Baitul Mal Aceh sangat bergantung kepada dana daripada kerajaan Aceh. Selama ini, peruntukan dana dari kerajaan khusus untuk pengurusan zakat sangatlah terhad. Hal ini sangat erat kaitannya dengan polisi politik daripada kerajaan Aceh. Sehingga kini masalah pengurusan zakat belum menjadi keutamaan dari kerajaan Aceh. Ini menyebabkan tidak ada dana khas untuk pengurusan zakat. Sedangkan untuk dapat mewujudkan pengurusan zakat yang profesional sebagaimana yang ditetapkan dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 memerlukan dana yang cukup. Untuk mewujudkan pengurusan zakat yang profesional maka perlu adanya dana yang mencukupi untuk menyokong aktiviti agar lebih telus, akuntabel dan sesuai dengan peruntukan undang-undang.

Selanjutnya, Amrullah juga menghuraikan bahawa “minimumnya sokongan dana operasi rutin tahunan daripada kerajaan Aceh, adalah disebabkan sebahagian dana yang diberikan kepada Baitul Mal Aceh harus diberikan kepada gaji pegawai kerajaan yang selama ini dibayar oleh lembaga induk (pegawai di Baitul Mal), ini disebabkan terhadnya sokongan dana daripada kerajaan. Ia mengakibatkan sebahagian besar daripada program Baitul Mal Aceh, terutamanya peningkatan skil amil dan penguatan kelembagaan amil zakat Baitul Mal Aceh berkurangan”.¹⁶³ Ini kerana untuk

¹⁶³ *Ibid.*

meningkatkan sumber manusia yang handal dalam pengurusan zakat memerlukan sokongan dana yang cukup.

Dana zakat yang dikumpul oleh Baitul Mal Aceh masih sangat terhad. Berdasarkan jadual 1 tentang pungutan zakat di Baitul Mal Aceh, hasil pungutan dana zakat masih sangat minimum dibanding dengan jumlah asnaf zakat yang banyak. Selepas musibah tsunami di Aceh, jumlah asnaf zakat semakin ramai. Dengan pungutan zakat yang masih minium, sehingga pengagihan zakat tidak merata kepada tiap-tiap asnaf. Ini disebabkan asnaf zakat lebih ramai, namun dana yang terkumpul masih sedikit, maka masih banyak anggota masyarakat yang berhak mendapat zakat tidak mendapat bahagian, sehingga mereka menganggap pengagihan zakat dilakukan untuk kalangan sendiri sahaja / tidak telus.

Kedudukan daripada Baitul Mal Aceh itu sendiri belum mempunyai satu kejelasan, iaitu apakah ianya murni bukan lembaga kerajaan yang diurus oleh bukan pegawai kerajaan, kerana mendapatkan sokongan lembaga sekretariat yang bersifat struktural. Dalam realiti, kerajaan Aceh tidak memberikan tambahan pegawai daripada kerajaan kepada Baitul Mal Aceh dalam jabatan struktural/staf, kecuali setelah melantik seorang ketua sekretariat.

Keterbatasan dana operasi boleh menyebabkan pengurusan zakat kurang maksimum, sehingga tidak akan tercapai hakikat dan tujuan yang dikehendaki dalam pengurusan zakat. Kerajaan Aceh memberikan dana operasi untuk Baitul Mal Aceh sekitar 10 bilion tiap-tiap tahun. Namun begitu, dana operasi tersebut digunakan untuk aktiviti Baitul Mal Aceh serta untuk membayar gaji pegawai Baitul Mal Aceh. Ini menyebabkan dana operasi Baitul Mal Aceh tidak mencukupi untuk melakukan aktiviti lain, seperti kempen zakat, peningkatan skil pegawai dan sebagainya. Ini menyebabkan aktiviti Baitul Mal Aceh terhad, disebabkan sokongan dana yang minimum daripada

kerajaan Aceh sebagai penanggung jawab aktiviti Baitul Mal Aceh. Dengan keterbatasan dana tersebut, banyak program-program peningkatan masyarakat ekonomi masyarakat tidak dapat dijalankan semestinya. Sepatutnya, Baitul Mal Aceh dapat melakukan berbagai macam program peningkatan ekonomi masyarakat, disebabkan kerana dana operasi yang minim, sehingga program tersebut tidak dapat dilaksanakan semestinya, seperti kempen zakat, pemantauan dan kawalan mustahiq zakat serta peningkatan skil mustahik zakat.

3. Terhadapnya Kempen Kewajipan Zakat

Disebabkan minimumnya kempen tentang peraturan zakat, iaitu Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007, maka hal ini menyebabkan berlakunya ketidaktahuan masyarakat mengenai institusi pengurusan zakat, sehingga secara praktiknya masyarakat masih membayar zakat di masjid-masjid di lingkungannya. Bahkan menurut Amrullah “masyarakat pada umumnya tidak mengetahui tentang peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh sebagai lembaga pengurus zakat, samada pungutan zakat mahupun pengagihan zakat”.¹⁶⁴

Saat ketika ini, semestinya Baitul Mal Aceh perlu melakukan kempen zakat tiap masa, dikeranakan masih ramai masyarakat Aceh yang belum faham tentang Baitul Mal Aceh sebagai lembaga pengurus zakat. Sehingga dengan adanya kempen zakat tersebut, masyarakat Aceh secara keseluruhan boleh memahami tentang kepentingan zakat.

Qanun Aceh tentang pengurusan zakat sudah memang bagus. Namun, amat sukar penerapannya di lapangan. Terutamanya di daerah-daerah yang masih memerlukan kempen mengenai peraturan tersebut. Kesukarannya adalah disebabkan oleh sebahagian masyarakat Aceh belum memahami tentang kewajiban membayar zakat.

¹⁶⁴ *Ibid*

Selanjutnya, kempen laporan aktiviti Baitul Mal Aceh masih sangat terhad, kerana terbatasnya anggaran dan yang sedia ada. Semestinya Baitul Mal Aceh dapat melakukan kempen zakat secara lebih dengan cara menyebarkan penerbitan Baitul Mal Aceh kepada semua pihak-pihak yang terkait. Seharusnya, Baitul Mal Aceh dapat melakukan kempen tiap bulan dengan cara menerbitkan buletin serta dengan media television. Dan di samping itu, penguasa yang berkuasa menerima laporan bulanan Baitul Mal tidak mempunyai masa untuk membacanya dan menganalisisnya, atau stafnya tidak pernah menyampaikan laporan tersebut, sehingga pegawai tersebut memberikan tafsiran yang tidak baik kepada Baitul Mal Aceh.¹⁶⁵

Dengan berbagai macam cabaran tersebut, sehingga membuat Baitul Mal Aceh sedikit tercabar dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh. Meskipun demikian, Baitul Mal Aceh telah mengupayakan semaksimum mungkin peranan dan kuasanya dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh.

5.6.2 Cabaran Luaran

Di samping cabaran dalaman yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh, juga terdapat cabaran dari luaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Baitul Mal Aceh juga mengalami berbagai macam cabaran dalam melakukan pungutan zakat, pengagihan, serta pembangunan harta zakat. Adapun cabaran luaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh adalah :

1. Minimumnya Kepercayaan Masyarakat Terhadap Baitul Mal Aceh

Sistem pengurusan organisasi yang penuh dengan rasuah, sama ada organisasi kerajaan mahupun organisasi swasta ternyata menjadikan masyarakat tidak percaya

¹⁶⁵ *Ibid.*

dengan lembaga amil zakat, sifat ini nampaknya masih membekas pada masyarakat. Hal ini dapat dilihat masih sangat rendahnya kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan. Sampai saat ini, masyarakat masih berpandangan bahawa kerajaan masih sangat berhampiran dengan amalan rasuah. Sehingga sangat sukar bagi masyarakat untuk percaya kepada kerajaan apalagi untuk menyerahkan zakat kepada lembaga amil zakat resmi kerajaan, yang mana dalam hal ini adalah organisasi pengurusan zakat yang dikendalikan oleh kerajaan.

Menurut Amrullah, “ada sebahagian masyarakat masih ada kekhawatiran bahawa zakat yang telah mereka bayar kepada lembaga amil nantinya tidak sampai kepada yang berhak menerimanya. Kekhawatiran masyarakat ini menyebabkan masyarakat lebih memilih membayar zakat di masjid-masjid persekitaran masing-masing sebagai tempat membayar zakat. Ini kerana selain lebih dekat, masyarakat juga telah mengenali pengurus masjid dengan baik”.¹⁶⁶

Selain rasa kurang percaya masyarakat kepada kerajaan, banyak golongan golongan dalam agama Islam juga menjadi cabaran, misalnya ulama klasik. Terdapat kecenderungan dalam masyarakat untuk merasa curiga terhadap orang lain yang tidak sefahaman dengan mereka. Sebagai contoh, ulama klasik tidak mewajibkan zakat pendapatan, sebahagian dari masyarakat masih percaya dengan ulama klasik tersebut, sehingga mereka tidak membayar zakat pendapatan.

Walaupun kesedaran masyarakat dalam membayar zakat masih kurang, terutama zakat pendapatan, disebabkan ada beberapa muzakki intelektual yang menolak membayar zakat pendapatan, terutamanya muzakki di kalangan salafi. Namun, pengurus Baitul Mal selalu melakukan kempen, untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam membayar zakat. Dan cabaran lainnya iatu khusus bagi orang-orang

¹⁶⁶ *Ibid.*

yang enggan membayar zakat, mereka mencari-cari alasan untuk tidak membayarnya dengan cara memberi tahu bahawa Baitul Mal tidak telus. Dan masih ada segelintir kaum yang tugasnya khusus berkempen untuk keburukan Islam, tujuannya untuk menghalang kemajuan syariat berkembang di Aceh.

2. Minimumnya Pemahaman Masyarakat Tentang Kewajipan Zakat

Disebabkan kehidupan di bandar mempunyai pengetahuan agama yang minimum, termasuk tentang zakat, sehingga mengakibatkan pemahaman zakat kurang difahami dan ditaati oleh masyarakat di sekeliling bandar sebagai salah satu kewajipan. Hal ini mengakibatkan kesedaran masyarakat untuk melaksanakan zakat masih rendah. Kesedaran masyarakat bandar masih terhad kepada pelaksanaan zakat fitrah sahaja. Sedangkan untuk melaksanakan zakat mal, kesedaran masyarakat bandar masih rendah. Hal ini disebabkan oleh pemahaman masyarakat Aceh tentang zakat mal masih terhad.

Dalam melakukan peranannya sebagai lembaga pungutan zakat, Baitul Mal Aceh juga mengalami berbagai macam cabaran. Hal ini disebabkan kurangnya pemahaman masyarakat terhadap kepentingan zakat, dan juga kesedaran masyarakat akan makna zakat itu sendiri. Lebih-lebih lagi terhadap zakat pendapatan. Banyak kalangan yang menentang zakat pendapatan, disebabkan tidak dibahas di dalam fiqh klasik. Ini merupakan salah satu cabaran yang besar ke atas Baitul Mal Aceh dalam melakukan pungutan zakat.

Pemahaman masyarakat tentang harta yang wajib zakat juga masih terhad pada harta wajib zakat yang ditetapkan dalam Al Quran dan hadis Rasulullah saw sahaja. Padahal sebagaimana diketahui bahawa hasil daripada ijtihad para ulama, harta wajib zakat pada saat ini sudah lebih berkembang dan tidak terhad kepada harta wajib zakat yang ditetapkan dalam Al Quran dan hadis Rasulullah saw sahaja, kerana perkembangan zaman menuntut adanya perkembangan mengenai harta wajib zakat.

Sebagai contoh, zakat pendapatan perkhidmatan, seperti doktor, peguam, perunding, peniaga dan sebagainya. Dalam Al Quran dan Hadis Rasulullah saw tidak menetapkan mengenai zakat harta yang diperoleh dari perkhidmatan tersebut. Hal ini berdasarkan ijtihad, pendapatan dari perkhidmatan tersebut termasuk dalam harta wajib zakat iaitu zakat pendapatan. Sedangkan dalam penghitungannya dianalogikan dengan zakat emas.

Baitul Mal Aceh dalam melakukan peranan dan kuasanya sebagai lembaga pengagih zakat kepada mustahik juga mengalami kesukaran. Hal ini disebabkan dalam menentukan mustahik zakat sangat relatif. Hal ini memerlukan data yang tepat agar tidak salah dalam melakukan pengagihan zakat. Ini kerana, dalam penentuan mustahik zakat amatlah sukar dilakukan. Untuk mewujudkan ketelusan dan keadilan dalam pengagihan zakat, Baitul Mal Aceh sangat selektif dalam pengagihan zakat.

Di samping cabaran tersebut di atas, cabaran lain yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh adalah belum adanya polisi politik dari penguasa daerah dan parlimen untuk menjadikan Baitul Mal sebagai lembaga kewangan syariah yang menguruskan zakat, harta wakaf, harta agama dan amanah. Hal ini terbukti dari sokongan dana dari kerajaan sangatlah minimum, di samping polisi yang belum diterima oleh orang ramai.

Cabaran luaran lainnya yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh adalah kurangnya kesedaran masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi zakat, seperti Baitul Mal Aceh, lebih-lebih lagi ke atas zakat pendapatan. Dan adanya juga campur tangan daripada ulama-ulama tradisional yang tidak mengharuskan adanya zakat pendapatan. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh.

5.7 Usaha Penyelesaian Cabaran Dalam Pengurusan Zakat di Baitul Mal Aceh

Dalam pengurusan zakat oleh Baitul Mal Aceh, banyak terjadi cabaran dalam pengurusan zakat. Meskipun banyak cabaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh, namun Baitul Mal Aceh telah mengupayakan berbagai macam usaha agar dapat mewujudkan pengurusan zakat yang optimum supaya tujuan daripada zakat boleh dirasakan oleh asnaf yang berhak menerima zakat.

Menurut Amrullah “dalam menyikapi rasa kurang percaya masyarakat terhadap Baitul Mal Aceh sebagai lembaga pengurus zakat, maka Baitul Mal Aceh telah melaksanakan sistem laporan terbuka atau dengan kata lain penerbitan laporan pengurusan zakat Baitul Mal Aceh. Misalnya memberikan laporan bertulis kepada setiap muzakki ataupun UPZ di masing-masing agensi”.¹⁶⁷ Dengan sistem laporan terbuka tersebut, rasa ketidakpercayaan masyarakat akan terjadinya kecurangan yang dilakukan oleh pengurus Baitul Mal Aceh akan berkurangan. Penerbitan laporan kewangan sangat diperlukan oleh Baitul Mal Aceh, sekaligus sebagai usaha untuk menyebarkan maklumat tentang pengurusan zakat kepada masyarakat umum. Penerbitan ini boleh dilakukan melalui pelbagai media massa seperti televisyen, surat khabar, buletin, radio dan lain-lain.

Banyak permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat, baik cabaran daripada dalaman mahupun luaran. Cabaran tersebut harus diselesaikan oleh Baitul Mal Aceh, dengan tujuan pengurusan zakat dapat berjalan dengan lancar. Seperti cabaran luaran, dalam hal pungutan zakat pendapatan, banyak terjadi persoalan dalam perkara ini, seperti terjadinya perbezaan pendapat di antara ulama tradisional (ulama pesantren) dengan ulama kontemporeri tentang kewajiban membayar zakat pendapatan.

¹⁶⁷ *Ibid.*

Perbezaan pandangan tersebut merupakan salah satu daripada cabaran ke atas Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Oleh yang demikian, perlu kiranya Baitul Mal Aceh menyelesaikan persoalan tersebut dengan cara membahagikan pengetahuan dan penjelasan yang bersifat kontemporari kepada seluruh masyarakat, terutamanya tentang kewajiban daripada zakat pendapatan. Dengan demikian, masyarakat akan sedar tentang kewajiban membayar zakat daripada hasil pendapatan.

Selain daripada itu, banyak persoalan-persoalan lain yang menjadi masalah atau cabaran ke atas Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Seperti halnya persoalan sumber manusia yang kurang profesional dalam menjalankan aktiviti. Dengan demikian, Baitul Mal Aceh selalu mengupayakan pelatihan khusus yang berhubung kait dengan bidang masing-masing daripada pegawai Baitul Mal Aceh, dengan tujuan untuk dapat meningkatkan skil pegawai Baitul Mal Aceh. Adapun bentuk-bentuk peningkatan sumber manusia di Baitul Mal Aceh, seperti bengkel IT (informasi teknologi), serta konsep pengurusan zakat, bermula daripada pungutan mahaupun pengagihan zakat.

Persoalan dalam pengagihan zakat seperti dalam perkara menentukan calon mustahik yang akan menerima zakat. Dalam perkara ini, Baitul Mal Aceh sering mengalami berbagai macam cabaran dalam menentukan calon mustahik yang akan menerima zakat. Usaha yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh untuk penyelesaian perkara ini iaitu dengan cara melakukan mesyuarat dengan pihak pengurus zakat, dan melakukan kajian terhadap data-data mustahik. Dalam perkara ini, Baitul Mal Aceh sangatlah selektif dalam menentukan mustahik zakat, kerana dengan cara seperti ini, masalah atau cabaran dalam menentukan mustahik zakat boleh diatasi.

Masalah atau cabaran lain yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat adalah tentang terhadnya peranan dan kuasa yang terdapat dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007. Dengan demikian, Baitul Mal Aceh telah

mengupayakan berbagai macam cara untuk dapat melakukan perubahan terhadap Qanun tersebut, agar peranan dan kuasa yang terdapat dalam Qanun tersebut tidak akan terhad lagi terutamanya tentang pengurusan zakat.

Daripada huraian di atas, dapatlah difahami bahawa, Baitul Mal Aceh telah melakukan berbagai macam usaha dalam menyelesaikan berbagai macam masalah atau cabaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam perkara pengurusan zakat di Aceh. Dengan demikian, diharapkan pengurusan zakat di Aceh akan lebih berjaya. Semoga tujuan daripada pengurusan zakat boleh diwujudkan dengan baik.

5.8 Penutup

Daripada semua paparan yang telah dihuraikan di atas boleh diperolehi beberapa persoalan untuk dikaji lebih jauh. Baitul Mal sebagai lembaga amil zakat menduduki kedudukan yang sangat penting dalam suatu proses perzakatan. Fungsi dan kedudukannya tidaklah hanya sebagai pengurus yang meliputi memungut, mengagihkan zakat. Akan tetapi lebih daripada itu iaitu sebagai orang / badan undang-undang yang bertanggung jawab penuh terhadap kelangsungan dan kewujudan zakat.

Baitul Mal merupakan lembaga pengurus zakat yang berbadan hukum yang disertai tugas sebagai pengurus zakat. Secara umum, peranan Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil zakat adalah mengurus, memungut, mengagihkan, mengawasi, serta menetapkan muzakki dan mustahik zakat. Di samping itu, Baitul Mal Aceh mempunyai beberapa bentuk kuasa dalam pengurusan zakat, adapun bentuk-bentuk kuasa tersebut adalah, kuasa ganjaran, kuasa paksaan, kuasa sah dan kuasa pakar. Dengan demikian, fungsi dan tujuan zakat seperti ketentuan syariat akan dapat diwujudkan dengan semaksimum mungkin.

Peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh sebagai amil zakat mengikut Qanun nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal sangatlah sempit berbanding kuasa amil zakat dalam literatur fiqh. Dalam Qanun tersebut, peranan amil zakat hanya meliputi menguruskan zakat, melakukan pengumpulan, pengagihan, melakukan pendayagunaan zakat, serta melakukan kempen zakat. Akan tetapi kekuatan memaksa muzakki untuk membayar zakat bagi amil tidak disebutkan dalam Qanun tersebut. Kuasa untuk membahagikan hukuman ke atas muzakki yang tidak membayar zakat juga tidak dihuraikan secara konkrit. Namun, perlu diapresiasi juga, kehadiran Qanun Aceh nombor tahun 2007 telah memberikan kemajuan yang besar dalam pengurusan zakat, yang dulunya pengurusan zakat lebih bersifat tradisional. Namun, sekarang sedikit lebih moden, seperti menggunakan sistem maklumat zakat, dan teknologi yang lebih baik serta kempen zakat yang lebih baik, maka fungsi dan tujuan dari zakat pun telah terarah dengan lebih baik.

Sebagai lembaga yang diberikan kuasa oleh kerajaan Aceh, Baitul Mal Aceh selalunya melakukan pengurusan zakat yang telus, bermula daripada laporan kewangan mahupun laporan aktiviti Baitul Mal Aceh dalam melakukan pungutan mahupun pengagihan zakat kepada ansaf zakat. Tujuan daripada Baitul Mal Aceh iaitu untuk mewujudkan pengurusan zakat yang profesional.

Meskipun demikian, banyak cabaran yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat, bermula cabaran dalaman mahupun cabaran luaran. Namun, Baitul Mal Aceh selalu berusaha untuk menghadapi cabaran tersebut, sehingga kejayaan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat boleh tercapai.

BAB VI

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik akan menjelaskan kesimpulan daripada penjelasan dalam bab-bab sebelumnya, dengan tujuan untuk melihat kepada pencapaian objektif kajian. Daripada semua hasil penyelidikan, penulis dapat menyimpulkan bahawa peranan dan kuasa lembaga amil zakat dalam pengurusan zakat daripada perspektif Islam bahawa lembaga amil zakat sebagai institusi yang mempunyai peranan dan kuasa dalam pengurusan zakat. Pada masa awal Islam, Rasulullah saw melakukan pengurusan zakat secara peribadi. Ini bermakna Rasulullah saw berfungsi sebagai pentadbir langsung harta zakat pada masa itu.

Daripada semua hasil penyelidikan, penulis dapat menyimpulkan sebagai berikut. *Objektif pertama* : mengenal pasti peranan, kuasa, kepentingan serta cabaran lembaga amil dalam pengurusan zakat menurut fiqh. Hasil daripada penyelidikan sebagaimana yang telah penyelidik huraikan pada bab II menyebutkan bahawa : zakat dalam Islam merupakan salah satu kewajiban yang penting, ianya termasuk dalam rukun Islam yang ketiga. Selain sebagai ketentuan ibadah, zakat juga mengadung nilai muamalah, di mana nilai muamalah yang dimaksudkan adalah zakat sebagai solusi dalam membasmi kemiskinan di dalam masyarakat. Dengan demikian, lembaga amil zakat sangat berperanan penting dalam pengurusan zakat. Dalam hal ini, peranan yang dimaksudkan adalah peranan dalam melaksanakan ibadah dan peranan dalam muamalah, kerana zakat merupakan salah satu sumber ekonomi masyarakat yang mampu dapat membasmi kemiskinan dalam masyarakat.

Selanjutnya kuasa, ada lima kuasa yang dimiliki oleh lembaga amil dalam pengurusan zakat. Mulai dari kuasa ganjaran, kuasa pakar, kuasa paksaan, kuasa rujukan. Oleh yang demikian, kuasa tersebut telah memberikan ruang gerak kepada lembaga amil zakat untuk dapat menguruskan zakat lebih berkuasa.

Seterusnya, kepentingan lembaga amil dalam pengurusan zakat. Dalam mewujudkan hakikat harta zakat boleh tercapai semestinya, maka lembaga amil zakat perlu kiranya dapat melakukan pembangunan harta zakat. Di mana pembangunan harta zakat yang dimaksud adalah harta zakat dapat dikembangkan dengan baik, seperti peningkatan ekonomi masyarakat, mewujudkan kesejahteraan umat Islam serta dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dalam beribadah kepada Allah.

Meskipun pengurusan zakat pada masa awal Islam belum menggunakan teknologi. Namun, pengurusan zakat pada masa itu sangatlah profesional, sehingga pengurusan zakat pada masa itu sangatlah berjaya. Bahkan pada masa itu, tujuan dan hakikat daripada zakat itu dapat dirasakan dengan baik oleh asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat. Setelah wafatnya Rasulullah, maka tempat kekhalifahan digantikan oleh Saidina Abu Bakar. Setelah Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah, maka salah satu tugas pertama yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar adalah memerangi orang yang enggan membayar zakat. Bahkan pada masa itu, Saidina Abu Bakar memaksa masyarakat untuk membayar zakat ke atas harta mereka yang sudah berhak mengeluarkan zakat, tetapi mereka tidak mengeluarkan zakat. Saidina Abu Bakar sebagai khalifah pertama setelah wafatnya Rasulullah saw sekaligus sebagai amil zakat pada masa itu, beliau melakukan pengurusan zakat dengan baik. Ini menyebabkan, sesiapa saja yang tidak membayar zakat, mereka akan diperangi oleh khalifah, yakni pada masa itu Saidina Abu Bakar.

Objektif kedua untuk mengenal pasti perkembangan pengurusan zakat di Indonesia dan Aceh. Hasil daripada penyelidikan menyebutkan bahawa Perkembangan pengurusan zakat di Indonesia bermula daripada tahun 1999 Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat dikeluarkan oleh kerajaan. Kerajaan bersama Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) berusaha memajukan kesejahteraan sosial dan ekonomi bangsa dengan menerbitkan Undang-undang nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Kemudian dikeluarkan pula keputusan menteri agama nombor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan Undang-undang Nombor 38 tahun 1999 dan keputusan pengarah jeneral bimbingan masyarakat (bimas) Islam dan urusan haji nombor D-291 tahun 2000 tentang manual teknikal pengurusan zakat

Perkembangan dan pembentukan Baitul Mal Aceh berasal dari Badan Penertiban Harta Agama (BPHA), yang dibentuk berdasarkan surat keputusan gabenor kepala daerah istimewa Aceh nombor 05 tahun 1973, tarikh 4 April 1973. Tugas lembaga ini menguruskan zakat dan harta agama. Dua tahun kemudian, BPHA berubah nama menjadi BHA (Badan Harta Agama). Pada tarikh 10 Februari 1993, BHA dirubah menjadi BAZIS (Badan amil zakat infaq dan shadaqah), melalui surat keputusan gabenor kepala daerah istimewa Aceh nombor 02 tahun 1993.

Selain merupakan ketentuan syariat Islam, pengurusan zakat di Aceh telah pula menjadi undang-undang positif. Ini kerana pengurusan zakat telah diatur oleh undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh (UUPA) dan Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Zakat sebagai undang-undang positif yang mana mengikat muzakki (wajib zakat) dan menetapkan amil sebagai pemegang autoriti pengurusan zakat. Qanun nombor 10 tahun 2007 telah memberikan peranan dan kuasa kepada Baitul Mal Aceh untuk melakukan pengurusan zakat.

Objektif ketiga, menganalisis peranan, kuasa, kepentingan serta cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Daripada hasil penyelidikan pada bab sebelumnya menghuraikan bahawa Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil zakat mempunyai peranan untuk menguruskan zakat.

Dalam melakukan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh mempunyai peranan untuk melakukan pungutan zakat di kawasan Aceh, khususnya di kawasan Aceh di bawah naungan Baitul Mal Aceh. Dalam melakukan pungutan zakat, Baitul Mal Aceh menjalin komunikasi dan kerjasama yang baik dengan pihak muzzaki, baik muzakki yang bersifat peribadi samada lembaga-lembaga atau syariat baik swasta samada negeri. Dalam pungutan zakat, biasanya Baitul Mal Aceh menerima harta zakat dari muzakki yang menghantar langsung ke pejabat Baitul Mal, atau mengambil dari muzakki berdasarkan kepada notis muzakki. Baitul Mal juga bekerjasama dengan pihak bank ataupun institusi kewangan dalam proses pungutan zakat. Hal ini sebagaimana yang disebut di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 bab IV perkara 20 bahawa: pengumpulan zakat dilakukan oleh Baitul Mal dengan cara menerima atau mengambil dari muzakki berdasarkan kepada notis muzakki.

Di samping mempunyai peranan sebagai lembaga pungutan zakat, Baitul Mal Aceh juga mempunyai peranan sebagai lembaga pengagih zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat. Dalam menjalankan peranan dan fungsinya sebagai lembaga pengagih zakat, Baitul Mal Aceh melakukan berbagai macam program dalam mengagihkan harta zakat kepada asnaf. Daripada lapan asnaf yang termaktub di dalam Al-Qur'an, hanya asnaf *riqab* yang tidak diagihkan, disebabkan asnaf *riqab* tidak ada dalam masyarakat Aceh pada zaman ini. Pengagihan zakat Baitul Mal Aceh, dibahagikan dalam dua bentuk. Pertama, dalam bentuk pengeluaran dan kedua, penggunaan. Pengagihan dalam bentuk pengeluaran bermakna, harta zakat dibahagikan

kepada asnaf yang sifatnya jangka panjang, seperti modal usaha, membuat kilang, dan sebagainya yang sifatnya penggunaan jangka panjang. Adapun pengagihan dalam bentuk penggunaan iaitu pengagihan zakat yang digunakan untuk keperluan jangka pendek, seperti bantuan makanan, dan bantuan hari raya.

Setelah melakukan pengagihan zakat, Baitul Mal Aceh juga melakukan pembangunan harta zakat. Ini bermakna, harta zakat yang telah diagihkan kepada asnaf yang berhak menerima zakat, Baitul Mal Aceh juga melakukan pemantauan ke atas mereka. Ini bermakna harta zakat yang telah dibahagikan kepada asnaf akan digunakan dengan baik, sebagaimana sesuai dengan usaha dan keinginan asnaf yang mendapatkan bantuan daripada harta zakat dari Baitul Mal Aceh.

Adapun peranan lain daripada Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil zakat iaitu melakukan kempen kewajipan membayar zakat kepada seluruh masyarakat Aceh. Dalam melakukan kempen zakat, Baitul Mal telah melakukan berbagai macam usaha, di mana setiap sarana dimanfaatkan secara optimum. Mulai daripada saluran khutbah Jumaat, majlis ta'lim, surat khabar, majalah, poster atau sepanduk-sepanduk atau televisyen, seminar-seminar di tempat awam seperti pejabat-pejabat atau lembaga-lembaga tertentu, dengan tujuan agar kempen zakat betul-betul terwujud supaya boleh difahami oleh masyarakat.

Selanjutnya kuasa, adapun bentuk-bentuk kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat meliputi: kuasa ganjaran, kuasa sah, kuasa paksaan dan kuasa pakar. Kuasa sah yang dimiliki oleh Baitul Mal Aceh iaitu Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa sah secara perundangan, ianya diatur dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 tentang pengurusan zakat. Ini bermakna bahawa, Baitul Mal Aceh dapat menggunakan kuasa sahnya dalam pengurusan zakat. Selanjutnya kuasa paksaan, di dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007, Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa paksaan dalam melakukan

pungutan zakat terhadap muzakki yang hartanya sudah mencapai haul dan nisab. Oleh yang demikian, kuasa paksaan tersebut tidak sepenuhnya dijalankan oleh Baitul Mal Aceh, disebabkan keadaan masyarakat yang tidak sepenuhnya mengetahui tentang kewajiban zakat. Justeru, ini memerlukan kepada kempen zakat.

Selanjutnya kuasa pakar, Baitul Mal Aceh mempunyai kuasa pakar dalam melakukan pungutan, pengagihan zakat, dan melakukan kempen zakat. Ini kerana, tidak ada lembaga lain yang rasmi yang boleh melakukan hal tersebut, kecuali Baitul Mal Aceh. Hal ini telah diatur dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007. Dengan demikian, untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan zakat, sudah semestinya Baitul Mal Aceh mempunyai kepakaran dalam pengurusan zakat.

Selanjutnya, kepentingan Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Daripada hasil penyelidikan dalam bab sebelumnya menghuraikan bahawa keberadaan Baitul Mal Aceh sangat penting terhadap masyarakat Islam, khususnya masyarakat Aceh. Ini kerana berbagai macam program peningkatan ekonomi masyarakat selalu dilaksanakan oleh Baitul Mal Aceh, samaada dalam bentuk bantuan modal perniagaan, mahupun bantuan biasiswa untuk pelajar dan lain sebagainya. Selain sebagai lembaga yang memungut harta zakat, Baitul Mal Aceh juga mempunyai peranan untuk melakukan pengurusan harta wakaf dan harta agama lainnya.

Selanjutnya, cabaran Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Dalam melakukan pengurusan zakat, Baitul Mal Aceh mendapati berbagai macam cabaran, baik cabaran dalaman mahupun luaran. Adapun cabaran dalaman iaitu kurangnya sokongan daripada kerajaan, baik dalam bentuk regulasi (peraturan/undang-undang) sama ada dalam bentuk sokongan kewangan kepada pegawai tambahan di Baitul Mal Aceh. Di samping itu, cabaran dalaman lain iaitu sumber manusia pegawai Baitul Mal Aceh yang tidak memadai, serta pengagihan zakat ke atas amil yang harus selektif

dalam pemilihan mustahik (penerima zakat), sehingga menjadi cabaran luaran ke atas Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat.

Manakala cabaran luaran lain yang dihadapi oleh Baitul Mal Aceh adalah terhadapnya kuasa Baitul Mal Aceh dalam melakukan pungutan zakat. Kurangnya kesedaran masyarakat untuk membayar zakat, lebih-lebih lagi ke atas zakat pendapatan, dan ada juga penglibatan daripada ulama-ulama tradisional yang tidak mengharuskan adanya zakat pendapatan, sehingga menjadi suatu cabaran ke atas Baitul Mal Aceh dalam melakukan pengurusan zakat di Aceh.

Objektif ke empat, mencadangkan penyelesaian cabaran kepada Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat. Masalah atau cabaran yang paling penting dalam pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh adalah terhadapnya peranan dan kuasa yang terdapat dalam Qanun Aceh nombor 10 tahun 2007 (undang-undang yang mengatur tentang perzakatan di Aceh). Dengan demikian, Baitul Mal Aceh telah mengupayakan berbagai macam cara untuk dapat melakukan perubahan terhadap Qanun tersebut, agar peranan dan kuasa yang terdapat dalam Qanun tersebut tidak akan terhad lagi yang berhubung kait dengan pengurusan zakat. Dalam pungutan zakat, cabaran yang sering terjadi adalah ketidakpercayaan masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi kerajaan.

Dengan demikian, Baitul Mal Aceh melakukan kempen zakat serta membentuk kepercayaan ke atas masyarakat, agar mereka mahu membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh. Di samping itu, dalam pengagihan zakat, cabaran yang terjadi adalah sukarnya menentukan mustahik (penerima zakat). Justeru, usaha yang boleh dilakukan oleh Baitul Mal Aceh dalam menyelesaikan perkara tersebut adalah melakukan mesyuarat dengan pengurus Baitul Mal, kepada mengkaji lebih terperinci ke atas data-data calon penerima zakat Baitul Mal Aceh, sehingga pengagihan zakat dapat berjalan dengan baik.

6.2 Saranan

Kejayaan dalam pengurusan zakat sangat dipengaruhi oleh kerjaya amil dalam melakukan pengurusan zakat. Kerjaya amil yang bagus akan menghasilkan pengurusan zakat yang profesional. Di samping kerjaya amil, kerajaan sebagai penguasa juga perlu memberikan peranan dan kuasa yang luas kepada lembaga institusi zakat dalam melakukan pengurusan zakat, dengan cara menubuhkan regulasi yang kuat dalam pengurusan zakat, sehingga peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh dalam pengurusan zakat menjadi kuat.

Oleh yang demikian, sepatutnya kerajaan Aceh perlu mengambil kira untuk dapat membahagikan peranan dan kuasa yang luas kepada Baitul Mal Aceh untuk dapat melakukan pengurusan zakat yang profesional di Aceh. Selama ini, peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh sebagai lembaga amil sangatlah terhad, iaitu Baitul Mal Aceh tidak mempunyai kuasa penuh untuk melakukan pengurusan zakat, seperti halnya Baitul Mal Aceh tidak mempunyai kuasa memaksa muzakki yang lebih tegas untuk membayar zakat ke atas Baitul Mal Aceh, ianya disebabkan bidang kuasa Baitul Mal Aceh masih sangat terhad.

Baitul Mal Aceh perlu melakukan berbagai macam aktiviti dalam meningkatkan skil pengurus zakat, samaada yang berhubungan dengan informasi teknologi, mahupun tentang pengurusan zakat. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan pengurusan zakat yang profesional. Di samping itu, Baitul Mal Aceh juga perlu meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh, hal ini bertujuan supaya pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh semakin berjaya.

Baitul Mal Aceh perlu mengambil kira untuk melakukan unit advokasi ke atas muzakki, baik muzakki individual sama ada syarikat-syarikat dalam pungutan zakat. Maksudnya, Baitul Mal Aceh perlu menyemak rekod daripada muzakki dalam

membayar zakat. Serta mereka perlu mengingatkan muzakki untuk membayar zakat apabila telah sampai haul dan nisabnya. Di samping itu, Baitul Mal Aceh perlu menubuhkan unit penaksir zakat. Unit ini mempunyai kuasa untuk menaksir harta zakat muzakki sebelum ianya membayar zakat kepada Baitul Mal Aceh. Unit ini akan melakukan kerjaya menaksir setiap harta zakat.

6.3 Penutup

Persoalan asas dalam kajian ini adalah bagaimanakah peranan dan kuasa Baitul Mal Aceh, Indonesia dalam pengurusan zakat. Rumusan daripada hasil kajian menyatakan bahawa Baitul Mal Aceh mempunyai peranan dalam melakukan pengurusan zakat, iaitu dalam pungutan zakat, pengagihan zakat, serta dalam melakukan kempen kewajipan zakat terhadap masyarakat Muslim di daerah Aceh. Seterusnya, Baitul Mal Aceh juga mempunyai kuasa dalam pengurusan zakat, seperti kuasa ganjaran, paksaan, pakar dan kuasa sah.

Sebagai cadangan dalam penyelidikan ini, penyelidik cuba memberikan beberapa cadangan ke atas Baitul Mal Aceh, dengan tujuan pengurusan zakat di Baitul Mal Aceh boleh dilaksanakan dengan baik. Sebaiknya Baitul Mal Aceh perlu menubuhkan pasukan advokasi terhadap harta zakat, ke atas muzakki yang wajib membayar zakat. Di samping itu, Baitul Mal Aceh perlu kiranya menubuhkan pasukan penaksir zakat, disebabkan tidak semua muzakki boleh memahami tentang haul dan nisabnya zakat. Dengan demikian, kedua cadangan ini perlu diterapkan dalam carta organisasi Baitul Mal Aceh. Ini bertujuan untuk mewujudkan pengurusan zakat yang profesional di Baitul Mal Aceh.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Sheikh Abdullah Basmeih (2002), *Tafsir pimpinan Al-Rahman kepada pengertian Qur-an*, c. XIII. Kuala Lumpur: Darulfikir.

(Penterjemah), (1999), *Mushaf Tajwid Beserta Terjemahan ke Dalam Baha Malaysia*, Darul Fikar, Kuala Lumpur.

Kamus

Hajah Noresah bt. Baharom at al. (ed) (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

T. Iskandar (2009), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan Berbahasa Arab

Al-Qurtubi, Mohammad Ahmad Al-Ansari, (tt), *Jami; al-Ahkam Al-Qur'an*, j.8. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Abu Ubayd (1981), *Al-Amwal*. Beirut: Muassahah Nasr Li al-Taqafah,

Abdul Qadim Zallum (1983) *Al-Amwal fi Dawlah al-Khilafah*. Beirut : Darul 'Ilmi li al-Malayin.

Al-Bahuti Mansur Ibn Yunus Idris, (1982) *Kashshaf al-Qina' 'An matn Al-Iqna;*, j.2. Beirut Dar al-Fkr.

Al-Bukhari, (t.t), *Shahih Al-Bukhari*, Juz 5, Kairo, Al-Sya'bi, h. 130.

Ibrahim Mustafa, et all (1985), *Mu'mal al-Wasit*, J.2. Istanbul: Maktabah Islamiyyah.

Ibnu Qudamah, 'Abdullah bin Qudaimah Al-Maqdisi (2004), al-Mugni, j.4. Bab. Zikr Ahli Al-Zakat, Kaherah: Dar Al-Hadith.

Muhammad Rasyid Rida (t.t), *Tafsir al-Manar*, Juzuk X, Beirut, Dar al-Fikr.

Muhammad Syahat al-Jundi, (1985) *Qawa'id al-Tanmiyyah al-Islamiyah*, Mesir, Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Muhammad Ibn 'Abd al-Barr al-Namuri al-Qurtubi (tt), *al-Kafifi fiqh Ahl al-Madinat al Maliki*, Dar al-Kutub al-Al-Ilmiyat.

Rujukan Berbahasa Inggeris

Ataul-Haq, Pramanik (1993). *Development and Distribution in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Monzer Kahf, (1999), "The Performance of the Institution of Zakat in Theory and Practice", Paper presented in the International Conference on Islamic Economics in the 21st Century, held in Kuala Lumpur, 9-12 August 1999.

Patmawati Ibrahim (2001), *Zakat as Alternative Redistribution Mechanism: A Review*, Jurnal Syariah, Jil. Bil 2, Julay 2001.

The Little Oxford Dictionary 1969, 4th. Edition, Oxford: Clarendon Press; *An English-Reader's Dictionary*, 1969, 2nd. Edition, Oxford: ELBS & OUP.

Rujukan Berbahasa Melayu/Indonesia

Abdurrahman Qadir, (1998), *Zakat Dalam Dimensi Mahdhah dan Sosial*, Jakarta, PT. Raja Grafindo Persada.

Amrullah, (2004), *Regulasi Zakat Dari Fiqh Klasik Menuju Fiqh Negara*, Banda Aceh.

_____, (2009), *Perbandingan Baitul Mal Di Aceh dan BAZDA di Luar Aceh*, Publikasi Baitul Mal Aceh, Banda Aceh.

_____, (2011), Adakah Transparansi Dalam Pengelolaan Zakat di Baitul Mal Aceh, dalam www.baitulmalaceh.com. Diakses pada 13 hb October 2011.

Armiadi, (2007), *Zakat Produktif : Solusi Alternatif Pemberdayaan Umat (Potret dan Praktek di Baitul Mal Aceh)*, Yokyakarta, Ar-Raniry Press Darussalam Banda Aceh Bekerjasama Dengan AK Group Yokyakarta.

Ahmad Fauzi bin Mohamed, (2008) *Kuasa Kepemimpinan*, Kursus Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Dalam <http://kedah.edu.my/sahc>. Diakses Pada 02 Disember 2011.

Budiman, (2002), *Potensi Dana ZIS Sebagai Instrumen Ekonomi Islam; Dari Teori dan Implementasi Manajemennya*, P3EI UII, Yogyakarta.

Didin Hafidhuddin, (1998), *Dakwah Aktual*, Jakarta: Gema Insani.

Didin Hafifuddin, (2002), *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta, Gema Insani.

Didin Hafifuddin, (2005), *Anda Bertanya Tentang Zaka Infak dan Sedekah Kami Menjawab*, Jakarta, Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS).

Devi Hidayah Fajar, S.Syaban, (2008), *Pendayagunaan Zakat Produktif Dalam Perspektif Hukum Islam (Studi Kasus Pada Lembaga Amil Zakat Assalam Solo)*, Fakultas Agama Islam, Universitas Muhammadiyah Surakarta, Jawa Tengah.

- Depag RI, (2002), *Manual Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Projek Peningkatan Zakat dan Wakaf,.
- Dawam Rahardjo, *Perspektif Deklarasi Makkah Menuju Ekonomi Islam*.
- Fadillah Mansor (2006), “Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam” dalam Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor (eds.), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fakhruddin, (2008), *Fiqh dan Pengelolaan Zakat di Indonesia*, Malang: UIN Malang Press.
- Farida Prihatini, (2005), *Hukum Islam Zakat dan Wakaf Teori dan Prakteknya di Indonesia*, Papar Sinar Sinanti Kerja Sama Dengan Badan Penerbit Fakultas Hukum Universitas Indonesia.
- Hasan Bahrom dan Ezani Yaakub, (2006), *Pengurusan Zakat Semasa*, Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Ismail Muhammad Syah, (1991), *Filsafat Hukum Islam*, Jakarta: Bumi Aksara.
- Irawani Singarimbun, (1995), *Pemanfaatan Kepustakaan*, Jakarta, LP3ES.
- Karnen A. Perwataatmaja, (1996), *Membumikan Ekonomi Islam di Indonesia*, Depok: Usaha Kami..
- Kuntowijoyo, (1997), *Pengantar Ilmu Sejarah*, Yogyakarta: Bentang.
- Lexy J Moleong, (2007), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Cetakan Keduapuluh Tiga, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- M. Ali Muhammad, (1987), *Zakat Tanaman dan Zakat Jasa (Sebuah Pendekatan Baru)*, Banda Aceh, Taman Pengajian Islam ”Darun Nasyiin.
- M. Ali Hasan, (2004), *Zakat, Infak dan Sedekah, Salah Satu Solusi Mengatasi Problema Kemiskinan di Indonesia*, IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Muhammad Abd Wahab Fatoni Mhd Balwi, et al dalam tulisan yang bertajuk “Pewujudan usahawan asnaf: sorotan di Lembaga Zakat Selangor” dalam buku “Keusahawanan Islam, konsep dan isu-isu pelaksanaannya” di sunting oleh Nor’Azzah Kamri, et all, (2009), Keusahawanan Islam, konsep dan isu-isu pelaksanaannya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi, (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mursyidi, (2003), *Akuntansi Zakat Kontemporer*, Bandung, PT. Remaja Rosda Karya.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, (2003), *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Djamal Doa, (2004), *Pengelolaan Zakat Oleh Negara Untuk Memerangi Kemiskinan*, Jakarta, Korpus.

- M. Amin Abdullah, (2004), *Paradigma Alternative Pengembangan Usul Al-Fiqh Dan Dampaknya Pada Fiqh Kontemporer*, Dalam Ed. Riyanto Neo *Usul Fiqh: Menuju Ijtihad Kontekstual*, Yogyakarta: Fakultas Syariah Press.
- Muhammad Yasir, (1998), *Pengelolaan Zakat Dalam Pandangan Ulama Syafi'iah*, Jakarta, PT. Gramedia,
- Mujaini Tarimin (2006), *Golongan Penerima Zakat, Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- M. Ali Hasan, (2006), *Zakat, Infak dan Sedekah, Salah Satu Solusi Mengatasi Problema Kemiskinan di Indonesia*, Jakarta, Kencana Pranada Media Group.
- M. Ali Muhammad, (1987), *Zakat Tanaman dan Zakat Jasa (Sebuah Pendekatan Baru)*, Banda Aceh, Taman Pengajian Islam "Darun Nasyiin".
- Muhammad Jawad Mughniyah, (2002), *Fiqh Lima Mazhab*, (Terj. Masykur A.B, dkk), Jakarta: Lentera Basritama.
- Muhammad Daud Ali, (1998), *Sistem Ekonomi Islam Zakat dan Wakaf*, Kuala Lumpur: UI Press.
- Maulana Ibrahim, (2009), *Mekanisme Pengelolaan Zakat, Suatu Tinjauan Pada Masa Awal Islam*, IAIN Sumatera Utara, Medan.
- Muhammad Nazir, (1988), *Metode Penelitian*, C. IV, Jakarta, Ghalia Indonesia.
- Rifat Abul Latief, (2002), *Zakat Sebagai Penjana Pembangunan Ekonomi Islam*, Hj. Abu Mazaya Al-Hafi (Terj) Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publisher.
- Nukthoh Arfawie Kurde, (2005), *Memungut Zakat dan Infaq Profesi oleh Pemerintah Daerah (bagi pegawai negeri dan pegawai perusahaan daerah)*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Tim Penyusun, (2009), *Profil Baitul Mal Aceh*, Banda Aceh, Publikasi Baitul Mal Aceh.
- Yusuf Qardhawi, (2004), *Hukum Zakat (Fiqh al Zakah)*, Salma Harub (Terj) Jakarta, PT. Pustaka Litera Antar Nusa.
- _____, (2004), *Manajemen Zakat Profesi, (Idaratul Zakat al Mihni)* Pajang Solo: Media Insani.
- _____, (2005), *Ibadah Dalam Islam, (Al-'ibadah fi al Islam)* As'ad Yasin (Terj), Jakarta, Akbar Media Eka Prasarana.
- _____, (1999), *Kiat Islam Mengentaskan Kemiskinan (Musykilah al-Faqr wa Kayfa 'Alajaha al-Islam)*. Syafril Halim (Terj), Jakarta: Gema Insani Press.
- _____, (1997), *Kiat Sukses Mengelola Zakat*, Jakarta, Media Dakwah.

Raja Roslan Bin Raja Abd. Rahman, et, all, *Peranan Komunikasi Kepemimpinan Diri dan Organisasi Dalam Perspektif Islam*, Dalam : eprints.utm.my/6301/1/aziziyahkomunikas, 12 Desember 2011.

Syarifuddin Abdullah, (2003), *Zakat Profesi*, Jakarta: Mogo Seguro Agung, h. 111

Wardi Wahab, (2007), *Peran Kelembagaan Amil Zakat Pada Periode Awal Islam*, Yogyakarta, Ar-Raniry Press Bekerjasama Dengan AK Group Yogyakarta.

Undang-Undang

Team Penyusun Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal Aceh, 2007.

Team Pembentukan UU No. 11 tentang Pemerintahan Aceh, 2006.

Team Penyusun, (2006), Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA), Banda Aceh.

Team penyusun Qanun No. 7 Tahun 2004

Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999.

Tesis/ Disertasi

Armiadi Musa Basyah, (2009), *Pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*, (Tesis), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Budi Prayitno, (2008), *Optimalisasi Pengelolaan Zakat Pada Badan Amil Zakat Daerah, Tinjauan Terhadap Badan Amil Zakat Daerah Kabupaten Muna Propinsi Sulawesi Tenggara*, (Disertasi), Universitas Diponegoro Semarang, Jawa Tengah.

Hairul Fazli bin Muhammad Som, (2009) *Amil Dalam Institusi Zakat Modern; Kajian di Lembaga Zakat Selangor* (Tesis), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Humam bin Daud (2004), *Kutipan Zakat dan Agihannya, Satu Kajian di Awal Islam*, (Tesis), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nor Hazita bt. Yunus, (2002), *Peranan Baitul Mal Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam, Suatu Kajian Di Negeri Kelantan*, (Tesis), Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur.

Khalidin Z, (2007), *Sistem Pengelolaan Zakat Menurut Qanun No. 7 Tahun 2004* (Thesis), Banda Aceh, Fakultas Syariah IAIN Ar-Raniry.

Wardi Wahab, (2006) , *Peran Kelembagaan Amil Zakat Pada Periode Awal Islam*, (Disertasi), Program Pasca Sarjana, Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam.

Jurnal

- Hairunnizam Wahid, (2009), *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati*, Jurnal Syariah, Bil. 17, Jil. 1, 2009, Akademi Pengajian Islam, University Malaya.
- Mohd Ali Mohd Nor, (et.al), (2004), *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia*, Jurnal Islamiyyat, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1994), *Kuasa-Kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia*, Jurnal Syariah, Jil.2, Bil.1, Januari 1994.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi dan Adibah Hasanah Abd Halim, (2008) *Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf, Satu Tinjauan*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 16.
- Patmawati Hj Ibrahim, (2008), *Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat, Tinjauan Empirikal*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 16.
- Ram Al Jaffri Saad, (2009), *Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan*, Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam,

Kertas Persidangan

- Amrullah, (2009), *Cetak Biru Pengembangan Baitul Mal Aceh*, (Kertas Kerja Mesyuarat Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh.
- _____, (2004), *Regulasi Zakat Dari Fiqh Klasik Menuju Fiqh Negara*, (Kerta Kerja Pada Mesyuarat Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh.
- Hendara Saputra, (2010), *Peranan Baitul Mal Aceh Dalam Mencerdaskan Kehidupan Bangsa*, (Kertas Kerja Persidangan Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh.
- Muhammad Yasin. (2004), *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, (Kertas Kerja Persidangan Ekonomi Islam), Banda Aceh, IAIN Ar-Raniry.
- Muhammad Maulana, (2009) *Upaya Mewujudkan Pengelolaan Zakat yang Profesional*, (Kerta Kerja Persidangan Ekonomi Islam), IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh.
- Sayed Muhammad Husen, (2010), *Problematika Dalam Pengelolaan Zakat di Aceh*, (Kerta Persidangan Mesyuarat Kerja di Baitul Mal Aceh), Banda Aceh, Baitul Mal Aceh.
- Mawardi, (2008), *Strategi Efektifitas Peranan Lembaga Zakat Di Indonesia*, (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam), Jakarta, Universitas Indonesia.

Studi Dokumentasi

Senarai Laporan Tahunan Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, 06 hb Mei 2011.

Senarai Laporan Baitul Mal Aceh tentang pengagihan zakat Baitul Mal Aceh, 2010.

Senarai Laporan Baitul Mal Aceh tentang pungutan zakat Baitul Mal Aceh, 2010

Laman Web

Baitul Mal Aceh, <http://www.baitulmal.nad.go.id/> 11 Mei 2010

Widyatama, <http://dspace.widyatama.ac.id/bitstream/handle/10364/1049/bab2a.pdf>, 19 Januari 2012.

Yahoo answer, <http://id.answers.yahoo.com/question/index>, 03 Mei 2011.

Wikipedia Pengurusan, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Pengurusan>, 01 October 2011.

Dompot Dhuafa, <http://www.dompetdhuafa.org>, 18 Oct 2010.

Uniprof Wordpress. <http://uniprof.wordpress.com/2008/06/26/kuasa-dan-pengaruhnya-dalam-organisasi/> 09 July 2012.

<http://alarifs.blogspot.com/2009/02/hambatan-pengelolaan-zakat-di-indonesia.html>, Diakses pada 18 Disember 2011.

Temu bual

Amrullah, Ketua Jawatan Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 02 hb Mei 2011.

Juwita, Juru Tulis Zakat Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Temu Bual, 04 hb Julai 2011.

Hendra Saputra, Ketua Bahagian Pengagihan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 05 hb Mei 2011.

Saeh Muhammad Husen, Ketua Bahagian Pengagihan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 02 hb Julai 2011.

Zenita Maulidha, Bahagian Pengagihan dan Pengembangan Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 14 hb October 2011.

Maulizan, SHI, Bahagian Pengembangan Dan Perancangan Zakat Di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 13 hb October 2011

Jusma Eri, MA, Bahagian Monitoring Zakat di Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, Baitul Mal Aceh, Temu Bual, 13 hb October 2011

Baktiar Abdullah, Muzakki (pembayar zakat) kepada Baitul Mal Aceh, Banda Aceh,
Temu Bual, 05 hb Julai 2011

Muhammad Fajry, Mustahik Baitul Mal Aceh, Banda Aceh, 02 hb Julai 2011.